

BAB VIII: KESIMPULAN

Setelah bab-bab sebelumnya lebih dipenuhi dengan perbincangan ke atas perkara-perkara yang dapat dipastikan dengan tepat sehubungan dengan perjalanan PAS dalam era Mohd Asri Muda di antara tahun-tahun 1965 dan 1982, juga dalam era-era sebelumnya, perbincangan kita di dalam bab ini--yang didahului dengan sorotan ke atas perjalanan PAS dalam era-era Ahmad Fuad Hasan, Dr Abbas Alias dan Dr Burhanuddin al-Helmy di antara tahun-tahun 1956 dan 1965--pula adalah distrukturkan mengikut empat matlamat yang telah ditetapkan sehubungan dengan perkara-perkara yang tidak dapat dipastikan dengan tepat mengenai perjalanan PAS dalam era Mohd Asri Muda ini, iaitu untuk menganalisis faktor-faktor yang memunculkan Mohd Asri Muda sebagai Yang Dipertua Agung PAS dan yang seterusnya membolehkan beliau mengekalkan kekuasaan beliau di dalam PAS untuk satu jangka waktu yang amat panjang, untuk menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan kekuasaan beliau di dalam PAS akhirnya terburai, untuk menganalisis faktor-faktor yang mewujudkan kerjasama di antara PAS dan UMNO di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dan Barisan Nasional dan untuk menganalisis faktor-faktor yang membawa kepada keterburiaian kerjasama ini.

Selaras dengan penegasan bahawa kefahaman yang menyeluruh ke atas perjalanan PAS dalam era Mohd Asri Muda hanya boleh diperolehi apabila ia diperlihatkan di dalam konteks yang lebih menyeluruh, kajian ini mulanya telah menunjukkan konteks dalam mana Mohd Asri Muda mengambil-alih, secara *de facto*nya, tampuk kepimpinan PAS pada 29 Januari 1965, iaitu tatkala PAS telah tegak berdiri sebagai sebuah parti politik yang mempunyai ideologi-ideologi perjuangan yang teguh. Keteguhan ini terhasil daripada usaha PAS dalam era-era Ahmad Fuad Hasan dan

Dr Abbas Alias di antara tahun-tahun 1951 dan 1956 untuk menzahirkan kedudukan PAS sebagai sebuah parti politik dan untuk memasukkan unsur ideologi keislaman, tetapi juga unsur ideologi kebangsaan Melayu, di dalam perjuangannya, juga daripada usaha PAS dalam era Dr Burhanuddin al-Helmy di antara tahun-tahun 1956 dan 1965 untuk mempertingkatkan unsur ideologi kebangsaan Melayu, selain mengekalkan unsur ideologi keislaman, di dalam perjuangannya--usaha yang membolehkan PAS menguasai Kelantan dan Terengganu di dalam Pilihan Raya Umum 1959 dan yang membolehkan PAS mempertahankan kekuasaannya di Kelantan di dalam Pilihan Raya Umum 1964.

Usaha PAS--yang asalnya merupakan separuh pertubuhan keagamaan¹ dan separuh parti politik yang terhasil daripada inisiatif ulama'-ulama' UMNO²--dalam era Ahmad Fuad Hasan dan Dr Abbas Alias untuk menzahirkan kedudukan PAS sebagai sebuah parti politik mulanya berjalan dengan agak perlahan melalui tindakan-tindakan membuka penyertaan PAS kepada massa,³ memasukkan unsur politik pada tujuan-tujuan

¹ Walaupun di dalam ruang lingkup sifatnya sebagai pertubuhan keagamaan semata-mata, istilah yang lebih tepat untuk digunakan bagi menggambarkan sifatnya itu adalah "*a religious movement*" atau "*an Islamic organisation*" (Lihat umpamanya Chandrasekaran Pillay (1974). Protection of the Malay Community: A Study of UMNO's Position and Opposition Attitudes. Universiti Sains Malaysia. Hlm. 191-192) dan bukannya "*an Islamic welfare organisation*" (Lihat umpamanya Y Mansoor Marican (1976). The Political Accommodation of Primordial Parties: DMK (India) and PAS (Malaysia). The University of British Columbia. Hlm. 39-41; dan Neil John Funston (1980). Malay Politics in Malaysia: A Study of The United Malays National Organisation and Party Islam. Petaling Jaya: Heinemann Educational Books (Asia). Hlm. 94-96).

² Hakikat bahawa PAS adalah terhasil daripada inisiatif ulama'-ulama' UMNO malah telah pernah diakui oleh para pemimpin PAS sendiri--lihat umpamanya tulisan-tulisan yang menyatakan bahawa "PAS terbit dan lahir dari rusuk UMNO" (Berita PAS, Bil. 1 Thn. 3, April 1976. Hlm. 2), bahawa "pembentukan PAS itu (adalah) hasil daripada tajaan UMNO" (Mohd Nakhaei Ahmad, Sejarah Kelahiran Harakah Islamiah Di Tanah Air, dlm. Jabatan Penerangan dan Penyelidikan PAS Pusat (1987). 36 Tahun PAS: Meniti Liku Perjuangan. Kuala Lumpur. Jabatan Penerangan dan Penyelidikan PAS Pusat. Hlm. 8), bahawa "PAS lahir di rumah UMNO" (Lajnah Penerangan dan Penyelidikan PAS Pusat (1995). PAS Jawab Pembohongan Mahathir: Jenayah Akademik Pemimpin UMNO. Batu Caves: Lajnah Penerangan dan Penyelidikan PAS Pusat. Hlm. 5), bahawa "PAS dilahirkan dari dalam UMNO" (Nasharudin Mat Isa (2001). 50 Tahun Mempelopori Perubahan: Menyingkap Kembali Perjuangan PAS 50 Tahun. Batu Caves: Penerbitan Ahnaf. Hlm. 53) dan bahawa "inisiatif yang diambil oleh golongan ulama' UMNO-lah yang berjaya menubuhkan PAS di peringkat awal" (Cenderamata Sambutan Jubli Emas PAS Peringkat Negeri Terengganu pada 17 dan 18 Ogos 2001. Hlm. 32).

³ Pembukaan penyertaan PAS kepada massa ini adalah diakibatkan oleh tindakan Perjumpaan Alim Ulama' Se-Malaya Kali Ke-3 pada 24 November 1951 menukar nama PAS daripada "Pertubuhan

PAS⁴ dan memilih pernyataan politik sebagai cogan kata PAS.⁵ Walaupun begitu, ketidaksetujuan PAS ke atas keputusan Perhimpunan Kebangsaan yang diterajui oleh UMNO untuk memperluaskan hak-hak mengundi kepada penduduk-penduduk yang belum diakui taraf kerakyatan mereka mengikut dasar *jus soli*⁶ telah mempercepatkan usaha ini⁷ di mana ia akhirnya mendorong PAS menukar diri sepenuhnya menjadi sebuah parti politik⁸--yang mulanya diputuskan untuk tidak lagi membenarkan pegawai-

Ulama' Se-Malaya" kepada "Persatuan Islam Se-Malaya" (Draf asal Perlembagaan PAS 1951. Fasal 1; dan Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 1).

⁴ Kemasukan unsur politik pada tujuan-tujuan PAS ini adalah diakibatkan oleh tindakan Perjumpaan Alim Ulama' Se-Malaya Kali Ke-3 pada 24 November 1951 memasukkan perkataan "siasah" pada dua daripada empat tujuan PAS (Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 3(a) dan (d)).

⁵ Pemilihan pernyataan politik, iaitu "merdeka", sebagai cogan kata PAS ini telah dibuat oleh Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama pada 3 Januari 1953 (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama pada 3 Januari 1953. Hlm. 15 dan 17).

⁶ Penyata Tahunan PAS 1953/1954. Hlm. 19-20.

⁷ Sementara kenyataan-kenyataan bahawa "*PAS...became a full-fledged political party prepared to fight on its own... (as a result of UMNO's willingness to grant jus soli to the non-Malays)*" (Chandrasekaran Pillay (1974). Protection of the Malay Community: A Study of UMNO's Position and Opposition Attitudes. Universiti Sains Malaysia. Hlm. 191-192) dan bahawa "*PAS' sudden change in status...to a political party...came largely in response to UMNO's liberal accommodation of non-Malay political demands, especially on the citizenship issue*" (Y Mansoor Marican (1976). The Political Accommodation of Primordial Parties: DMK (India) and PAS (Malaysia). The University of British Columbia. Hlm. 39-41) dirasakan boleh diterima, kenyataan-kenyataan bahawa "*out of disenchantment and a sense of insecurity, an Islamic organisation transformed itself into a political party committed to the defence of the Malay position*" (Chandrasekaran Pillay (1974). Protection of the Malay Community: A Study of UMNO's Position and Opposition Attitudes. Universiti Sains Malaysia. Hlm. 191-192) dan bahawa "*had UMNO chosen the path of militant Malay nationalism in the mid-fifties, PAS would probably have remained an Islamic welfare organisation*" (Y Mansoor Marican (1976). The Political Accommodation of Primordial Parties: DMK (India) and PAS (Malaysia). The University of British Columbia. Hlm. 43-44) dirasakan agak sukar untuk diterima dengan sepenuhnya kerana, selain daripada perjuangan kebangsaan Melayu, PAS sebenarnya masih lagi mempunyai satu lagi unsur perjuangan yang penting, iaitu unsur perjuangan kelislaman.

⁸ Penukaran diri sepenuhnya PAS menjadi sebuah parti politik ini adalah diakibatkan oleh tindakan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954 memilih hanya pernyataan-pernyataan politik sebagai tujuan-tujuan baru PAS (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954. Hlm. 6; dan Perlembagaan PAS 1954. Fasal 2(1) dan (2)) dan oleh tindakan Pendaftar Pertubuhan Malaya meluluskan pendaftarannya pada 31 Mei 1955 (Surat Pemangku Setiausaha Agung PAS, Muhammad Hashim, kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya PAS Daerah dan Setiausaha-Setiausaha PAS Cawangan bertarikh 9 Jun 1955 bertajuk "Sijil Pendaftaran Persatuan Islam Se-Malaya". Hlm. 2; dan Perlembagaan PAS 1954. Hlm. 133). Yang Dipertua Agung PAS, Dr Abbas Alias, sendiri telah, di dalam ucapan dasar beliau pada Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955, kemudiannya menegaskan: "Saya mengaku bahawa usaha-usaha PAS dalam masa setahun yang lalu ini belumlah cukup sempurna dan memuaskan, tetapi walau bagaimana pun pendapat tuan-tuan dalam perkara ini, tiadalah dapat dinafikan bahawa PAS telah banyak membuat pekerjaan yang memberi kenyataan bahawa PAS adalah sebuah pertubuhan politik Islam yang hidup dan akan lebih hidup bergerak

pegawai agungnya dipilih atau dilantik dari orang-orang yang menjadi pegawai atau ahli jawatankuasa di dalam UMNO⁹ dan yang kemudiannya diputuskan untuk tidak lagi membenarkan ahli-ahlinya turut menjadi ahli kepada UMNO¹⁰—selain mendorong PAS memutuskan untuk turut menandingi UMNO di dalam Pilihan Raya Umum 1955.¹¹

Sementara usaha PAS untuk memasukkan unsur ideologi keislaman di dalam perjuangannya terserah melalui tindakan-tindakan memasukkan perkataan "Islam" ke dalam namanya,¹² memilih pernyataan-pernyataan keagamaan sebagai tujuan-tujuan¹³ atau usaha-usahanya,¹⁴ memasukkan simbol keagamaan ke dalam bendera¹⁵ dan pingatnya,¹⁶ memilih pernyataan keagamaan sebagai cogan katanya¹⁷ dan mengisyiharkan bahawa hukum yang tertinggi sekali dalam pegangannya ialah hukum keagamaan;¹⁸ usahanya untuk memasukkan unsur ideologi kebangsaan Melayu di dalam perjuangannya pula terserah melalui tindakan-tindakan meluluskan ketetapan yang

memperjuangkan cita-citanya" (Teks ucapan dasar Dr Abbas Alias di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955. Hlm. 1).

⁹ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954. Hlm. 6-7; dan Perlembagaan PAS 1954. Fasal 17(2).

¹⁰ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955. Hlm 10.

¹¹ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954. Hlm. 9-10.

¹² Perlembagaan PAS 1951. Undang-Undang Nombor 1.

¹³ Ibid. Undang-Undang Nombor 3(a), (b), (c) dan (d); dan Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-2 pada 26 dan 27 Ogos 1953. Hlm. 5.

¹⁴ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954. Hlm. 6; dan Perlembagaan PAS 1954. Fasal 3(1), (2), (3), (4) dan (5).

¹⁵ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama pada 3 Januari 1953. Hlm. 15 dan 17.

¹⁶ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954. Hlm. 8; dan Perlembagaan PAS 1954. Fasal 40(1), (2) dan (3).

¹⁷ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954. Hlm. 8; dan Perlembagaan PAS 1954. Fasal 41(1).

¹⁸ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954. Hlm. 6; dan Perlembagaan PAS 1954. Fasal 4(1)(a).

bersifat keMelayuan, khususnya yang menyentuh tentang soal hak pengundian,¹⁹ soal bahasa,²⁰ soal kedaulatan,²¹ soal rupa bangsa,²² soal tanah,²³ soal pemberian bantuan kewangan²⁴ dan soal kerakyatan;²⁵ juga melalui tindakan-tindakan menyerahkan memorandum yang bersifat keMelayuan, khususnya yang menyentuh tentang soal kerakyatan,²⁶ tetapi juga soal kedaulatan,²⁷ soal rupa bangsa²⁸ dan soal kebudayaan.²⁹ Hasil daripada usahanya inilah maka Dr Burhanuddin al-Helmy telah kemudiannya mampu menegaskan bahawa PAS adalah sebuah parti Islam dan parti nasionalis.³⁰

¹⁹ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-3 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1954. Hlm. 10 (usul pertama).

²⁰ Ibid. Hlm. 11 (usul ke-8); dan Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955. Hlm. 7 dan 11 (usul khas dan usul ke-10).

²¹ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-4 pada 26, 27 dan 28 Disember 1955. Hlm. 7 (usul khas).

²² Ibid. Hlm. 7 (usul khas).

²³ Ibid. Hlm. 9 (usul ke-4).

²⁴ Ibid. Hlm. 9 dan 11 (usul ke-6 dan usul ke-12).

²⁵ Ibid. Hlm. 13 dan 14 (usul ke-13, usul ke-14 dan usul ke-15).

²⁶ Memorandum PAS kepada Pesuruhjaya Tinggi dan Penasihat-Penasihat British, Raja-Raja Melayu, Menteri-Menteri dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Persekutuan serta Negeri bertarikh 22 April 1956 bertajuk "Maklumat Jus Soli". Hlm. 1; dan Memorandum PAS kepada Suruhanjaya Reid bertajuk "Memorandum PAS Kepada Suruhanjaya Bebas" (tidak bertarikh). Perkara 10(A) dan (B).

²⁷ Memorandum PAS kepada Suruhanjaya Reid bertajuk "Memorandum PAS Kepada Suruhanjaya Bebas" (tidak bertarikh). Perkara 2(B).

²⁸ Ibid. Perkara 10(C).

²⁹ Ibid. Perkara 5.

³⁰ Teks ucapan penggulungan Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy, di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 pada 23, 24 dan 25 Disember 1956 (tidak bertajuk). Hlm. 2. Penegasan Dr Burhanuddin al-Helmy ini, juga penegasan beliau kemudiannya bahawa PAS adalah berisi, bersifat, berbau kebangsaan Melayu dengan cita-cita Islam (Teks ucapan Dr Burhanuddin al-Helmy di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 pada 24 dan 25 Ogos 1957 (tidak bertajuk), dlm. Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 pada 24 dan 25 Ogos 1957. Hlm. 9), bukan sahaja tidak dipersoalkan oleh ahli-ahli PAS, malah telah turut diikrarkan sebagai teras kepada perjuangan mereka dalam era kemerdekaan (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 pada 24 dan 25 Ogos 1957. Hlm. 21-22).

Usaha PAS dalam era Dr Burhanuddin al-Helmy untuk mempertingkatkan unsur ideologi kebangsaan Melayu,³¹ selain mengekalkan unsur ideologi keislaman,³² di dalam perjuangannya pula terserlah melalui tindakan-tindakan memilih pernyataan-pernyataan keMelayuan sebagai 4 daripada 12 butiran garis-garis perjuangan PAS di bidang politik³³ dan sebagai 2 daripada 8 tujuan baru PAS;³⁴ juga melalui penggunaan asas kebangsaan Melayu untuk tidak mengiktiraf perlembagaan Malaya merdeka yang disusun oleh

³¹ Mesyuarat-Mesyuarat Agung Tahunan yang telah dilangsungkan oleh PAS dalam era Dr Burhanuddin al-Helmy juga telah turut meluluskan berbagai-bagai ketetapan yang bersifat keMelayuan, di mana Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 telah meluluskan usul-usul yang menyentuh tentang soal rupa bangsa (usul ke-2), soal kerakyatan (usul ke-2, usul ke-8 dan usul ke-16), soal hak pekerjaan (usul ke-14), soal bahasa (usul ke-17), soal pelajaran (usul ke-21 dan usul ke-23) dan soal tanah (usul ke-41) (Peringatan tidak bertarikh bertajuk "Keputusan Dan Ketetapan Yang Diambil Dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS (Kali) Ke-5 Yang Diadakan Di Sultan Sulaiman Club, Kuala Lumpur, Pada 23, 24 Dan 25 Disember 1956". Hlm. 1-4); Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 telah meluluskan usul-usul yang menyentuh tentang soal ekonomi (usul ke-4) dan soal bahasa (usul ke-11) (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 pada 24 dan 25 Ogos 1957. Hlm. 15-16 dan 18); Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-7 telah meluluskan usul-usul yang menyentuh tentang soal ekonomi (usul ke-2), soal bahasa (usul ke-4 dan usul ke-7) dan soal rupa bangsa (usul ke-7) (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-7 pada 25, 26 dan 27 Disember 1958. Hlm. 11 dan 12); Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-8 telah meluluskan usul-usul yang menyentuh tentang soal ekonomi (usul ke-6) dan soal bahasa (usul ke-11) (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-8 pada 26, 27 dan 28 Disember 1959. Hlm. 12-13 dan 17); Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-9 telah meluluskan usul-usul yang menyentuh tentang soal bahasa (usul ke-10) dan soal pelajaran (usul ke-12) (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-9 pada 11, 12 dan 13 Februari 1961. Hlm. 11); Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 telah meluluskan usul yang menyentuh tentang soal pengekalan dan jaminan hak istimewa orang-orang Melayu (usul pertama) (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 pada 5 dan 6 Januari 1962. Hlm. 18-19) manakala Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-11 pula telah meluluskan usul yang menyentuh tentang soal hak pekerjaan (usul pertama, usul ke-6 dan usul ke-7) (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-11 pada 31 Disember 1962 serta 1 dan 2 Januari 1963. Hlm. 15).

³² Di antara contoh tindakan yang telah diambil oleh PAS dalam era Dr Burhanuddin al-Helmy untuk mengekalkan unsur ideologi keislaman di dalam perjuangan PAS adalah tindakan Mesyuarat-Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 22 Mei 1958 dan pada 30 Julai 1958 menjadikan "bulan bintang", yang merupakan satu simbol keagamaan, sebagai simbol yang akan digunakan oleh calon-calon PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1959 (Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 22 Mei 1958, dlm. Penyata Jawatankuasa (Kerja) Agung PAS 1957/1958. Hlm. 3; dan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 30 Julai 1958, dlm. Penyata Jawatankuasa (Kerja) Agung PAS 1957/1958. Hlm. 4)--tindakan yang tidaklah terlalu berbeza daripada tindakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 9 dan 10 April 1955 menjadikan "tangan terbuka", yang turut dikaitkan dengan satu rukun keagamaan (Rukun Islam), sebagai simbol yang akan digunakan oleh calon-calon PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1955 (Siaran Pejabat Agung PAS bertarikh 30 April 1955 bertajuk "Manifesto Persatuan Islam Se-Malaya". Hlm. 1).

³³ Manifesto PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1959 (tidak bertajuk). Hlm. 1-2.

³⁴ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-11 pada 31 Disember 1962 serta 1 dan 2 Januari 1963. Hlm. 12-13; dan Perlembagaan PAS 1963. Fasal 2(2) dan (6).

Suruhanjaya Reid³⁵ untuk menukar nama PAS³⁶ dan untuk menentang penubuhan Malaysia.³⁷ Keteguhan ideologi-ideologinya ini--yang disertai oleh keteguhan, secara relatifnya, struktur-struktur dalamannya³⁸--telah menyebabkan PAS memasuki Pilihan Raya Umum 1959 dengan tekad untuk menguasai tumpuk pemerintahan negara bagi membolehkan ia merealisasikan tuntutan-tuntutan ideologi-ideologinya itu, khususnya bagi membolehkan ia meminda perlombagaan negara bagi memastikan terlaksananya hukum-hukum Allah dan kembalinya kedaulatan Melayu di dalam negara ini,³⁹ tetapi ia akhirnya hanya berjaya menguasai tumpuk pemerintahan Kelantan dan Terengganu⁴⁰-- kejayaan yang lebih mendorongnya untuk menguasai tumpuk pemerintahan negara.⁴¹

³⁵ Peringatan tidak bertarikh bertajuk "Keputusan Dan Ketetapan Yang Diambil Dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS (Kali) Ke-5 Yang Diadakan Di Sultan Sulaiman Club, Kuala Lumpur, Pada 23, 24 Dan 25 Disember 1956". Hlm. 1.

³⁶ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-7 pada 25, 26 dan 27 Disember 1958. Hlm. 11.

³⁷ Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-2 pada 15 Okt. 1961. Hlm. 6, 8 dan 16; Kenyataan akhbar Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Zulkiflee Muhammad, bertarikh 23 Ogos 1962 bertajuk "Ulasan Terhadap Melayu Raya". Hlm. 1; Teks ucapan Yang Dipertua Agung PAS, Dr Burhanuddin al-Helmy, di dalam perjumpaan umum menentang penubuhan Malaysia anjuran parti-parti pembangkang di Sulaiman Court, Batu Road, Kuala Lumpur, pada 25 April 1963 (tidak bertajuk). Hlm. 2; dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Julai 1963. Hlm. 2.

³⁸ Keteguhan struktur-struktur dalam PAS ini adalah khususnya diakibatkan oleh tindakan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 memperuntukkan bahawa Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS kini hanya perlu dipilih pada tiap-tiap dua tahun sekali sahaja berbanding pada tiap-tiap tahun sebelumnya (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-6 pada 24 dan 25 Ogos 1957. Hlm. 15) dan oleh penubuhan Dewan Ulama' dan Dewan Muslimat PAS di Madrasat al-'Ulum al-Syar'iyyah, Batu 20, Bagan Datuk, Hilir Perak, Perak, pada 13 dan 14 Disember 1957 (Penyata Tahunan PAS 1957/1958. Hlm. 1; Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat 1957/1958. Hlm. 1; dan Laporan Tahunan Dewan Muslimat PAS Pusat 1957/1958. Hlm. 1) yang disusuli oleh persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 18 Mac 1958 untuk mendesak cawangan-cawangan PAS supaya mendirikan Dewan Pemuda dan Dewan Muslimat PAS serta mendesak negeri-negeri yang belum mendirikan Dewan Ulama' PAS supaya berbuat demikian (Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 18 Mac 1958, dlm. Penyata Jawatankuasa (Kerja) Agung PAS 1957/1958. Hlm. 2).

³⁹ Manifesto PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1959 (tidak bertajuk). Hlm. 1-2.

⁴⁰ Report on the Parliamentary and State Elections 1959. Hlm. 9.

⁴¹ Teks ucapan dasar Dr Burhanuddin al-Helmy di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-9 pada 11, 12 dan 13 Februari 1961 (tidak bertajuk), dlm. Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-9 pada 11, 12 dan 13 Februari 1961. Hlm. 15; dan Teks ucapan dasar Dr Burhanuddin al-Helmy di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 pada 5 dan 6 Januari 1962 (tidak bertajuk). Hlm. 2.

Kelemahan Kerajaan-Kerajaan Terengganu dan Kelantan⁴²--khususnya krisis di dalam PAS Terengganu yang membawa kepada kejatuhan Kerajaan Terengganu--, yang disertai oleh penentangan PAS ke atas usaha penuhnya Malaysia, telah menyumbang kepada kegagalannya untuk mempertahankan sesetengah kerusi yang dimilikinya, walaupun ia masih berjaya mempertahankan kekuasaannya di Kelantan, di dalam Pilihan Raya Umum 1964.⁴³ Kematian Zulkiflee Muhammad⁴⁴ yang diikuti oleh penahanan Dr Burhanuddin al-Helmy dan Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani⁴⁵ pula telah dengan tiba-tiba menghadapkan Mohd Asri Muda, yang hanya mula memegang jawatan Naib Yang Dipertua Agung PAS, itu pun dengan majoriti sebanyak satu undi sahaja, di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 pada 5 dan 6 Januari 1962⁴⁶ dan yang hanya mula memegang jawatan Timbalan Yang Dipertua Agung PAS di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-12 pada 22 dan 23 Ogos 1964,⁴⁷ dengan tanggungjawab yang amat berat untuk mengemudi perjalanan PAS yang telah kehilangan dua tokoh,

⁴² Tidak dinafikan bahawa, selain daripada faktor dalaman, faktor luaran, khususnya pertentangan yang wujud di antara Kerajaan-Kerajaan Terengganu dan Kelantan di satu pihak dan Kerajaan Persekutuan di satu pihak yang lain telah turut menyumbang kepada kelemahan kedua-dua kerajaan ini. Lihat umpamanya Nik Ibrahim Nik Mahmood (1984). Some Constraints of a Federal System of Government on the Development Performance of a Component State: The Case of Malaysia with Special Reference to the State of Kelantan. University of Pittsburgh; Mohammad Agus Yusoff (1998). Federalism in Malaysia: A Study of the Politics of Centre-State Relations. University of Manchester; dan B H Shafuddin (1987). The Federal Factor in the Government and Politics of Peninsular Malaysia. Singapore: Oxford University Press.

⁴³ Penyata Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan-Dewan Negeri, Tahun 1964, bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu. Hlm. 31. Di dalam Pilihan Raya Umum 1964 ini, PAS telah gagal mempertahankan 4 kerusi Dewan Rakyat--iaitu 3 di Terengganu dan 1 di Kelantan--dan 17 kerusi Dewan Undangan Negeri--iaitu 10 di Terengganu dan 7 di Kelantan--yang dimenangi oleh calon-calonnya di dalam Pilihan Raya Umum 1959 walaupun ia telah turut berjaya merebut 1 kerusi Dewan Undangan Negeri--iaitu di Perlis--dari tangan calon Perikatan (Ibid. Hlm. 69, 76, 77, 79, 82-87, 89, 90, 149 dan 151-153).

⁴⁴ Minit Mesyuarat Khas Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 10 Mei 1964. Hlm. 1; dan Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. First Session of the Second Parliament of Malaysia. Vol. I, No. 2, Wednesday, 20 May 1964. Col. 54.

⁴⁵ Surat Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bertarikh 4 Februari 1965 bertajuk "Statement on the Arrest of Two Prominent Leaders of the PMIP". Hlm. 1.

⁴⁶ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 pada 5 dan 6 Januari 1962. Hlm. 17.

iaitu Dr Burhanuddin al-Helmy dan Zulkiflee Muhammad, yang menerajunya sejak dari Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 pada 23, 24 dan 25 Disember 1956 lagi.⁴⁸

Dari segi kemunculan Mohd Asri Muda di dalam PAS, kajian ini, juga pengakuan Mohd Asri Muda sendiri,⁴⁹ menunjukkan bahawa takdir merupakan faktor terpenting yang telah memunculkan beliau sebagai, secara *de factonya*, Yang Dipertua Agung PAS pada 29 Januari 1965. Tidaklah dinafikan bahawa beliau merupakan seorang pemimpin yang berkebolehan, tetapi kebolehan beliau belumlah boleh menyaingi kebolehan Dr Burhanuddin al-Helmy dan Zulkiflee Muhammad;⁵⁰ sebab itulah kejayaan beliau memenangi jawatan Naib Yang Dipertua Agung PAS di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 pada 5 dan 6 Januari 1962⁵¹ sebenarnya belumlah menjamin

⁴⁷ Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-12 pada 22 dan 23 Ogos 1964. Hlm. 21-22.

⁴⁸ Kertas Mesyuarat (Agung Tahunan PAS Kali Ke-5 pada 23, 24 dan 25 Disember 1956). Bil. 7. Hlm. 1.

⁴⁹ Jelas Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4: "Bagi saya, memegang jawatan Yang Dipertua Agung PAS ini adalah suatu hal yang sangat berat. Pada masa dulu pun tidak pernah terbayang dan terfikir dalam kepala saya bahawa saya ini suatu masa kelak akan jadi ketua sebuah parti politik. Yang saya tahu, pada masa dulu saya berazam hendak berjuang dan berazam hendak belajar berjuang daripada pemimpin-pemimpin yang ada pada masa itu. Cuma takdir Allah yang telah menentukan oleh kerana pemimpin-pemimpin kita pergi dahulu dan dengan demikian saya terkena pilih untuk memimpin Parti PAS ini, dengan demikian maka jadilah saya Yang Dipertua Agung PAS" (Rakaman ucapan penggulungan Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 (tidak bertajuk)). Jelas Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-27 pula: "PAS betul-betul kehilangan pimpinan (setelah kematian Zulkiflee Muhammad dan penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri Dr Burhanuddin al-Helmy). Kita tidak punya barisan pelapis yang jelas. Saya terpaksa melangkah ke depan sesuai dengan perlembagaan kita untuk memangku jawatan Yang Dipertua Agung PAS" (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-27 pada 17, 18 dan 19 April 1981 bertajuk "PAS Dari Dekad Ke Dekad". Hlm. 14).

⁵⁰ Hakikat bahawa kebolehan Mohd Asri Muda belum boleh menyaingi kebolehan Dr Burhanuddin al-Helmy dan Zulkiflee Muhammad ini jelas tergambar melalui kualiti ucapan-ucapan perbahasan beliau di dalam Dewan Rakyat yang, walaupun mungkin lebih menarik untuk didengar ekoran daripada sulaman bunga-bunga bahasa indahnya, secara umumnya adalah lebih rendah daripada kualiti ucapan-ucapan perbahasan Dr Burhanuddin al-Helmy dan Zulkiflee Muhammad. Kelemahan kepimpinan Mohd Asri Muda di dalam Dewan Rakyat malahan pernah ditegur oleh Baharuddin Abdul Latif dan Hasan Adli Arshad (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 28 Disember 1964. Hlm. 3-4) serta Abu Bakar Hamzah (Surat Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 2 November 1973 bertajuk "Kesungguhan PAS Di Dalam Sidang Parlimen". Hlm. 1-2).

kemunculan beliau ini sekiranya takdir tidak menentukan kematian Zulkiflee Muhammad pada 6 Mei 1964 dan penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri Dr Burhanuddin al-Helmy pada 28 Januari 1965--terpenting daripadanya adalah kematian Zulkiflee Muhammad yang sekiranya masih hidup sewaktu Dr Burhanuddin al-Helmy ditahan⁵² mungkin akan melenyapkan terus harapan Mohd Asri Muda untuk memegang jawatan Yang Dipertua Agung PAS disebabkan oleh faktor "kebolehan luar biasa" beliau⁵³ dan faktor usia beliau yang lebih muda daripada usia Mohd Asri Muda.⁵⁴

⁵¹ Satu lagi takdir yang, walaupun tidaklah terlalu penting, telah turut memudahkan jaluan Mohd Asri Muda untuk muncul sebagai Yang Dipertua Agung PAS ialah penyertaan saingen terdekat beliau di dalam parti, iaitu Othman Abdullah--yang hanya dikalahkan dengan majoriti sebanyak 1 undi sahaja oleh beliau di dalam pertandingan bagi merebut jawatan Naib Yang Dipertua Agung PAS di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-10 pada 5 dan 6 Januari 1962. Hlm. 17)--, ke dalam UMNO pada 22 Jun 1962 (Kenyataan akhbar Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Khadir Khatib, bertarikh 23 Jun 1962 (tidak bertajuk). Hlm. 1).

⁵² Walaupun sekiranya Dr Burhanuddin al-Helmy tidak ditahan, adalah dijangkakan bahawa Zulkiflee Muhammad akan mengambil-alih jawatan Yang Dipertua Agung PAS daripada beliau suatu ketika nanti memandangkan usia Dr Burhanuddin al-Helmy yang jauh (16 tahun) lebih tua daripada Zulkiflee Muhammad (Dr Burhanuddin al-Helmy dilahirkan pada 29 Ogos 1911 (Surat Dr Burhanuddin al-Helmy kepada Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 14 Disember 1956 (tidak bertajuk). Hlm. 1) manakala Zulkiflee Muhammad pula hanya dilahirkan pada 22 Mac 1927 (Mokhtar Petah (1966). Zulkiflee Muhammad Dalam Kenangan. Kota Bharu: Pustaka Aman Press. Hlm. 13; dan Ismail Awang (ed.) (1981). Zulkiflee Muhammad: Sejarah Dan Karyanya. Kota Bharu: Mahligai Press. Hlm. 5)).

⁵³ Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. First Session of the Second Parliament of Malaysia. Vol. I, No. 2, Wednesday, 20 May 1964. Col. 54-58. Selain daripada pengakuan Tengku Abdul Rahman Putra mengenainya, "kebolehan luar biasa" Zulkiflee Muhammad ini juga jelas tergambar di dalam cerita Wan Ismail Wan Ahmad ini: "(Pada tahun 1961,) timbul satu masalah di Machang, di Pangkal Meleret. Orang dalam kampung nu tak 'dok jalan nak keluar mari ke jalan (besar) ni. Maka timbullah dua puak, satu puaknya setuju kut depan Sekolah Kebangsaan Pangkal Meleret ni, balik hululah, (manakala) satu lagi (puak setuju) kut alik 'hnaik. Dua (puak) ni 'balah, sah orang kampung... Keputusannya buat kut alik hulu, kut depan Sekolah Kebangsaan Pangkal Meleret, dan kes 'ninya dalam failnya telah disetujui oleh tuan tanah (dan) DO Machang dan Dato' Ishak (Lotfi) sendiri sign setuju. Mengikut kaedah dia, sepatutnya mestilah (Dato' Ishak Lotfi) tanya PAS Machang ni, tapi 'dok, kaba-kaba benda 'tu sudah, jadi pihak PAS Machang tak tahu begapo satu. Kemudiannya, bila sudah 'tetap tu, pitih-pitih pun ada dah, cuma tunggu hari nak isytihar bila nak mula buat jah, marilah Ketua PAS dengan Ketua UMNO Pangkal Meleret berjumpa. ('Wan) kata: Guano nih, 'pakat molek nih? (Ketua PAS Pangkal Meleret) kata: Ambo mari ni, Anak 'Wan, tak 'leh nak ghoyat besar hajat ni. 'Wan kata: Begapodioh? Dia kata: Kalu Anak 'Wan tak 'leh tulong, Anak 'Wan tengoklah, jawabnya Pejabat PAS Pangkal Meleret tu ambo bakar api. Katanya Ketua UMNO (Pangkal Meleret) pulak: Kalu Anak 'Wan buleh tulong, ambo masuk PAS... Puak 'ninya setuju kut alik 'hnaik... Kalu tak jadi jalan 'nu, maka Pejabat PAS (Pangkal Meleret) pun selamat dan Ketua UMNO (Pangkal Meleret) masuk PAS. 'Wan kata: Bakpor tak 'jumpa Haji 'Noor (Yang Dipertua PAS Machang) nya? (Mereka) kata: Haji 'Noor tak 'leh tulong. ('Wan kata): Bakpornya? (Mereka) kata: Sebab Tok 'Gawa Pangkal Meleret tu sepupu Haji 'Noor, Tok 'Gawa pun setuju alik 'nu jugak, jadi Haji 'Noor tak 'leh campur la. 'Wan pun, bila demo balik, fikir-fikir, terpaksa kena campur. 'Wan ada 'kheto sokmo, buruk-buruk pun, terus 'gi Kota Bharu berjumpa dengan Dato' (Mohamad) Nasir. Bincang-bincang dengan Dato' (Mohamad)

Kejayaan Mohd Asri Muda mengekalkan kekuasaan beliau di dalam PAS untuk satu jangka waktu yang amat panjang, iaitu mulai dari tarikh perlantikan beliau untuk memangku jawatan Yang Dipertua Agung PAS pada 29 Januari 1965⁵⁵ sehingga ke tarikh pengunduran beliau dari jawatan itu pada 23 Oktober 1982,⁵⁶ selain turut dibantu oleh faktor kemudahan usia beliau sewaktu beliau mula dilantik untuk memangku jawatan itu, iaitu 42 tahun, pula adalah terutamanya diakibatkan oleh hakikat bahawa PAS yang beliau warisi daripada Dr Burhanuddin al-Helmy dan Zulkiflee Muhammad merupakan

Nasir, ghoyat cerita lagu 'ni. Kata dia: Aih, nak buat guano, mugo Menteri Besar pun *sign* 'dah, serah kor Tuhan la. 'Tu jah Dato' (Mohamad) Nasir jawab. Lepas tu, 'jumpa Dato' Asri, Dato' Asri pun jawab lagu 'tu jugak, dia kata: Dah mugo Menteri Besar pun *sign* 'dah, kita nak buat guano, serah kor Tuhan la. Kemudian buat satu perjumpaan di JKR 10, rumah (rasmii) Dato' Ishak (Lotfi). Semua kata: Kita serah kor Tuhan la, bakar api bakar api la. Yar 'Wan ni malunya PAS 'merintah, datang-datang Pejabat PAS kena bakar api. Kemudian, setelah habis buntu semua dah, 'Wan sendiri pun tak nampak nak buat guanonya, 'Wan kata: Ambo tak puas hati kalu selagi Ustaz Zul tak 'dok 'dalam 'ni. Waktu 'tu Ustaz Zul jadi Wakil Rakyat Bachok. Hor, demo pun teringat, telefon (Ustaz Zul). Ustaz Zul kata: Tunggu setengah jam. Senyap, senyap 'dik, tunggu Ustaz Zul sampai, tak 'kata 'gapo. Bila Ustaz Zul mari, 'Wan cerita daripada A hingga Z. Dia senyum. Dia hadap kepada Dato' Ishak (Lotfi), dia kata: Abang Aji, Abang Aji balik ke pejabat esok, Abang Aji telefon kor DO Machang, mintak DO Machang hantar fail mengenai dengan tanah jalan Pangkal Meleret ke pejabat Abang Aji serta-merta, bila fail tu sampai, Abang Aji bubuh dalam almari, kunci. Abang Aji pun telefon (DO Machang), (DO Machang pun) hantar (fail tu), (Abang Aji pun bubuh dalam almari fail tu,) kunci, pah ke 'loor ni tak jadi (buat jalan Pangkal Meleret tu). Sebab 'tu lah 'Wan kan, sama ada Dato' Asri baik, Dr Burhanuddin baik, 'Wan tak 'leh terima, Ustaz Zul sorang 'Wan terima, dalam hati, sebab dia buleh menyelesa masalah, orang lain sorang abuk tak 'leh. Dia senyum, tak 'dok berkerut dahi. Berjerit Haji Ishak (Lotfi)" (Wawancara dengan Wan Ismail Wan Ahmad di kediaman beliau pada 15 Jun 2004). Malah, kenyataan Chandrasekaran Pillay--yang terlalu amat kritikal terhadap PAS--ini sekalipun menunjukkan bahawa, bagi beliau, Zulkiflee Muhammad masih mempunyai sedikit kelebihan berbanding para pemimpin PAS yang lain: "*It is doubtful if any PAS leader had any notion at all of the political, social and economic ramifications of (the) concept (of an Islamic state). The only attempt to probe this idea was Zulkiflee Muhammad's 'Islam as an Ideal and Practical Way of Life'...But...he does not show any understanding of some of the psychological and sociological problems involved in making the idea (of an Islamic state) acceptable to people of other faiths. Neither does he explain the concept of an Islamic state in terms of concrete political and economic situations and practices applicable to Malaysian society...Obviously, PAS...had done very little thinking at that level!*" (Chandrasekaran Pillay (1977). Some Dominant Concepts and Dissenting Ideas of Malay Rule and Malay Society From the Malacca Period to the Colonial and Merdeka Periods. University of Singapore. Hlm. 296-297).

⁵⁴ Perbezaan usia di antara Mohd Asri Muda dan Zulkiflee Muhammad ini walau bagaimanapun tidaklah terlalu jauh, iaitu empat tahun sahaja (Mohd Asri Muda dilahirkan pada 10 Oktober 1923 (Risalah bertarikh Oktober 1975 bertajuk "(Biodata Rasmi) Dato' Haji Mohd Asri Haji Muda, Menteri Tanah, Galian dan Tugas-Tugas Khas. Hlm. 1) manakala Zulkiflee Muhammad pula hanya dilahirkan pada 22 Mac 1927 (Mokhtar Petah (1966). Zulkiflee Muhammad Dalam Kenangan. Kota Bharu: Pustaka Aman Press. Hlm. 13; dan Ismail Awang (ed.) (1981). Zulkiflee Muhammad: Sejarah Dan Karyanya. Kota Bharu: Mahligai Press. Hlm. 5).

⁵⁵ Keputusan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 29 Januari 1965, dlm. Penyata Jawatankuasa (Kerja) Agung PAS 1964/1965. Hlm. 4.

sebuah parti politik yang agak teguh, khususnya dari segi ideologi-ideologi perjuangan keIslam dan kebangsaan Melayunya, tetapi juga dari segi struktur-struktur keahlian, kepimpinan, organisasi, dewan dan mesyuarat agungnya; sebab itulah hakikat bahawa beliau bukanlah seorang *ideologue* yang utama di dalam PAS tidaklah terlalu menjelaskan keberkesanan kepimpinan beliau memandangkan apa yang diperlukan oleh PAS dalam era beliau, sekurang-kurangnya pada peringkat awalnya, hanyalah untuk mengekal atau mengukuhkan lagi legasi perjuangan keIslam dan kebangsaan Melayu yang dibawa oleh Dr Burhanuddin al-Helmy dan Zulkiflee Muhammad ini khususnya.

Kegagalan Mohd Asri Muda membuat sebarang perubahan yang drastik ke atas perjuangan PAS,⁵⁷ yang mungkin boleh dianggap sebagai satu kelemahan beliau,⁵⁸ sebenarnya boleh juga dianggap sebagai satu kejayaan beliau, iaitu kejayaan untuk

⁵⁶ Surat Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, kepada Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Umar, bertarikh 23 Oktober 1982 bertajuk "Meletakkan Jawatan Yang Dipertua Agung PAS". Hlm. 1.

⁵⁷ Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 Julai 1969 telah pernah membentuk sebuah jawatankuasa kecil yang dinamakan "Jawatankuasa Master Plan" yang dipengerusikan oleh Mohd Asri Muda serta dianggotai oleh Amaluddin Darus, Abu Bakar Hamzah dan Khairil Khatib bagi "meninjau kembali dasar, sikap dan susunan organisasi (PAS)" "menimbang wujudnya keadaan darurat (di dalam) negara" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 Julai 1969. Hlm. 3) tetapi tidaklah pula diketahui apakah keputusan yang telah dihasilkan oleh jawatankuasa kecil ini kerana hanya sekali perjalannya direkodkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang lain, iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 25 November 1969, itu pun hanyalah berkenaan dengan perlantikan Hasan Adli Arshad dan Abdul Aziz Abdullah untuk turut menganggotainya (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 25 November 1969. Hlm. 5), apatah lagi apabila Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang seterusnya, yang hanya dilangsungkan pada 22 September 1970, tetapi juga mesyuarat-mesyuaratnya yang seterusnya, langsung tidak membuat sebarang rujukan ke atasnya (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 22 September 1970. Hlm. 2). Hasan Adli Arshad, yang pada waktu itu bukanlah pula merupakan ahli kepada jawatankuasa kecil ini, walau bagaimanapun pernah menyatakan bahawa "*the Master Plan will...streamline the PMIP's future tactics and strategy as a responsible, non-extremist, political party*" (Kenyataan akhbar Naib Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 4 November 1969 (tidak bertajuk). Hlm. 1).

⁵⁸ Walaupun para pemimpin PAS tidak pernah direkodkan menggesa Mohd Asri Muda supaya membuat sebarang perubahan yang drastik ke atas perjuangan PAS, gesaan Wan Mustapha Ali supaya para pemimpin PAS menjadi lebih aktif dan progresif (Surat Pemangku Naib Yang Dipertua Agung PAS, Wan Mustapha Ali, kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 3 Oktober 1965 bertajuk "Siaran Sokong Seini". Hlm. 4) dan gesaan Baharuddin Abdul Latif supaya para pemimpin PAS menjadi lebih dinamik (Surat Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Baharuddin Abdul Latif, kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 22 Oktober 1965

meneruskan legasi perjuangan Dr Burhanuddin al-Helmy dan Zulkiflee Muhammad⁵⁹-- kejayaan yang menyebabkan para pencabar beliau ketiadaan asas yang terlalu kukuh untuk menentang kepimpinan beliau sekaligus membolehkan penguasaan beliau di dalam PAS berkekalan. Tindakan beliau memandu PAS untuk menyokong penyingkiran Singapura dari Malaysia,⁶⁰ mengemukakan usul yang meminta supaya Perlembagaan Malaysia dipinda untuk menjamin hak-hak bumiputera dalam lapangan politik, ekonomi, pelajaran dan kebudayaan,⁶¹ menentang rang undang-undang bahasa kebangsaan⁶² dan mengemukakan usul yang meminta supaya Melayu dijadikan rupa bangsa rakyat negara ini⁶³ di antara tahun-tahun 1965 dan 1967--malah, tindakan beliau melorongkan PAS ke dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS pada tahun 1973 juga⁶⁴--umpamanya adalah

bertajuk "Memorandum Atas Memorandum". Hlm. 2) umpamanya menunjukkan bahawa ada di antara mereka yang agak kurang berpuas hati dengan keupayaan beliau mengendalikan perjuangan PAS.

⁵⁹ Penerusan legasi perjuangan Dr Burhanuddin al-Helmy dan Zulkiflee Muhammad ini telah khususnya dikemukakan oleh Mohd Asri Muda di dalam ucapan dasar beliau pada Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1966 (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1966 (tidak bertajuk). Hlm. 3-8)--ucapan dasar yang disampaikan di dalam suasana ahli-ahli PAS dikatakan mula menuntut beliau memperjelas garis-garis pokok perjuangan yang akan dibawa oleh PAS dalam era beliau (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 23 Oktober 1965. Hlm. 3).

⁶⁰ Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. II, No. 8, Monday, 9 August 1965. Col. 1482-1492, 1510-1516 dan 1518-1522; dan Parliamentary Debates. Dewan Negara. Official Report. Second Session of the Second Dewan Negara. Vol. II, No. 5, Monday, 9 August 1965. Col. 624-627 dan 647-650.

⁶¹ Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. II, No. 10, Wednesday, 11 August 1965. Col. 1797-1804, 1804-1814, 1814-1832, 1858-1870, 1870-1880 dan 1892.

⁶² Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. III, No. 45, Thursday, 2 March 1967. Col. 6020-6048.

⁶³ Parliamentary Debates. Dewan Rakyat. Official Report. Vol. IV, No. 13, Saturday, 26 August 1967. Col. 2538-2544 dan 2544-2546.

⁶⁴ Sekiranya Dr Burhanuddin al-Helmy dan Zulkiflee Muhammad masih hidup tatkala isu penyertaan PAS di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini ditimbulkan, ada kemungkinannya mereka juga akan turut melorongkan PAS ke dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS--kemungkinan yang diperkuatkan oleh percubaan mereka untuk membawa PAS menyertai Kerajaan Campuran PAS-PN di Terengganu pada tahun 1960 dahulu (Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 dan 15 Julai 1960. Hlm. 3; Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 18 dan 19 Ogos 1960. Hlm. 4; Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 6 September 1960. Hlm. 4; dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 September 1960. Hlm. 2)--, tetapi mungkin dengan menggunakan cara yang lebih demokratik memandangkan kemampuan mereka untuk meyakinkan ahli-ahli PAS mengenainya dan mungkin dengan mengenakan syarat-syarat yang

tindakan yang sukar untuk dicabar dengan berkesan memandangkan kepada kemampuan beliau untuk menyandarkannya kepada legasi perjuangan kebangsaan Melayu mereka.⁶⁵

Ketiadaan asas yang terlalu kukuh untuk menentang kepimpinan Mohd Asri Muda, di mana tentangan ini selalunya hanyalah berpunca daripada ketidakpuasan hati ke atas aspek-aspek tertentu daripada perlaksanaan perjuangan kelslaman dan kebangsaan Melayu PAS⁶⁶ ataupun daripada isu-isu yang bersifat peribadi,⁶⁷ juga

lebih kukuh terhadap UMNO memandangkan kemampuan mereka untuk tetap menjadikan PAS sebagai sebuah parti pembangkang yang memberikan ancaman yang besar kepada UMNO walaupun setelah ia terpaksa berbuat demikian dengan menggunakan ideologi keIslamannya semata-mata.

⁶⁵ Mohd Asri Muda malahan terbukti telah pernah cuba, walaupun dengan cara yang mungkin agak kurang berkesan, menyandarkan tindakan beliau melorongkan PAS ke dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS pada tahun 1973 kepada legasi perjuangan kebangsaan Melayu Dr Burhanuddin al-Helmy dengan menyatakan: "Kini (Dr Burhanuddin al-Helmy) telah pun meninggalkan kita, iaitu sebaik-baik sahaja Kerajaan Campuran Perikatan-PAS diwujudkan" (Cenderamata Perayaan Jubli Perak PAS Negeri Perlis di Kangar, Perlis, pada 28 dan 29 Disember 1976. Hlm. 2).

⁶⁶ Tentangan ke atas keputusan yang dibuat oleh Mohd Asri Muda di dalam sesuatu isu, umpamanya di dalam isu sokongan PAS ke atas penyingkiran Singapura dari Malaysia (Surat Setiausaha Dewan Pemuda PAS Pusat, Yunus Yatimi, kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 10 September 1965 bertajuk "Memorandum Dewan Pemuda PAS Pusat". Hlm. 1; Surat Baharuddin Abdul Latif kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 22 Oktober 1965 bertajuk "Memorandum Atas Memorandum". Hlm. 2; dan Amaluddin Darus (1977). Kenapa Saya Tinggalkan PAS. Kuala Lumpur: Harimau Press. Hlm. 213-214 dan 226), di dalam isu sokongan PAS ke atas Rang Undang-Undang (Pindaan) Perlembagaan, 1971 (Surat Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 15 Oktober 1971 (tidak bertajuk). Hlm. 1) dan di dalam isu penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional (Surat Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, kepada Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, bertarikh 3 Disember 1973 bertajuk "Perkara Berbangkit Dari Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung Pada 17 Oktober 1973". Hlm. 2; dan Amaluddin Darus (1977). Kenapa Saya Tinggalkan PAS. Kuala Lumpur: Harimau Press. Hlm. 235), adalah lebih didasarkan kepada cara keputusan itu dibuat daripada kepada keputusan itu sendiri. Kecenderungan Mohd Asri Muda untuk membuat sesuatu keputusan secara bersendirian--yang turut secara umumnya diperkatakan oleh Wan Mustapha Ali (Surat Pemangku Naib Yang Dipertua Agung PAS, Wan Mustapha Ali, kepada Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, bertarikh 23 November 1965 bertajuk "Berita Utusan Melayu 15 Oktober 1965 Mengenai Gerakan Pembersihan Di Dalam PAS". Hlm. 1) dan Amaluddin Darus (Surat Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat, Amaluddin Darus, kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 1 Mei 1966 (tidak bertajuk). Hlm. 1)--ini walau bagaimanapun tidak dapat dijadikan asas yang terlalu kukuh untuk para pemimpin PAS ini menentang kepimpinan beliau memandangkan keputusan-keputusan yang dibuat oleh beliau itu sendiri selalunya tidaklah pula begitu menyimpang daripada landasan perjuangan kelslaman dan kebangsaan Melayu PAS.

⁶⁷ Turut tergolong di dalam isu-isu yang bersifat peribadi--umpamanya isu ketidakpuasan hati Abu Bakar Hamzah terhadap tindakan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1973 mengekalkan, di sebalik rayuan beliau, keputusan mesyuaratnya pada 25 Julai 1973 yang memberhentikan beliau dari jawatan Setiausaha Agung PAS mulai dari tarikh 26 Julai 1973 (Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1973. Hlm. 2)--ini ialah isu-isu yang

menyebabkan para pencabar beliau selalunya gagal disatukan di dalam satu barisan--apatah lagi apabila para pencabar beliau ini telah kemudiannya terpinggir atau dipinggirkan dari arus perdana politik parti itu.⁶⁸ Tatkala wujud asas yang agak kukuh untuk menentang kepimpinan beliau pula, umpamanya di dalam isu pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dan Barisan Nasional serta isu pemecatan Mohamad Nasir dari PAS, kekuahan pegangan beliau ke atas tapak perjuangan parti itu, iaitu Kelantan,⁶⁹ kemampuan beliau mengekalkan sokongan akar umbi parti--yang khususnya

bersifat tempatan--umpamanya isu ketidakpuasan hati Amaluddin Darus terhadap tindakan Mohd Asri Muda mempertahankan pemilihan, di dalam Mesyuarat Agung PAS Tumpat pada 5 April 1971, Hussain Abdullah, yang dikatakan bukan merupakan ahli PAS Tumpat, sebagai Yang Dipertua PAS Tumpat (Amaluddin Darus (1977). Kenapa Saya Tinggalkan PAS. Kuala Lumpur: Harimau Press. Hlm. 214-228 dan 230-233) dan isu ketidakpuasan hati beberapa orang pemimpin PAS ke atas kegagalan Mohd Asri Muda untuk bertindak ke atas segolongan kecil pemimpin PAS yang lain yang dikatakan menyeleweng ("Gerakan pembersihan PAS", dlm. Utusan Melayu, 15 Oktober 1965), khususnya ke atas "(ahli) keluarga (beliau)" (Surat Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat, Amaluddin Darus, kepada Setiausaha Agung PAS, Abdullah Zawawi Hamzah, bertarikh 1 Mei 1966 (tidak bertajuk). Hlm. 1), secara lebih spesifik lagi, ke atas anak saudara beliau, Ishak Lotfi Omar (Surat Naib Yang Dipertua PAS Kota Bharu Hilir, Che Ismail Che Abdullah, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 1 Jun 1974 (tidak bertajuk). Hlm. 2-4; Surat Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan, Mohd Noor Yusoff, kepada Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan, Mohamad Nasir, Nik Abdul Rahman Nik Mohamad, Khairil Khatib, Mohd Amin Yaakob, Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Wan Sulaiman Ibrahim, bertarikh 31 Mac 1974 bertajuk "Rasa Tidak Puas Hati Terhadap Pimpinan Dato' Haji Ishak Lotfi Dan Majlis Revolusi Anjuran Cikgu Mat Fakhruddin". Hlm. 3; dan Surat Ketua Dewan Pemuda PAS Kelantan, Abu Hassan Musa, kepada Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 22 Mac 1974 bertajuk "Pohon Mengundur Diri Dari Menjadi Pesuruhjaya (Badan Perhubungan PAS Kelantan) Dan Menteri Besar (Kelantan)". Hlm. 1).

⁶⁸ Memudahkan lagi pemunggiran sesetengah pemimpin PAS dari arus perdana politik parti itu ialah hakikat bahawa Mohd Asri Muda tidaklah menganggap penarikan diri mereka dari PAS umpamanya sebagai suatu perkara yang terlalu menjelaskan PAS--sikap yang dimanifestasikan oleh penegasan beliau, sewaktu mengulas kenyataan wakil Bruas bahawa "hampir 20 orang (pemimpin PAS) (telah) (me)letak(kan) jawatan (mereka) semenjak (beliau) menjadi Yang Dipertua Agung (PAS)", yang berbunyi: "Di zaman Yang Dipertua Agung dulu pun ada juga orang letak jawatan, bahkan lebih daripada orang biasa, Yang Dipertua Agung sendiri pun meletak jawatan. Apalah dipelikkan hal seperti ini? Lainlah kalau Parti PAS ini parti yang bersifat sebagai agama, tak masuk Parti PAS ini haram, masuk Parti PAS itu wajib, maka memecat orang dari Parti PAS termasuk dalam kaedah seperti memecat dari agama, murtad dari agama" (Rakaman ucapan penggalungan Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 (tidak bertajuk)).

⁶⁹ Mengukuhkan lagi pegangan Mohd Asri Muda ke atas ahli-ahli PAS Kelantan di dalam isu pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dan Barisan Nasional serta isu pemecatan Mohamad Nasir dari PAS ialah hakikat bahawa pada waktu isu pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dan Barisan Nasional mula bergelora, iaitu pada tahun-tahun 1972 dan 1974, dan pada waktu isu pemecatan Mohamad Nasir dari PAS mula bergelora, iaitu pada tahun 1977, Badan Perhubungan PAS Kelantan adalah diketuai oleh anak saudara beliau sendiri, iaitu Ishak Lotfi Omar (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 Jun 1971. Hlm. 2; "Berita-berita kepartian", dlm. Berita PAS, Bil. 10 Thn. 1, Oktober 1973. Hlm. 9; dan Penyata Tahunan PAS 1977/1978. Hlm. 5 dan 6).

disumbangkan oleh kehebatan *oratory skills* beliau⁷⁰--dan ketiadaan tokoh yang mampu mengetuai satu penentangan yang tersusun terhadap kepimpinan beliau⁷¹ menyebabkan isu-isu ini tidaklah terlalu menjelaskan penguasaan beliau ke atas PAS, malah ia sebaliknya menyebabkan para penentang beliau terpinggir atau dipinggirkan dari PAS.

Turut membantu pengekalan kuasa Mohd Asri Muda ini ialah kegagalan para pencabar beliau memobilisasikan sayap-sayap PAS,⁷² khususnya Dewan Ulama' PAS

⁷⁰ Sumbangan kehebatan *oratory skills* Mohd Asri Muda di dalam mengekalkan sokongan akar umbi parti ke atas usul untuk menyertakan PAS di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS pada tahun 1972 umpamanya telah diakui oleh wakil-wakil Bruas dan Padang Rengas yang menyatakan bahawa "pada ketika (kerajaan campuran) hendak dibuat dulu, PAS Bruas memang membangkang...tetapi dengan kepintaran dan kebijaksanaan Jawatankuasa (Kerja) Agung pada masa itu projek itu diterima oleh suara terbanyak perwakilan" dan bahawa "semasa mesyuarat hendak menubuhkan kerajaan campuran dahulu saya menentang, saya telah katakan bahawa (kerajaan) campuran itu adalah perangkap kepada PAS, tapi saya kalah, Jawatankuasa (Kerja) Agung dengan segala kepetahanan dan kepintarannya (berhujjah) menang" (Peringatan Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977. Hlm. 15 dan 17), juga oleh Majalah Siaran Penerangan PAS Negeri Kelantan yang menyatakan bahawa "barangkali ada juga betulnya cakap orang (bahawa kemenangan agenda pembentukan kerajaan campuran (di) dalam (Mesyuarat Agung) Khas PAS itu pada hakikatnya adalah kemenangan Dato' Asri dalam menghadapi para pengikut (beliau)) kerana cara (beliau) menghadapi orang-orang yang menentang (beliau)...(adalah) dengan bahasa (beliau) yang berhikmah" ("Komentar", dlm. Siaran Penerangan PAS Negeri Kelantan, Bil. 6, Disember 1972/Januari 1973. Hlm. 6).

⁷¹ Sokongan kuat yang Mohd Asri Muda perolehi daripada Nik Abdul Aziz Nik Mat, Abu Bakar Hamzah dan Hasan Adli Arshad di dalam isu pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS, begitu juga dengan sokongan kuat yang beliau perolehi daripada Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Hasan Adli Arshad di dalam isu penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional serta sokongan kuat yang beliau perolehi daripada Nik Abdul Aziz Nik Mat di dalam isu pemecatan Mohamad Nasir dari PAS, telah khususnya menjadi penyumbang utama kepada ketidakwujudan satu penentangan yang tersusun terhadap kepimpinan Mohd Asri Muda ini memandangkan Nik Abdul Aziz Nik Mat, Abu Bakar Hamzah dan Hasan Adli Arshad masing-masingnya merupakan Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat, Naib Yang Dipertua Agung merangkap Setiausaha Agung PAS dan Timbalan Yang Dipertua Agung PAS pada waktu-waktu itu.

⁷² Salah seorang pencabar Mohd Asri Muda, iaitu Abu Bakar Hamzah, walau bagaimanapun telah pernah cuba memobilisasikan Dewan Ulama' PAS Pusat untuk menentang kepimpinan Mohd Asri Muda melalui tindakan beliau mengemukakan cadangan agar Fasal-Fasal 17(2), 17(4) dan 28(7) daripada Perlembagaan PAS 1973 dipinda bagi memperuntukkan bahawa sebelum seseorang Yang Dipertua Agung, Timbalan Yang Dipertua Agung dan Naib Yang Dipertua Agung PAS dipilih, juga sebelum seseorang Setiausaha Agung PAS dilantik, nama beliau hendaklah terlebih dahulu "ditapis dan diluluskan oleh Dewan Ulama' PAS Pusat", tetapi cadangan beliau ini telah tidak mendapat sokongan daripada mana-mana Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 19 September 1973. Hlm. 3), kemungkinannya kerana kewujudan perhubungan yang amat rapat di antara Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat pada waktu itu, iaitu Nik Abdul Aziz Nik Mat, dan Mohd Asri Muda, juga kerana cadangan beliau ini dilihat jahir bukan daripada ketulenan hasrat beliau untuk memartabatkan kedudukan Dewan Ulama' PAS Pusat tetapi daripada hasrat beliau untuk memperkuatkan cabaran, yang diasaskan kepada isu peribadi, beliau terhadap Mohd Asri Muda. Abu Bakar Hamzah sendiri walau bagaimanapun telah pernah mendakwa bahawa sebab "semua orang membantah cadangan saya (itu)" adalah kerana "mereka mengharapkan sesuatu dari politik di masa itu"

Pusat, untuk menentang kepimpinan beliau di mana sementara pada peringkat awalnya dewan ini dilihat terlalu lemah untuk menentukan hala tuju perjuangan PAS,⁷³ kenaikan Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai ketuanya yang baru pada 20 April 1968⁷⁴ ternyata telah memperkuatkan lagi kedudukan beliau memandangkan Nik Abdul Aziz Nik Mat telah, sebagai ketua dewan itu, sentiasa memberikan dokongan yang kuat terhadap kepimpinan beliau, termasuklah di dalam isu pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dan Barisan Nasional,⁷⁵ tetapi terutamanya di dalam isu pemecatan Mohamad Nasir dari PAS dalam mana Nik Abdul Aziz Nik Mat telah menyokong pemecatan ini dengan mengetepikan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat sendiri.⁷⁶ Malahan, kalaularah tidak kerana keengganan Nik Abdul Aziz Nik Mat

(Alias Mohamed (2003). Abu Bakar Hamzah Dalam Kenangan. Petaling Jaya: Gateway Publishing House. Hlm. 117).

⁷³ Kelemahan Dewan Ulama' PAS Pusat untuk menentukan hala tuju perjuangan PAS pada peringkat awalnya adalah dimanifestasikan oleh kritikan-kritikan sesetengah perwakilan ke atas perjalanan dewan ini sendiri di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-14 pada 12, 13 dan 14 Ogos 1966. Hlm. 19 dan 28) dan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Ke-16 (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-15 dan Ke-16 pada 19, 20, 21 dan 22 April 1968. Hlm. 24 dan 25), malah oleh pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan, selewat tahun 1977 sekalipun, oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat, Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat, ini: "Adakah semua anggota Dewan Ulama' kita yang ada sekarang sudah berupaya untuk ini? Adakah PAS sendiri yakin bahawa anggota ulama'nya sekarang sudah lincah dan tahan dicabar oleh tindak-tanduk politik lawan?" (Nik Abdul Aziz Nik Mat (1977). Sikap Saya. Kota Bharu: Setiausaha (Badan) Perhubungan PAS Kelantan. Hlm. 4).

⁷⁴ Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-9 pada 20 April 1968. Hlm. 2.

⁷⁵ Dokongan kuat Nik Abdul Aziz Nik Mat terhadap kepimpinan Mohd Asri Muda di dalam isu penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional telah sebenarnya menjelaskan kekredibilitian beliau sendiri kerana beliau telah, sewaktu menjelaskan mengenai keharusan percampuran dengan orang-orang bukan Islam sekiranya ia disertai dengan syarat-syarat yang boleh menjamin keutuhan syaksiah parti-parti yang bercampur itu, sebelumnya menegaskan mengenai keharaman perikatan dengan orang-orang bukan Islam (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1972. Hlm. 6 dan 8), malah ia juga telah sebenarnya turut menjelaskan kekredibilitian Dewan Ulama' PAS Pusat sendiri kerana ia telah sebelumnya menggantungkan keharusan penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional kepada pengekalan identitinya sebagai sebuah parti politik Islam yang digantungkan pula kepada kemampuannya untuk menggunakan simbol pilihan rayanya sendiri (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat pada 27 Januari 1974. Hlm. 5; dan Surat Setiausaha Dewan Ulama' PAS Pusat, Othman Hamzah, kepada Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, bertarikh 19 Februari 1974 bertajuk "Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat". Hlm. 1).

⁷⁶ Nik Abdul Aziz Nik Mat sebenarnya bukan setakat menyokong pemecatan Mohamad Nasir dari PAS, beliau malahan telah dengan beraninya mengisyiharkan di dalam buku beliau bahawa "(beliau)lah orang pertama menentang Dato' Mohamad Nasir secara terbuka" dengan "mengeluarkan kenyataan bertulis (mengenainya) kepada seluruh Anggota (Badan) Perhubungan PAS Kelantan dan

menyebelahi para pencabar Mohd Asri Muda di dalam isu perlantikan Setiausaha Agung, Bendahari Agung dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS bagi sesi 1981/1983, beliau mungkin sudah terpaksa meletakkan jawatan beliau sejak dari tahun 1981 lagi.⁷⁷

Dari segi keterburaihan kekuasaan Mohd Asri Muda di dalam PAS, kajian ini menunjukkan bahawa pertembungan di antara Mohd Asri Muda dan golongan ulama' di dalam PAS merupakan faktor terpenting yang telah menyebabkannya dengan benih kepadanya telah disemaikan oleh Mohd Nakhaei Ahmad yang telah berusaha untuk meng"Islamisasi"kan jentera-jentera pentadbiran PAS.⁷⁸ Sementara bantahan ke atas cadangan beliau untuk membawa PAS bekerjasama dengan DAP mempercepatkannya,⁷⁹ pertembungan ini sendiri hanyalah berlaku apabila beliau telah melantik proksi-proksi

seluruh (Ahli) Jawatankuasa Kerja Agung PAS sejak (dari) tahun 1974 lagi" (Nik Abdul Aziz Nik Mat (1977). Sikap Saya. Kota Bharu: Setiausaha (Badan) Perhubungan PAS Kelantan. Hlm. 4).

⁷⁷ Sekiranya Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang dikatakan mengalami keuzuran sewaktu Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 1 Jun 1981 dilangsungkan, menyertai Yusoff Rawa, Fadzil Mohd Noor, Abdul Hadi Awang dan Mustafa Ali--yang telah sebelumnya memboikot Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 1 Jun 1981 (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 16 Ogos 1981. Hlm. 1)--, memboikot Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 16 Ogos 1981 (*Ibid.* Hlm. 1), Mohd Asri Muda mungkin terpaksa meletakkan jawatan beliau lebih awal kerana adalah agak mustahil untuk beliau terus memimpin PAS tatkala beliau tidak mampu untuk menguasai Dewan Harian PAS Pusat.

⁷⁸ Menariknya, penyemai kepada pertembungan di antara Mohd Asri Muda dan golongan ulama' di dalam PAS ini, iaitu Mohd Nakhaei Ahmad, sendiri telah, sepuluh tahun kemudian, mengikuti jejak langkah Mohd Asri Muda--yang telah terlebih dahulu menyertai UMNO kerana "(beliau) tidak mahu menjadi ahli politik yang hanya berangan-angan dengan menggunakan pula pendekatan yang tidak memungkinkan sesuatu berhasil" ("Asri dan 12 lagi masuk UMNO: Akan melahirkan gabungan tenaga Melayu yang kuat--Mahathir", dlm. Utusan Malaysia, 23 November 1988)--dengan menyertai UMNO ("Fadzil Noor doakan Nakhaei diberi jawatan penting", dlm. Utusan Melayu, 20 April 1989) kerana ia pada waktu itu dikatakan "lebih tersusun dalam usaha membina fikrah politik berteraskan bangsa Melayu yang berisikan Islam, (iaitu) fikrah yang menghampiri politik PAS (pada) tahun(-tahun) 1950-an dan 1960-an yang lalu" ("Perpaduan: Jawabnya Barisan Islam", dlm. Berita Harian, 3 Januari 1989).

⁷⁹ Laporan-laporan akhbar mengenai penentangan ahli-ahli PAS di Kelantan dan Terengganu terhadap cadangan Mohd Asri Muda untuk membawa PAS bekerjasama dengan DAP di dalam Pilihan Raya Umum 1982 ("Keretakan dalam PAS: Jawapan Setiausaha (Mesyuarat tergempar di Kelantan)", dlm. Berita Harian, 5 Februari 1981; dan "53 ranting PAS dua negeri bubar: Bantah cadangan Dato' Asri", dlm. Berita Harian, 11 Februari 1981) serta pendedahan Yusoff Rawa mengenai cubaan ahli-ahli PAS di Kelantan dan Terengganu mempergunakan nama beliau untuk menggulingkan Mohd Asri Muda (Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-27 pada 17, 18 dan 19 April 1981. Hlm. 28) membayangkan bahawa penentangan terhadap cadangan Mohd Asri Muda untuk membawa PAS bekerjasama dengan DAP di dalam Pilihan Raya Umum 1982 ini mempunyai saham yang agak besar di dalam pencalonan Yusoff Rawa untuk merebut jawatan Yang Dipertua Agung PAS dari Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-27 pada 17, 18 dan 19 April 1981.

beliau untuk menjawat jawatan-jawatan lantikan di dalam PAS⁸⁰ dan apabila beliau cuba menangkis usaha pengukuhan kedudukan golongan ulama' di dalam PAS--khususnya melalui percubaan beliau mengetepikan aturan dan peraturan pemilihan calon-calon pilihan raya yang telah disediakan olehnya⁸¹--di mana percubaan beliau ini,⁸² juga

⁸⁰ Daripada lapan nama yang dicadang oleh Mohd Asri Muda untuk dilantik menganggotai Jawatankuasa Kerja Agung PAS bagi sesi 1981/1983 ini (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 13 Mei 1981. Hlm. 2-3), cadangan perlantikan Hassan Mohamad--yang dikatakan "UMNO pakka (atau) UMNO tulen (yang) baru masuk PAS dua tiga hari dalam sejarah" (Rakaman ucapan tidak berteks Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, di dalam majlis taklimat kepartian kepada pemimpin-pemimpin PAS Kelantan di Kota Bharu, Kelantan, pada 6 Februari 1983 (tidak bertajuk))--sebagai Bendahari Agung PAS-lah (tetapi juga cadangan perlantikan Abu Bakar Umar--yang turut dikatakan tidak mewakili Group Islam (*Ibid.*)--sebagai Setiausaha Agung PAS) yang paling tidak dipersetujui oleh golongan ulama' di dalam PAS kerana ia dikatakan menimbulkan kegelisahan di kalangan ahli-ahli PAS mengenai hala tuju parti itu (*Ibid.*).

⁸¹ Walaupun Mohd Asri Muda turut dilibatkan di dalam cubaan mengetepikan aturan dan peraturan pemilihan calon-calon pilihan raya yang telah disediakan oleh Dewan Ulama' PAS Pusat ini, penglibatan Mohd Asri Muda ini hanyalah disebut secara umum--melalui kenyataan beliau bahawa "Anggota (Dewan) Harian (PAS Kelantan) telah meletakkan aturan dan peraturan yang digaris oleh Dewan Ulama' (PAS Pusat) serta dilulus oleh (Jawatankuasa Kerja Agung PAS) sebagai neraca pemilihan (calon) manakala Anggota Peringkat Pusat nampaknya tak ada yang bertanya khabar, bahkan pernah 'dijual' dua nama untuk dicalonkan sedangkan mereka bukan ahli, jauh sekali dari menghadiri usrah dan majlis peningkatan ilmu pengetahuan sebagaimana yang digaris di dalam buku panduan (pemilihan calon)" (Laporan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 24 Ogos 1982 (tidak bertajuk). Hlm. 3-4)--sahaja oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat berbanding penglibatan Mohd Fakhruddin Abdullah yang telah disebut secara khusus--melalui kenyataan beliau bahawa "di Tumpat, (Pengarah Pilihan Raya Negeri) disebut sebagai berkata: Aturan dan peraturan menjadi calon seperti kertas kerja (Dewan) Ulama' (PAS Pusat) yang telah diterima oleh (Jawatankuasa Kerja Agung PAS) tidak perlu, yang perlu ialah menang, walaupun orang UMNO yang baru saja jadi (ahli) PAS" (*Ibid.* Hlm. 4)--oleh beliau.

⁸² Walaupun ia mungkin bukan berupa pengetepian ke atas aturan dan peraturan pemilihan calon-calon pilihan raya yang telah disediakan oleh Dewan Ulama' PAS Pusat ini, cadangan Mohd Asri Muda untuk memindahkan Nik Abdullah Arshad, yang merupakan Yang Dipertua PAS Pengkalan Chepa, dari kerusi Dewan Undangan Negeri Sering ke kerusi Dewan Undangan Negeri Sungai Pinang--cadangan yang dikatakan menjadi penyebab kepada kegagalan beliau untuk menandingi Pilihan Raya Umum 1982 (Laporan Pilihan Raya Umum Malaysia 1982. Hlm. 68-69 dan 93-97; dan "Orang-orang Asri' jadi calon di Kelantan?", dlm. Berita Harian, 9 April 1982)--ternyata telah membantu menyemarakkan lagi pertembungan di antara Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Mohd Asri Muda memandangkan kepada perhubungan yang amat erat yang terjalin di antara Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Nik Abdullah Arshad, apakah lagi apabila kemunculan Nik Abdul Aziz Nik Mat di dalam dunia politik itu sendiri, melalui penyertaan beliau di dalam Pilihan Raya Kecil Kelantan Hilir pada 21 Oktober 1967, adalah lebih banyak dibantu oleh Nik Abdullah Arshad berbanding oleh para pemimpin PAS yang lain (Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 20 September 1967. Hlm. 2). Peranan Nik Abdullah Arshad di dalam menyemarakkan lagi pertembungan di antara Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Mohd Asri Muda ini jelas tergambar di dalam tindakan PAS Pengkalan Chepa menggesa Mohd Asri Muda "mengundur diri dan meletakkan jawatan (beliau) secara terhormat" (Laporan Setiausaha PAS Pengkalan Chepa, Mohd Yusof Ludin, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertajuk "Laporan Pilihan Raya Umum 22 April 1982 Bagi Kawasan Pengkalan Chepa, Kelantan" (tidak bertarikh). Hlm. 3-4), juga di dalam tindakan Mohd Asri Muda membangkitkan kembali hakikat bahawa "Pak Nik 'Lah Arshad dulu tidak PAS, nak Pilihan Raya (19)59 kita 'gi 'jumpa dengan dia, pujuk masuk PAS, nak jadi calon pun tak 'dok duit, saya pergi berhutang rata untuk buang deposit" kemudiannya (Rakaman ucapan tidak berteks Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, di dalam

cadangan beliau untuk membawa PAS kembali menyertai Barisan Nasional,⁸³ telah terus sahaja mempertembungkan beliau dengan Nik Abdul Aziz Nik Mat, tokoh utama golongan ulama' di dalam PAS yang sebelumnya merupakan salah seorang daripada pendokong kuat beliau, sekaligus menterburaiakan kekuasaan beliau di dalam PAS ini.

Secara lebih mendalamnya, keterburaihan penguasaan Mohd Asri Muda di dalam PAS ini adalah diakibatkan oleh kegagalan beliau untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dalaman yang telah berlaku ke atas PAS selepas daripada penyingkirannya dari Barisan Nasional pada 17 Disember 1977 dan kekalahan teruknya di Kelantan pada 11 Mac 1978. Ekoran daripada kewujudan kedua-dua peristiwa ini, ulama'-ulama' PAS, termasuklah tokoh-tokoh dakwah dari ABIM--khususnya Mohd Nakhaei Ahmad dan Abdul Hadi Awang⁸⁴--telah diyakinkan bahawa pendekatan bekerjasama dengan parti

Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kota Bharu di Kota Bharu, Kelantan, pada 10 Oktober 1982 (tidak bertajuk).

⁸³ Menyukarkan lagi Nik Abdul Aziz Nik Mat untuk menerima pelawaan agar PAS kembali menyertai Barisan Nasional ini adalah hakikat bahawa pelawaan ini sendiri adalah dibuat oleh Dr Mahathir Mohamad ("Mahathir buka rahsia kejayaan Barisan Nasional: Undangan kepada PAS masih terbuka", dlm. Utusan Melayu, 24 April 1982) sedangkan Nik Abdul Aziz Nik Mat sendiri telah, di atas kapasiti beliau sebagai Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat, bukan sekadar pernah menyatakan keyakinan beliau ke atas "kebencian (Dr Mahathir Mohamad) kepada PAS dan pergerakan Islam umumnya" malah turut pernah mempertikaikan beberapa kenyataan yang "melibatkan soal aqidah" yang dikatakan dikeluarkan oleh Dr Mahathir Mohamad selama ini, termasuklah kenyataan beliau bahawa "Tuhan (juga) bersikap bengis" yang dikatakan "tidak syak lagi melibatkan aqidah dan tidak layak diucapkan sepanjang yang berkaitan dengan keyakinan dan adab terhadap Allah s.w.t. menurut ajaran Islam" (Surat Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat, Nik Abdul Aziz Nik Mat, kepada Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Dr Mahathir Mohamad, bertarikh 6 November 1979 bertajuk "Tuduhan PAS Lebih Berbahaya Daripada Komunis". Hlm. 1-2).

⁸⁴ Mohd Nakhaei Ahmad dan Abdul Hadi Awang telah kemudiannya memainkan peranan sebagai dua *ideologue* utama PAS dalam era Yusoff Rawa--peranan yang jelas tergambar di dalam pemilihan mereka sebagai pembentang kertas-kertas kerja di dalam dua buah seminar penting yang telah pernah dianjurkan oleh PAS dalam era ini, iaitu Ijtima' Tarbiyyah Dan Kepimpinan PAS 1/1404H yang dilangsungkan di Marang, Terengganu, pada 12 dan 13 November 1983 (dalam mana mereka telah membentangkan kertas-kertas kerja yang bertajuk "Sikap Dan Pendirian PAS Terhadap Beberapa Masalah Semasa" dan "Parti Allah Dan Parti Syaitan") dan Simposium Negara Islam yang dilangsungkan di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, pada 6 Oktober 1985 (dalam mana mereka telah membentangkan kertas-kertas kerja yang bertajuk "Dasar Perlembagaan Negara Islam" dan "Konsep Dan Matlamat Negara Islam") (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 6 Oktober 1983. Hlm. 4; dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 5 Oktober 1985. Hlm. 3).

pemerintah merupakan satu pendekatan yang sia-sia⁸⁵--keyakinan yang disemarakkan lagi oleh kejayaan Revolusi Islam Iran pada 11 Februari 1979. Pengambilan pendekatan berkonfrontasi di dalam usaha pemulihan semula PAS yang berjalan seiring dengan gelombang kebangkitan semula Islam di seluruh dunia ini menyaksikan ulama'-ulama' PAS, yang diyakinkan bahawa penanaman aqidah perjuangan yang kental ke dalam jiwa ahli-ahli parti itu akan memungkinkan ia merebut tumpuk pemerintahan negara ini,⁸⁶ mula menulenkan ideologi keislaman pegangan PAS--penulenan yang terus menjarakkan PAS dari UMNO, termasuklah ke peringkat mengkafirkan ahli-ahli UMNO sendiri.⁸⁷

⁸⁵ Abdul Hadi Awang umpamanya telah, selain menyatakan bahawa "dan pendapat saya sendiri dalam masalah ini di mana hasil daripada Kerajaan Campuran (Perikatan-PAS) itu ataupun Kerajaan Barisan Nasional itu telah membuktikan kegagalan PAS sebagai satu parti Islam" dan bahawa "dan kepada saya tindakan yang dibuat oleh PAS itu adalah mengulangi kesilapan yang dibuat juga oleh beberapa gerakan Islam yang lain (di Indonesia, Turki dan Pakistan)", menegaskan: "Islam yang didakwahkan kepada manusia, yang disesatkan oleh jahiliah itu, hendaklah diperjuangkan dengan cara meruntuhkan jahiliah dan menegakkan Islam di atas jahiliah. Berdasarkan kepada ini, maka as-Syahid Sayyid Qutb, di dalam bukunya "Mu'alim Fit-Thariq", "Petunjuk Di Sepanjang Jalan", menyatakan bahawa gerakan Islam tidak berjaya dengan menumpang gerakan yang lain dan dengan mengambil gerakan yang lain menumpang gerakan Islam untuk kita menumpang daripada kekuatan mereka, di mana kedua-dua cara ini adalah salah mengikut as-Syahid Sayyid Qutb di dalam "Mu'alim Fit-Thariq" yang saya yakin dengan pendapat beliau kerana beliau bukan sahaja menulis tetapi beramat dengan apa yang ditulis" (Rakaman ucapan Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abdul Hadi Awang, di dalam majlis soal jawab di antara beliau dan para pelajar Universiti Pertanian Malaysia di Serdang, Selangor, pada tahun 1983).

⁸⁶ Abdul Hadi Awang umpamanya telah menyatakan: "Allah menjanjikan kepada orang yang beriman yang berjuang pada jalan Allah dengan syurga, orang yang yakin kepada Allah dan yakin dengan janji itu: Sesungguhnya Allah membeli daripada orang-orang yang beriman itu nyawa mereka, jiwa raga mereka dan harta benda mereka, dan Allah Ta'ala berjanji nak beri syurga dengan syarat mereka berjuang pada jalan Allah, mereka membunuh dan dibunuh. Itulah dia janji (yang) tersebut di dalam Taurah, di dalam Injil, di dalam Qur'an...Hanya orang yang percaya kepada janji Allah sahaja yang sungguh-sungguh berjihad, yang sungguh-sungguh berjuang, dia tahan menghadapi fitnah, tahan menghadapi tekanan, tahan menghadapi ujian, tahan menghadapi segala-galanya, barulah diberi kemenangan oleh Allah s.w.t.. Mengapa orang-orang Islam di Selatan Lubnan tidak menang dalam menghadapi Yahudi? Sebabnya ialah kerana (mereka) tidak yakin kepada Islam, (kerana mereka) tidak percaya kepada Islam. Orang yang percaya kepada Islam dia berebut nak mati syahid, dia berebut nak masuk jel" (Rakaman ucapan tidak berteks Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abdul Hadi Awang, di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Besut di Besut, Terengganu, pada 25 September 1982 (tidak bertajuk)).

⁸⁷ Cubaan ulama'-ulama' PAS untuk menjarakkan PAS dari UMNO (Kertas kerja Dewan Ulama' PAS Kelantan bertarikh 2 Jun 1978 bertajuk "Program Kerja Dan Usrah PAS". Hlm. 7-9; dan Minit Mesyuarat Jemaah Pesuruhjaya PAS Kelantan pada 23 Mei 1980. Hlm. 3) ini telah tambah disemarakkan oleh cubaan Dr Mahathir Mohamad untuk meningkatkan imej keislaman UMNO, khususnya oleh tindakan beliau mengumumkan, pada 6 Julai 1982 dan pada 7 Mac 1982, cadangan penubuhan Bank Islam dan Universiti Islam Antarabangsa (*Khoo Boo Teik (1995). Paradoxes of Mahathirism: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 175 dan 177) dan oleh tindakan beliau memasukkan, pada 29 Mac 1982, Presiden ABIM, Anwar Ibrahim, ke dalam UMNO ("Anwar masuk BN tamparan pada PAS", dlm. Watan, 6 April 1982).

Kegagalan Mohd Asri Muda untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dalam yang telah berlaku ke atas PAS ini pula adalah diakibatkan oleh sifat beliau yang merupakan seorang *realist*⁸⁸ yang, setelah begitu lama berjuang di dalam PAS, telah diyakinkan bahawa adalah agak sukar bagi PAS, khususnya setelah kegagalan penentangannya terhadap penubuhan Malaysia pada 16 September 1963, untuk merebut tumpuk pemerintahan negara ini⁸⁹--keyakinan yang jelas tergambar di dalam matlamat penyertaan PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1982, iaitu untuk sekadar membariskan satu tenaga pembangkang Islam yang beramanah, kuat dan bertanggungjawab dalam Parlimen⁹⁰ sahaja--yang sekaligus membuatkan beliau turut diyakinkan bahawa

⁸⁸ Menariknya, Yang Dipertua Agung PAS di antara tahun-tahun 1989 (Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-35 pada 1 dan 2 April 1989. Hlm. 2) dan 2002 ("Fadzil Noor meninggal dunia", dlm. Berita Harian, 24 Jun 2002), Fadzil Mohd Noor, juga telah, selewat tahun 2001 sekalipun, turut menunjukkan sifat *realistic* beliau dengan menyatakan: "Untuk mendapatkan mandat bagi meminda Perlembagaan Persekutuan dalam realiti hari ini adalah amat sukar. Mendapatkan sokongan rakyat bagi mendaulatkan syari'at dalam Perlembagaan Persekutuan juga adalah sukar...Justeru PAS seharusnya lebih bijak untuk tidak menakutkan lagi pengundi bukan Melayu dan juga kepada kelompok Islam yang baru hendak berjinak dengan perjuangan Islam. Menyebutkan tentang rombakan Perlembagaan (Persekutuan) secara besar-besaran akan meninggalkan kesan yang tidak baik kepada banyak pihak" (Teks ucapan Yang Dipertua Agung PAS, Fadzil Mohd Noor, di dalam Majlis Muzakarah Penghayatan Pemerintahan Islam Dalam Demokrasi Abad Ke-21 Masihi di Kuala Terengganu, Terengganu, pada 12 dan 13 Oktober 2001 bertajuk "Penghayatan Pemerintahan Islam Dalam Demokrasi Abad Ke-21 Masihi". Hlm. 14).

⁸⁹ Luahan kekecewaan Dr Burhanuddin al-Helmy di atas prestasi hambar PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1964 (Teks ucapan dasar Dr Burhanuddin al-Helmy di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-12 pada 22 dan 23 Ogos 1964 (tidak bertajuk). Hlm. 2), juga gesaan Abu Bakar Hamzah agar PAS bersikap lebih radikal di dalam perjuangannya untuk menarik perhatian orang-orang Melayu/Islam (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 12 Oktober 1964. Hlm. 2-3), khususnya tidaklah terlalu sukar untuk difahami memandangkan kegagalan penentangan PAS terhadap penubuhan Malaysia pada 16 September 1963 ini menyebabkan keupayaan PAS untuk merebut tumpuk pemerintahan negara ini menjadi lebih sukar lagi memandangkan kesukarannya untuk memperolehi sokongan daripada para pengundi di Singapura (sehingga 9 Ogos 1965), Sabah dan Sarawak.

⁹⁰ Manifesto PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1982 bertajuk "Undilah PAS Untuk Kedaulatan Islam". Hlm. 1, 3, 5 dan 6. Berbanding dengan sifat *realistic* Mohd Asri Muda ini, golongan ulama'/muda di dalam PAS, khususnya Abdul Hadi Awang yang selewat tahun 2003 sekalipun masih diperkenalkan dengan kata-kata "*the man widely regarded as PAS's most radical leader*" (Khoo Boo Teik (2003). Beyond Mahathir: Malaysian Politics and its Discontents. London, New York: Zed Books Ltd. Hlm. 183), pula dilihat bersifat terlalu *idealistic*--sifat yang jelas tergambar di dalam keputusan Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 20 Julai 1985 yang menetapkan bahawa ia "bersetuju dengan sebulat suara bahawa pada pilihan raya umum yang akan datang PAS bertanding melebihi separuh (lebih daripada 93 kerusi) kawasan Parlimen di Semenanjung untuk membolehkan PAS membuat manifesto bahawa ia ingin memerintah" (Minit Mesyuarat Dewan Harian PAS Pusat pada 20 Julai 1985. Hlm. 2), juga di dalam keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 22 Januari 1986 yang menetapkan bahawa ia "bersetuju untuk bertanding lebih daripada 2/3 kawasan Parlimen (pada pilihan raya umum yang akan datang) untuk membolehkan PAS membuat manifesto ingin memerintah Malaysia" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 22 Januari 1986.

pendekatan bekerjasama dengan parti pemerintah merupakan pendekatan terbaik yang mampu dilakukan oleh PAS untuk mencapai matlamat perjuangannya⁹¹--keyakinan yang adalah sebenarnya agak munasabah jika dilihat kepada kejayaan yang telah dicapai oleh PAS melalui penyertaannya di dalam Barisan Nasional sebelum ia disingkirkan dari gabungan itu⁹² dan keyakinan yang membuatkan beliau kelihatan sentiasa mengambil sikap yang terbuka terhadap pelawaan agar PAS kembali menyertai Barisan Nasional.⁹³

Hlm. 3), keputusan-keputusan yang sebenarnya tidaklah berbeza daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 Februari 1959 yang menetapkan bahawa ia "bersetuju menetapkan PAS menandingi tidak kurang daripada 2/3 kerusi dalam Pilihan Raya Dewan Rakyat 1959 bagi membolehkan (ia) meminda Perlembagaan (Persekutuan) Tanah Melayu" (Penyata Tahunan PAS 1958/1959, Hlm. 19).

⁹¹ Menariknya, Yang Dipertua Agung PAS di antara tahun-tahun 1983 (Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-29 pada 30 April dan 1 Mei 1983, Hlm. 10) dan 1989 ("Yusoff Rawa serah tugas Presiden PAS kepada Fadzil Noor", dlm. Utusan Malaysia, 16 Februari 1989), Yusoff Rawa, telah kemudian menyatakan: "Kita berharap (muzakarah dengan UMNO) akan dapat dilaksanakan tidak berapa lama lagi...Persetujuan kita mengadakan muzakarah itu adalah hasil daripada pandangan jauh di dalam pergerakan politik kita...Untuk menyelesaikan masalah perpecahan ummah ini, adalah penting bagi kita supaya mengambil pendirian yang mendorong ke arah perpaduan dan pengukuhan ummah" (Teks ucapan dasar Yusoff Rawa di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-33 pada 11 dan 12 April 1987 bertajuk "Ke Arah Tajdid Hadhari". Hlm. 19-20). Walaupun setelah PAS hampir memeteraikan kerjasamanya dengan S46 ("Perjanjian PAS-kumpulan serpihan hampir dimeterai (Hanya tinggal masalah teknikal--Razaleigh)", dlm. Utusan Malaysia, 1 April 1989), Yang Dipertua Agung PAS di antara tahun-tahun 1989 (Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-35 pada 1 dan 2 April 1989, Hlm. 2) dan 2002 ("Fadzil Noor meninggal dunia", dlm. Berita Harian, 24 Jun 2002), Fadzil Mohd Noor, masih lagi dilapor menyatakan: "PAS bersedia mengadakan majlis perbincangan dengan UMNO pada bila-bila masa dan menganggap pertemuan itu kelak sebagai satu langkah ke arah kerjasama di antara kedua buah parti" ("PAS sedia berunding dengan UMNO jika dijemput--Fadzil", dlm. Utusan Melayu, 7 April 1989). Walaupun setelah PAS memeteraikan kerjasamanya dengan S46 ("Kejayaan PAS kesan kerjasama erat APU", dlm. Utusan Malaysia, 26 Jun 1989), Fadzil Mohd Noor, sewaktu ditanya oleh seorang wartawan mengenai "(apakah) PAS lebih rela mempertahankan dasarnya dan kekal sebagai pembangkang daripada bekerjasama dengan UMNO", masih lagi dilapor menyatakan: "Kalau dasar kita itu dapat dipertahankan, tidak mustahil untuk kita membentuk kerajaan dengan mereka yang menerima dasar itu, (tetapi) untuk masa ini kita lebih selesa, lebih bebas, membentuk barisan di dalam APU" ("Semangat 46 terima Islam ala PAS--Fadzil Noor (Bahagian akhir wawancara oleh Chamil Wariya)", dlm. Utusan Malaysia, 15 Ogos 1989). Beliau juga telah, selewat tahun 2001 sekalipun, turut memberitahu para pemimpin tertinggi PAS: "Laman web JAKIM memberikan definisi negara Islam (sebagai) negara yang dikuasai dan diperintah oleh umat Islam dan orang-orang Islam menikmati keamanan dan keselesaan di dalamnya (dan sebagai) negara yang berada di bawah kuasa pemerintahan orang Islam (dengan) kekuatan dan pertahanannya dikuasai (oleh) orang Islam. Mungkin kita juga tidak mahu mempertikaikan definisi negara Islam seperti ini. Bahkan, kalau tidak kerana pengetahuan kita tentang UMNO yang banyak berbohong dan berdusta, kita juga mahu sokong sahaja dan perbaiki perlaksanaannya dari masa ke semasa" (Teks ucapan Yang Dipertua Agung PAS, Fadzil Mohd Noor, di dalam majlis Muzakarah Penghayatan Pemerintahan Islam Dalam Demokrasi Abad Ke-21 Masihi di Kuala Terengganu, Terengganu, pada 12 dan 13 Oktober 2001 bertajuk "Penghayatan Pemerintahan Islam Dalam Demokrasi Abad Ke-21 Masihi". Hlm. 13).

⁹² Mohd Asri Muda sendiri telah pernah menyatakan di dalam satu majlis yang para pesertanya "dilarang (dari) membawa alat perakam kecuali dengan kebenaran khas daripada Saudara Dato' Yang Dipertua Agung" (Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada calon-calon peserta Tamrin Mujahid PAS bertarikh 4 April 1977 bertajuk "Keperluan-Keperluan Yang (Perlu) Dibawa Sewaktu

Kegagalan Mohd Asri Muda untuk menyesuaikan diri dengan perubahan dalaman yang telah berlaku ke atas PAS ini juga adalah turut diakibatkan oleh keyakinan beliau bahawa dasar-dasar perjuangan yang dibawa oleh beliau selama ini sudah pun menepati ajaran Islam sedangkan, walaupun beliau sebenarnya hanyalah meneruskan legasi perjuangan keislaman dan kebangsaan Melayu yang dibawa oleh Dr Burhanuddin al-Helmy dan Zulkiflee Muhammad khususnya, PAS dalam era beliau dilihat lebih tertumpu kepada unsur perjuangan kebangsaan Melayu berbanding dengan unsur perjuangan keislamannya⁹⁴--penumpuan yang diakibatkan oleh realiti pada waktu itu⁹⁵

Menghadiri Tamrin". Hlm. 1): "Barisan Nasional bukan matlamat agung kita. Barisan Nasional ialah batu loncatan dan nyatakan kita boleh meloncat lebih bebas dan lebih tenang. Kita akan dikutuk oleh generasi, dan tentu sekali (oleh) Allah, jika kita tidak mempergunakan kebebasan dan ketenangan yang ada pada kita ini untuk membina kekuatan kita yang baru di samping meningkatkan kekuatan yang telah ada" (Kertas kerja Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 10 April 1977 bertajuk "Khittah Perjuangan Kita". Hlm. 23).

⁹³ Selain daripada laporan mengenai pelawaan supaya PAS kembali menyertai Barisan Nasional yang dibuat oleh beliau sejurus setelah berlangsungnya Pilihan Raya Umum 1982 ("Mahathir buka rahsia kejayaan Barisan Nasional: Undangan kepada PAS masih terbuka", dlm. Utusan Melayu, 24 April 1982), Dr Mahathir Mohamad juga telah beberapa kali dilapor membuat pelawaan yang sama sebelum berlangsungnya pilihan raya umum ini, paling mutakhir daripadanya ialah pelawaan yang dilapor dibuat oleh beliau di dalam ucapan beliau kepada ahli-ahli UMNO Besut di Besut, Terengganu, pada 26 Mac 1982 ("Mahathir pelawa lagi PAS masuk Barisan: Demi untuk menyelamatkan umat Islam dari berpecah", dlm. Utusan Melayu, 27 Mac 1982)--pelawaan yang tidak ditolak terus oleh Mohd Asri Muda yang, meragui kesungguhan Dr Mahathir Mohamad di dalam membuat pelawaan-pelawaan ini kerana "setakat ini (ia) cuma dibuat (di) dalam ucapan beliau serta melalui akhbar-akhbar", walau bagaimanapun dilapor menegaskan bahawa beliau hanya boleh "membawanya kepada ahli-ahli (PAS)" sekiranya ia dibuat "dengan serius dan secara bersungguh-sungguh serta mengikut peraturan" ("Masuk semula Barisan: Apa kata Asri", dlm. Utusan Melayu, 27 Mac 1982). Keraguan Mohd Asri Muda ke atas kesungguhan Dr Mahathir Mohamad di dalam membuat pelawaan-pelawaan ini walau bagaimanapun adalah dikira agak wajar memandangkan Dr Mahathir Mohamad telah kemudiannya dilapor menganjurkan, di dalam ucapan beliau kepada ahli-ahli UMNO Kota Bharu di Kota Bharu, Kelantan, pada 5 Ogos 1982, "supaya PAS dibubarkan bagi menjamin orang-orang Islam di negara ini tidak berpecah-belah" dan supaya "(ahli-ahli PAS) masuk UMNO bagi membolehkan mereka dibimbing ke jalan yang benar" ("Mahathir anjur PAS bubar", dlm. Utusan Melayu, 6 Ogos 1982).

⁹⁴ Penumpuan PAS dalam era Mohd Asri Muda, juga dalam era Dr Burhanuddin al-Helmy, kepada unsur perjuangan kebangsaan Melayu berbanding dengan unsur perjuangan keislamannya malah telah pernah mendorong Chandrasekaran Pillay untuk dengan lantangnya mendakwa bahawa "*PAS... was anything but Islamic in many of the causes which it espoused*" (Chandrasekaran Pillay (1977). Some Dominant Concepts and Dissenting Ideas of Malay Rule and Malay Society From the Malacca Period to the Colonial and Merdeka Periods. University of Singapore. Hlm. 289), bahawa "*PAS did not qualify as an Islamic party*" (Ibid. Hlm. 301), bahawa "*(PAS) merely used Islam as a weapon for mobilising Malay sentiment*" (Ibid. Hlm. 301) dan bahawa "*(PAS's) (real) philosophy (was) Malayism*" (Ibid. Hlm. 301), iaitu "*a powerful, pervasive concern with what are perceived as Malay interests with very little regard for the accommodation of the legitimate rights of the others*" (Ibid. Hlm. 288)--dakwaan-dakwaan yang walau bagaimanapun adalah terlalu amat keterlaluan kerana Syed Ahmad Hussein umpamanya telah pernah menyatakan: "*Support for PAS, even if influenced by ethnic considerations, must have been partly an endorsement of its Islamic orientation. Indeed, some critical aspects of PAS*

dan oleh kekurangupayaan beliau untuk mengartikulasikan unsur perjuangan keislaman PAS itu sendiri.⁹⁶ Imej kebangsaan Melayu beliau,⁹⁷ yang dibantu oleh pemimpiran atau tindakan meminggirkan diri tokoh-tokoh PAS yang seangkatan dengan Dr Burhanuddin al-Helmy dan Zulkiflee Muhammad khususnya,⁹⁸ oleh ketidakbiasaan generasi baru PAS dengan idea-idea mereka⁹⁹ dan oleh kegagalan sesetengah proksi beliau meningkatkan

conception could arguably be supported by legitimate Islamic arguments too" (Syed Ahmad Hussein (1988). Islam and Politics in Malaysia, 1969-1982: The Dynamics of Competing Traditions. Yale University. Hlm. 100).

⁹⁵ Muhammad Abu Bakar umpamanya telah pernah menulis mengenai hakikat betapa "tempoh satu atau satu setengah dekad pertama selepas merdeka menyaksikan...idea kemerdekaan masih kuat membuaikan cita-cita pembangunan negara dan kemajuan bangsa dalam bidang material, termasuklah pembelaan rakyat luar bandar, (dengan) reaksi dan interaksi PAS pada ketika tersebut pada keseluruhannya ditentukan oleh keadaan yang serupa, iaitu kritikannya terhadap gagasan dan gerakan UMNO dalam membuat pembelaan terhadap orang Melayu dan tanah air" manakala "(tempoh seterusnya menyaksikan) (per)alihan perhatian kepada persoalan-persoalan lain yang lebih bersangkutan dengan peningkatan hidup material dan spiritual, dan bukannya pendapatan kehidupan asas dalam bidang ekonomi, sosial dan kerohanian" memandangkan "keimbangan terhadap kemungkinan kuasa politik jatuh ke tangan bukan Melayu tidak lagi menjadi persoalan yang relevan dan kemunduran ekonomi orang Melayu, ketinggalan bahasa Malaysia serta kekurangan pelajar-pelajar bumiputera di universiti-universiti tidak lagi merupakan cabaran dalam politik kerana semuanya ini telah mendapat perhatian dan pembelaan" (Muhammad Abu Bakar. Potret Masa (Jilid 1): Persaingan Ideologi Dan Pemulihian Tradisi. Petaling Jaya: Gateway Publishing House. Hlm. 67-68).

⁹⁶ Kekurangupayaan Mohd Asri Muda untuk mengartikulasikan unsur perjuangan keislaman PAS ini adalah diakibatkan oleh kekurangtinggian tahap pendidikan Islam beliau—kekurangan yang telah pernah disebutkan, walaupun secara berlebihan, oleh Abu Bakar Hamzah di dalam kenyataan beliau ini: "Saya dapati Dato' Asri tidak berdaya memimpin atas dasar Islam kerana beliau bukan lepasan agama, sekadar boleh memahami Usul-Feqah dan Usul-Din" (Alias Mohamed (2003). Abu Bakar Hamzah Dalam Kenangan. Petaling Jaya: Gateway Publishing House. Hlm. 108).

⁹⁷ Hakikat betapa kepimpinan Mohd Asri Muda dilihat lebih diwarnai oleh imej kebangsaan Melayu beliau berbanding dengan imej keislaman beliau turut diakui oleh Yang Dipertua Agung PAS di antara tahun-tahun 1983 (Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-29 pada 30 April dan 1 Mei 1983. Hlm. 10) dan 1989 ("Yusoff Rawa serah tugas Presiden PAS kepada Fadzil Noor", dlm. Utusan Malaysia, 16 Februari 1989), Yusoff Rawa, yang, sewaktu menjawab pertanyaan seorang wartawan mengenai perbezaan di antara PAS dalam era Mohd Asri Muda dan PAS dalam era beliau, telah pernah menyatakan bahawa "perbezaan pimpinan dulu dan sekarang ialah walaupun dulu perjuangan (PAS) itu perjuangan Islam, tapi gambaran di luar seolah-olah PAS di bawah selimut perkauman" (Yusof Harun (1986). Dialog Dengan Pemimpin. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn Bhd. Hlm. 295).

⁹⁸ Sekiranya tokoh-tokoh PAS yang seangkatan dengan Dr Burhanuddin al-Helmy dan Zulkiflee Muhammad—umpamanya Amaluddin Darus, Abu Bakar Hamzah, Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani, Mohd Taha Kalu, Wan Mustapha Ali dan Khadijah Mohd Sidek—tidak dipinggir atau meminggirkan diri dari arus perdana politik PAS, ada kemungkinan Mohd Asri Muda tidak akan terlalu mengalami kesukaran untuk menggunakan legasi perjuangan Dr Burhanuddin al-Helmy dan Zulkiflee Muhammad untuk mempertahankan kepimpinan beliau memandangkan mereka, walaupun mungkin turut mempunyai perbezaan-perbezaan pendapat yang tertentu dengan beliau, pada asalnya dilihat tidak mempunyai terlalu banyak masalah dengan dasar perjuangan yang dibawa oleh PAS dalam era beliau.

⁹⁹ Ketidakbiasaan generasi baru PAS dengan idea-idea Dr Burhanuddin al-Helmy dan Zulkiflee Muhammad ini jelas tergambar di dalam ucapan Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang sebenarnya tidaklah

imej keIslamam beliau,¹⁰⁰ telah pada akhirnya amat menyukarkan beliau untuk menggunakan legasi perjuangan mereka untuk mempertahankan kepimpinan beliau.

Satu lagi faktor utama yang menyumbang kepada keterburiahan penguasaan Mohd Asri Muda di dalam PAS ini adalah kegagalan beliau untuk mempertahankan sokongan daripada sayap-sayap PAS, khususnya Dewan Ulama' dan Dewan Pemuda PAS Pusat,¹⁰¹

begitu tepat untuk dikategorikan sebagai generasi baru PAS memandangkan beliau telah bergerak aktif di dalam PAS pada tahun 1967 berbanding dengan Abdul Hadi Awang, Mohd Nakhaei Ahmad dan Fadzil Mohd Noor yang hanya berbuat demikian pada tahun-tahun 1977 dan 1978, yang berbunyi: "Tahun (19)62 saya balik ke tanah air (setelah berada di luar negara sejak dari tahun 1952) dan saya dengar ucapan-ucapan yang diberi oleh pemimpin-pemimpin tanah air ketika itu untuk memberi makanan PAS, memberi makanan kepada masyarakat PAS, orang itu buat ucapan dan memberi ceramah-ceramah yang kesemuanya umumnya berbentuk kebangsaan, tidak berbentuk Qalallahu Ta'ala dan tidak berbentuk Qalarasulullah s.a.w.... Ketika itu kita sentuh masalah bahasa kebangsaan, kita sentuh masalah Melayu Cina, kita sentuh masalah kerakyatan, kita sentuh masalah buta huruf, kita sentuh masalah yang tidak begitu tersusun yang kesemuanya bila kita cantum kita dapat benda-benda yang disuap ini ialah berbentuk kebangsaan. Tidak ada orang, tidak ada banyak suapan-suapan yang diberi dalam bentuk Qalallah Qalarasul..." (Rakaman ucapan tidak berteks Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, di dalam majlis taklimat kepartian kepada pemimpin-permimpin PAS Kelantan di Kota Bharu, Kelantan, pada 6 Februari 1983 (tidak bertajuk)).

¹⁰⁰ Sementara kegagalan sesetengah proksi Mohd Asri Muda meningkatkan imej keIslamam beliau dilihat sebagai salah satu punca yang amat menyukarkan beliau mempertahankan kepimpinan beliau, kemungkinan pengunduran diri beliau dari memimpin PAS pula, mengikut sebuah buku yang telah pernah disyorkan oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat supaya dibaca oleh ahli-ahli PAS (Rakaman ucapan tidak berteks Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, di dalam majlis ceramah politik di Demit, Kubang Kerian, Kelantan, pada bulan April 1983 (tidak bertajuk)), dikatakan terhalang oleh "kalangan tertentu pengikut setia (beliau)" yang dikatakan "terlalu mengharapkan kepada pengaruh nama dan kedudukan (beliau) sebagai landasan untuk mendapat sumber penghidupan" (Halim Mahmood (1983). Asri Dalam Dilema. Kuala Lumpur: Hafar Enterprise. Hlm. 97). Nik Abdul Aziz Nik Mat sendiri telah kemudiannya turut mengibaratkan golongan ini sebagai "burung-burung belatuk yang tumpang bersarang di sebatang kayu yang kalau bila kayu ini tumbang, maka sarang-sarang burung ini pun turut tumbang, yang dengan sendirinya burung-burung yang selama ini duduk diam dalam lubang itu terpaksa menangis, terpaksa berkeriau, terpaksa berkokok dan sebagainya" (Rakaman ucapan tidak berteks Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, di dalam majlis taklimat kepartian kepada pemimpin-permimpin PAS Rantau Panjang di Pasir Mas, Kelantan, pada 23 April 1983 (tidak bertajuk)).

¹⁰¹ Sementara Dewan Ulama' PAS Pusat sekadar menuntut supaya kedudukan dewan itu dipertingkatkan, Dewan Pemuda PAS Pusat pula telah--berbeza daripada usul yang berbunyi "bahawa Muktamar Khas PAS yang bersidang pada 25 Disember 1977 bersetuju menerima sepenuhnya ucapan dasar Yang Dipertua Agung dan memberi sepenuh kepercayaan kepada pimpinan (beliau)" yang dikemukakan oleh wakilnya di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 (Peringatan Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977. Hlm. 21 dan 23)--dengan secara terbuka memperlihatkan ketidaksetujuannya terhadap kepimpinan Mohd Asri Muda melalui tindakan mesyuarat jawatankuasa kerjanya memutuskan, pada 30 Mac 1978, supaya "pucuk pimpinan PAS yang ada diteruskan sehingga kepada cukup tempoh/waktunya atau (tempoh/waktu) yang sesuai untuk difikirkan" (Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1977/1978. Hlm. 6); melalui tindakan wakilnya mengemukakan usul yang berbunyi "(bahawa) Muktamar Tahunan PAS Yang Ke-24 yang bersidang pada hari ini mengambil ketetapan supaya satu sistem pemilihan yang lebih kolektif dan lebih mendekati pengertian syura dalam Islam dilaksanakan dalam pimpinan PAS di semua peringkat"

terhadap kepimpinan beliau, juga kegagalan beliau untuk mempertahankan pegangan beliau ke atas tapak perjuangan parti itu, iaitu Kelantan, tetapi juga Terengganu.¹⁰² Kegagalan beliau untuk mengakomodasikan tuntutan Muktamar-Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-18, Kali Ke-19 dan Kali Ke-20 supaya kedudukan dewan itu dipertingkatkan,¹⁰³ yang diburukkan oleh kegagalan beliau untuk mematuhi aturan dan peraturan pemilihan calon-calon pilihan raya yang telah disediakan oleh

di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-24 pada 25, 26 dan 27 November 1978 (Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-24 pada 25, 26 dan 27 November 1978. Hlm. 39-40); melalui tindakan seminar kepimpinan yang dianjurkan olehnya di Kota Bharu, Kelantan, pada 5, 6 dan 7 Februari 1981 memutuskan untuk "menentang (cadangan) kerjasama dengan DAP (yang telah sebelumnya diutarakan oleh Mohd Asri Muda)" (Rakaman ucapan tidak berteks Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, di dalam majlis taklimat kepartian kepada pemimpin-pemimpin PAS Kelantan di Kota Bharu, Kelantan, pada 4 Disember 1982 (tidak bertajuk)); dan melalui tindakan Muktamar Tahunan Kali Ke-23-nya meluluskan, kemungkinannya pada 2 Ogos 1982, ketetapan-ketetapan yang berbunyi "bahawa Muktamar (Tahunan Dewan Pernoda PAS Pusat) yang bersidang pada hari ini bersetuju mengambil ketetapan supaya PAS sebagai harakah Islamiah mempelopori dan mengamalkan konsep kepimpinan ulama'" dan "bahawa Muktamar Tahunan (Dewan Pernoda PAS Pusat) yang bersidang pada hari ini bersetuju mengambil keputusan supaya Perlembagaan PAS yang berhubungan dengan bab-bab dan fasal-fasal yang menyentuh kedudukan dan penyertaan Dewan Ulama' PAS dipinda (dengan istilah) Dewan Ulama' digantikan dengan (istilah) Majlis Ulama' (dan dengan) Majlis Ulama' hendaklah menjadi badan rujukan dan permutus kata dalam mana-mana urusan parti dan pandangan(nya) hendaklah dipatuhi" (Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 pada 23 dan 24 Oktober 1982. Hlm. 20).

¹⁰² Kegagalan Mohd Asri Muda untuk mempertahankan pegangan beliau ke atas ahli-ahli PAS di Kelantan dan Terengganu ini jelas tergambar di dalam laporan-laporan akhbar mengenai penentangan mereka terhadap cadangan beliau untuk membawa PAS bekerjasama dengan DAP di dalam Pilihan Raya Umum 1982 ("Keretakan dalam PAS: Jawapan Setiausaha (Mesyuarat tergempar di Kelantan)", dlm. Berita Harian, 5 Februari 1981; dan "53 ranting PAS dua negeri bubar: Bantah cadangan Dato' Asri", dlm. Berita Harian, 11 Februari 1981) dan di dalam pendedahan Yusoff Rawa mengenai kewujudan golongan tertentu di kedua-dua buah negeri itu yang hendak menggulingkan beliau (Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-27 pada 17, 18 dan 19 April 1981. Hlm. 28).

¹⁰³ Sementara ketetapan yang telah diluluskan oleh Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-18 pada 7 September 1979 "mendesak Pejabat Agung (PAS) menjadikan Dewan Ulama' PAS sebagai sebuah badan induk bagi PAS (dan) bukan lagi sebagai sayap kanannya dengan meminda Fasal 37 Perlembagaan PAS (1977)" (Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-18 pada 7 September 1979. Hlm. 13-14), ketetapan-ketetapan yang telah diluluskan oleh Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-19 pada 26 September 1980 dan oleh Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-20 pada 17 April 1981 masing-masingnya mendesak agar Yang Dipertua Agung PAS melantik golongan alim ulama' untuk mengisi sebahagian daripada lapan jawatan lantikan (seorang Setiausaha Agung, seorang Bendahari Agung dan enam orang Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS) bagi sesi 1981/1983 (Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-20 pada 17 April 1981. Hlm. 5; dan Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat 1981/1982. Hlm. 2-3) dan "(mendesak agar) Perlembagaan PAS yang ada sekarang ini dipinda pada fasal-fasal yang berhubung dengan pemilihan Timbalan Yang Dipertua Agung PAS supaya memberi erti bahawa mana-mana ahli PAS yang dipilih menjadi Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat hendaklah dengan sendirinya menjadi Timbalan Yang Dipertua Agung PAS" (Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-20 pada 17 April 1981. Hlm. 8-9).

dewan itu,¹⁰⁴ ternyata telah menggabungkan kekuatan keduanya sayap PAS ini, tetapi juga Badan-Badan Perhubungan PAS Kelantan dan Terengganu¹⁰⁵ yang diketuai oleh tokoh-tokohnya,¹⁰⁶ di dalam satu barisan yang cukup ampuh--penggabungan yang dimanifestasikan oleh ketetapan Muktamar Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat Kali Ke-

¹⁰⁴ Laporan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS bertarikh 24 Ogos 1982 (tidak bertajuk). Hlm. 3-4 dan 5; Laporan Tahunan Badan Perhubungan PAS Kelantan 1981/1982. Hlm. 14; dan Laporan Tahunan Dewan Ulama' PAS Kelantan 1981/1982. Hlm. 2. Walaupun kegagalan Mohd Asri Muda untuk mematuhi aturan dan peraturan pemilihan calon-calon pilihan raya yang telah disediakan oleh Dewan Ulama' PAS Pusat ini lebih melibatkan pertembungan di antara seorang Yang Dipertua Agung PAS dan seorang Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Negeri, kedudukan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, sebagai Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat secara sekaligus mengakibatkan pertembungan ini turut menjadi pertembungan di antara seorang Yang Dipertua Agung PAS dan seorang Ketua Dewan PAS juga.

¹⁰⁵ Kenyataan Mohd Zahari Awang bahawa "perletakan jawatan Dato' Asri itu sebenarnya bukan atas kerelaan dan hasrat hati kecilnya seratus peratus, tetapi (kerana) dia terlalu ditekan oleh golongan-golongan radikal dari Terengganu, Pahang dan Kelantan" ("Tiga syarat untuk akhir sengketa", dlm. Berita Harian, 18 November 1982), juga pendedahan Nik Abdul Aziz Nik Mat bahawa "Dato' Asri tidak boleh masuk ke negeri Terengganu atas nama Yang Dipertua Agung PAS sejak tahun 1978 kerana dikatakan berkrisis besar dengan beberapa orang pucuk pimpinan PAS negeri itu dan (beliau) juga tidak boleh memberi ceramah di Pahang atas masalah yang sama" ("Krisis pucuk pimpinan PAS Kelantan", dlm. Berita Harian, 25 Jun 1982) dan bahawa "(Badan) Perhubungan (PAS) Pahang (pernah, sewaktu ia diketuai oleh Mohd Rushdie Ariff,) (mem)buat keputusan...mintak Dato' Asri undur diri" (Rakaman ucapan tidak berteks Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, di dalam majlis taklimat kepartian kepada pemimpin-pemimpin PAS Kelantan di Kota Bharu, Kelantan, pada 4 Disember 1982 (tidak bertajuk)), menunjukkan bahawa Mohd Asri Muda juga mungkin turut gagal mempertahankan pegangan beliau ke atas ahli-ahli PAS di Pahang, walaupun setelah beliau menggantikan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Pahang bagi sesi 1977/1979 dan bagi sesi 1979/1981, iaitu Mohd Rushdie Ariff (Laporan Tahunan PAS 1977/1978. Hlm. 5; dan Laporan Tahunan PAS 1979/1980. Hlm. 2)--yang telah sebelumnya dipilih sebagai Naib Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat bagi sesi 1981/1983 (Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1981/1982. Hlm. 2)--, dengan Syed Ibrahim Syed Abdul Rahman (Laporan Tahunan PAS 1981/1982. Hlm. 2).

¹⁰⁶ Sementara Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, dan Timbalan Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Terengganu, Mustafa Ali, turut masing-masingnya merupakan Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat dan Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat, Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Terengganu, Abdul Hadi Awang, pula merupakan Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Ulama' PAS Pusat yang dipilih bagi sesi 1979/1981 (Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-18 pada 7 September 1979. Hlm. 12) dan bagi sesi 1981/1983 (Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-20 pada 17 April 1981. Hlm. 7) di samping turut merupakan Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat yang dipilih bagi sesi 1979/1981 (Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1979/1980. Hlm. 2) dan bagi sesi 1981/1983 (Laporan Tahunan Dewan Pemuda PAS Pusat 1981/1982. Hlm. 3). Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat pada 27 Jun 1981 walau bagaimanapun memutuskan untuk melepaskan beliau dari jawatan Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat mulai dari tarikh mesyuarat itu, dengan harapan agar "Dewan Pemuda PAS akan mendapat banyak manfaat dari kedudukan dan khidmat (beliau) yang baru sebagai Naib Yang Dipertua Agung PAS", memandangkan pertambahan tugas beliau berikutan dengan pemilihan beliau sebagai salah seorang Naib Yang Dipertua Agung PAS di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-27 pada 17, 18 dan 19 April 1981 (Surat Setiausaha Dewan Pemuda PAS Pusat, Ahmad Subky Abdul Latif, kepada Ahli Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat, Abdul Hadi Awang, bertarikh 9 Julai 1981 bertajuk "Melepaskan Saudara Dari Jawatankuasa Kerja Dewan Pemuda PAS Pusat". Hlm. 1).

23 yang mendesak PAS mempelopori dan mengamalkan konsep kepimpinan ulama¹⁰⁷ -- yang terus sahaja menterburaiakan penguasaan Mohd Asri Muda di dalam PAS ini.

Dari segi kerjasama di antara PAS dan UMNO di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dan Barisan Nasional, kajian ini menunjukkan bahawa salah satu faktor penting yang telah mewujudkannya adalah keperibadian Presiden UMNO dan Pengerusi Perikatan, Abdul Razak Hussein, yang dilihat amat tulus untuk memajukan rakyat dan negara ini umumnya dan untuk memajukan orang-orang Melayu khususnya setelah berlalunya "Peristiwa 13 Mei".¹⁰⁸ Pandangan beliau bahawa usaha-usaha untuk memajukan rakyat dan negara ini hanya akan mampu dilaksanakan sekiranya keseluruhan rakyat, khususnya orang-orang Melayu, dapat terlebih dahulu disatukan¹⁰⁹

¹⁰⁷ Peringatan Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-28 pada 23 dan 24 Oktober 1982. Hlm. 20.

¹⁰⁸ Ketulusan Abdul Razak Hussein ini jelas tergambar di dalam kenyataan beliau bahawa "kita tidak menolak sebarang usaha ke arah (pembentukan kerjasama di antara kita dan PAS) demi kepentingan negara dan kemajuan rakyat, khasnya rakyat di negeri yang kurang maju seperti di Kelantan, Terengganu dan Kedah" (Teks ucapan dasar Presiden UMNO, Abdul Razak Hussein, di dalam Perhimpunan Agung UMNO Kali Ke-23 pada 24 dan 25 Jun 1972 bertajuk "Ke Arah Pengukuhan Negara", dlm. Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof (1997). Amanat Presiden: Landasan Bagi Pembinaan Bangsa Dan Negara (Jjid II). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. Hlm. 112), juga di dalam meluasnya penggunaan istilah-istilah seperti "pembangunan" dan "kemajuan ekonomi" di dalam pernyataan bersama yang dilafazkan oleh beliau dan Mohd Asri Muda bagi memeteraikan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS (Nota bertarikh 28 Disember 1972 bertajuk "Pernyataan Bersama Penubuhan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS Di Semua Peringkat". Hlm. 1; dan Penyata Tahunan PAS 1972/1973. Hlm. 8).

¹⁰⁹ Pandangan Abdul Razak Hussein ini jelas tergambar di dalam kenyataan beliau bahawa "saya yakin, dengan izin Tuhan, apabila konsep kerajaan campuran telah dipersetujui, maka perpaduan di kalangan orang-orang Melayu akan bertambah kuat dan meluas dan ini akan membawa kepada kestabilan, kemajuan dan kemakmuran rakyat dan negara" (Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri (1977). Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak Hussein 1972. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri. Hlm. 430), juga di dalam kenyataan beliau bahawa "penubuhan Barisan Nasional telah mengurangkan pertelingkahan politik di antara parti-parti, dengan itu dapatlah kerajaan dengan kerjasama rakyat menumpu sepenuh usaha dan tenaga kepada pembangunan serta menambahkan kemakmuran dan kebahagiaan untuk rakyat dan negara" (Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri (1979). Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein 1974. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri. Hlm. 355). Pandangan beliau ini walau bagaimanapun telah pernah dipersoalkan oleh seorang ahli akademik, Sharuddin Maaruf, yang menulis: "*The whole arrangement is designed to withdraw politics from the public and make it an exclusive affair behind closed doors. The political step was justified in terms of reducing politicking so that the ruling elite could concentrate more on development. (However,) the fallacy in the argument is quite obvious. It overlooks the fact that an open democracy with a genuine public involvement is an integral aspect of development in the wider sense of the word. When the ideal of democratic opposition and public accountability is undermined, public interests and well-being are bound to suffer*"

mendorong beliau untuk terus sahaja mempelopori idea Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini¹¹⁰ sebagai "satu langkah lagi ke hadapan bagi melaksanakan hasrat National Front atau Barisan Kebangsaan bagi menjamin kejayaan perpaduan rakyat serta pembangunan ekonomi dan masyarakat yang lebih adil, kuat dan mewah di negara kita ini".¹¹¹ Turut melicinkan usaha-usaha beliau untuk mewujudkan kerjasama di antara PAS dan UMNO ini ialah keteguhan kedudukan beliau di dalam UMNO, bahkan di dalam Perikatan juga, yang menyebabkan ia tidak begitu ditentang oleh mana-mana pihak.¹¹²

(Shaharuddin Maaruf (1985). Operative Values and Ideas of Development Amongst the Malays: A Study of the Interplay between Malay Feudalism, Islam, Nationalism and Capitalism. National University of Singapore. Hlm. 251-252).

¹¹⁰ Walaupun saranan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di Kelantan dan Terengganu telah pernah dilapor disuarakan oleh Menteri Muda Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Abdul Samad Idris, pada 12 Disember 1970 (Syarikat Dian Sendirian Berhad (1971). Peristiwa-Peristiwa Malaysia 1970. Kota Bharu: Syarikat Dian Sendirian Berhad. Hlm. 110), juga walaupun saranan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di Kelantan telah pernah dilapor disuarakan oleh Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Abdul Ghafar Baba, pada 30 April 1972 ("Apakah dia kerajaan campuran?", dlm. Siaran Penerangan PAS Negeri Kelantan, Bil. 3, September 1972. Hlm. 4, 5 dan 7; dan Siaran Khas Setiausaha Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, bertarikh 25 Oktober 1972 bertajuk "Gara-Gara Kerajaan Campuran". Hlm. 1), adalah dirasakan bahawa kedua-dua orang pemimpin UMNO ini tidak akan mempunyai keberanian untuk mengemukakannya sekiranya mereka tidak terlebih dahulu meyakini penerimaan Abdul Razak Hussein ke atasnya.

¹¹¹ Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri (1977). Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak Hussein 1972. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri. Hlm. 427. Penegasan Abdul Razak Hussein ini, juga penegasan beliau bahawa "dengan berlakunya kerajaan campuran ini maka kita semakin hampir kepada pembentukan National Front yang memberikan jaminan besar untuk keteguhan dan ketahanan negara" (Ibid. Hlm. 432), jelas menunjukkan bahawa, bagi beliau, pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS ini--juga pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-SUPP, Kerajaan Campuran Perikatan-GRM dan Kerajaan Campuran Perikatan-PPP--sebenarnya hanyalah sekadar satu batu loncatan bagi memudahkan pembentukan "National Front" atau "Barisan Kebangsaan".

¹¹² William Shaw walau bagaimanapun telah dengan secara umumnya menyebutkan mengenai kewujudan "*considerable dissension from within the existing Alliance*" terhadap usaha-usaha Abdul Razak Hussein untuk membawa Perikatan menyertai kerajaan campuran dengan parti-parti pembangkang yang lain (William Shaw (1976). Tun Razak: His Life and Times. Kuala Lumpur: Longman Malaysia. Hlm. 237) manakala Mohd Asri Muda pula telah dengan secara khususnya mendedahkan peranan yang dimainkan oleh MCA, yang beliau rujukkan sebagai "satu kuasa asing dalam negara ini", untuk menggagalkan pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972 (tidak bertajuk), dlm. Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972. Hlm. 14), juga untuk "memecat PAS dari Barisan Nasional" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 9 Januari 1978. Hlm. 2).

Sementara kerjasama di antara PAS dan UMNO dilihat agak *natural* memandangkan kepada meluasnya hasrat untuk menyatukan orang-orang Melayu pada waktu itu, pengrealisasian kerjasama itu sendiri telah sebenarnya dipermudahkan oleh keperibadian Mohd Asri Muda yang begitu meyakini akan keperluannya¹¹³ sehingga sanggup melakukan tindakan-tindakan yang memperlihatkan kekurangdemokratikan beliau di dalam berhadapan dengan ahli-ahli PAS,¹¹⁴ juga tindakan-tindakan yang memperlihatkan kekurangtegasan beliau di dalam berhadapan dengan para pemimpin

¹¹³ Hakikat bahawa penyertaan PAS di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS adalah lebih digantungkan kepada keyakinan Mohd Asri Muda mengenai keperluannya berbanding kepada keyakinan para pemimpin PAS yang lain jelas tergambar di dalam penjelasan-penjelasan yang terpaksa beliau (dan Nik Abdul Aziz Nik Mat) berikan, di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1972, kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS mengenai keperluan (dan keharusan)nya (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1972. Hlm. 6-8) sedangkan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972 telah pun meluluskan usul yang memberi kuasa kepada Jawatankuasa Kerja Agung PAS mengadakan perundingan mengenainya (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972. Hlm. 16), juga di dalam pengakuan sebuah lidah rasmi PAS yang menyatakan bahawa "barangkali ada juga betulnya cakap orang (bahawa kemenangan agenda pembentukan kerajaan campuran di dalam Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972 itu pada hakikatnya adalah kemenangan Dato' Asri dalam menghadapi para pengikut beliau)" ("Komentar", dlm. Siaran Penerangan PAS Negeri Kelantan, Bil. 6, Disember 1972/Januari 1973. Hlm. 6).

¹¹⁴ Pada dasarnya, tindakan Mohd Asri Muda membawa isu penyertaan PAS di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dan kemudiannya isu penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional untuk dibincangkan di dalam Mesyuarat-Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS, juga tindakan beliau membawa isu penyertaan PAS di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS untuk dibincangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972 dan di dalam Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972 di samping tindakan beliau membawa isu penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional untuk dibincangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-20 pada 13, 14 dan 15 Jun 1974, menunjukkan bahawa penyertaan PAS di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dan kemudiannya di dalam Barisan Nasional telah dibuat secara demokratik. Walaupun begitu, ciri-ciri kedemokratikan di dalam penyertaan PAS di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS telah sedikit terhakis oleh tindakan beliau memberikan ucapan-ucapan yang agak menyekat kebebasan para perwakilan di dalam kedua-dua mesyuarat agung itu, khususnya ucapan-ucapan beliau yang menyebut bahawa Jawatankuasa Kerja Agung PAS memang menyetujui pembentukan kerajaan campuran itu (Peringatan Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 pada 28 dan 29 Julai 1972. Hlm. 14), bahawa Jawatankuasa Kerja Agung PAS adalah sebenarnya dibenarkan untuk merundingkan soal pembentukan kerajaan campuran itu tanpa perlu meminta mandat daripada para perwakilan (Ibid. Hlm. 14) dan bahawa beliau mungkin akan meletakkan jawatan beliau sekiranya mandat itu tidak diberikan oleh para perwakilan (Ibid. Hlm. 16), juga ucapan-ucapan beliau yang mengaitkan para penentang usul pembentukan kerajaan campuran itu dengan "satu kuasa asing di dalam negara ini" (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972 (tidak bertajuk), dlm. Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972. Hlm. 14) dan yang menyebut bahawa penolakan usul itu mungkin akan membawa kepada perletakan jawatan beliau dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS yang lain (Peringatan Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 pada 21 Disember 1972. Hlm. 17) manakala ciri-ciri kedemokratikan di dalam penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional juga telah sedikit terhakis oleh tindakan beliau membawa isu penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional untuk dibincangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS hanya setelah pendaftaran Barisan Nasional diluluskan.

UMNO.¹¹⁵ Tatkala tindakan beliau membawa isu penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional untuk dibincangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS hanya setelah pendaftaran Barisan Nasional diluluskan menyukarkan ahli-ahli PAS menentangnya dengan berkesan,¹¹⁶ sokongan kuat yang beliau perolehi daripada Nik Abdul Aziz Nik Mat, Abu Bakar Hamzah dan Hasan Adli Arshad,¹¹⁷ juga daripada Badan Perhubungan PAS Kelantan,¹¹⁸ ke atas pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS pula

¹¹⁵ Kekurangtegasan Mohd Asri Muda di dalam berhadapan dengan para pemimpin UMNO ini umpsamanya diperlihatkan oleh kegagalan beliau untuk meyakinkan para pemimpin UMNO untuk menerima asas-asas perundingan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1972--khususnya bahawa kerajaan campuran itu hendaklah menerima syari'at Islam sebagai sumber perundangan negara (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1972. Hlm. 8)--dan oleh kegagalan beliau untuk meyakinkan para pemimpin UMNO untuk menerima dengan sepenuhnya garis-garis dasar--khususnya bahawa kerajaan campuran itu hendaklah berusaha untuk menjadikan nilai-nilai prinsip-prinsip Islam teras dalam usaha-usaha pembangunan negara di samping hendaklah turut berusaha untuk memasukkan unsur-unsur Islam ke dalam perundangan dan perlombagaan negara--dan tuntutan-tuntutan jawatan--khususnya bahawa PAS hendaklah diperuntukkan 2 jawatan Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik di peringkat pusat--yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1972 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1972. Hlm. 8-9). Walau bagaimanapun, Mohd Asri Muda sebenarnya tidaklah boleh dipersalahkan sepenuhnya di atas kekurangtegasan beliau ini kerana, seperti mana yang telah pernah diingatkan oleh Amaluddin Darus sebelumnya (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1972. Hlm. 4), kerajaan campuran itu sendiri mungkin tidak akan terbentuk sekiranya beliau terlalu bertegas di dalam berhadapan dengan para pemimpin UMNO ini.

¹¹⁶ Menyukarkan lagi ahli-ahli PAS untuk menentang penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional dengan berkesan adalah peminggiran dan tindakan meminggirkan diri dua orang pemimpin yang berpotensi untuk mengetuai penentangan ini, iaitu Abu Bakar Hamzah dan Amaluddin Darus (Surat Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, kepada Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, bertarikh 3 Disember 1973 bertajuk "Perkara Berbangkit Dari Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung Pada 17 Oktober 1973". Hlm. 2; dan Amaluddin Darus (1977). Kenapa Saya Tinggalkan PAS. Kuala Lumpur: Harimau Press. Hlm. 235), dari arus perdana politik parti itu (Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada Naib Yang Dipertua Agung PAS, Abu Bakar Hamzah, bertarikh 26 April 1974 bertajuk "Pemecatan Dari Ahli PAS". Hlm. 1; dan Surat Amaluddin Darus kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 15 Jun 1974 (tidak bertajuk). Hlm. 1).

¹¹⁷ Sokongan kuat yang Mohd Asri Muda perolehi daripada Nik Abdul Aziz Nik Mat, Abu Bakar Hamzah dan Hasan Adli Arshad mengenai keharusan--selain keperluan--pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS khususnya adalah amat penting sekali di dalam konteks kegagalan persidangan ulama'-ulama' PAS pada 14 Disember 1972 untuk mencapai sebarang kata sepakat mengenai keharusan pembentukan kerajaan campuran ini (Laporan Dewan Ulama' PAS Pusat bertarikh 18 Disember 1972 bertajuk "Pendapat Dan Pandangan Ulama'-Ulama' PAS Dalam Perjumpaannya Pada 8 Zulkaedah 1392H Bersamaan 14 Disember 1972M Berkenaan Masalah Kerajaan Campuran Perikatan-PAS Di Malaysia Barat". Hlm. 2).

¹¹⁸ Sokongan kuat yang Mohd Asri Muda perolehi daripada Badan Perhubungan PAS Kelantan ini jelas tergambar di dalam keputusan Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 22 Julai 1972 untuk mengarahkan semua perwakilan PAS Kelantan menyokong usul--yang diarah untuk dikemukakan oleh wakil Bachok--yang menyatakan penerimaan pada dasarnya Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-18 ke atas pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS di semua peringkat dan bahawa ia menyerahkan kepada kebijaksanaan Jawatankuasa Kerja Agung PAS untuk merundingi perkara ini

menyebabkan ahli-ahli PAS yang menentangnya ketiadaan pemimpin untuk mengetuai penentangan ini, juga menyebabkan mereka kehilangan tapak untuk melancarkannya.

Keyakinan Mohd Asri Muda akan keperluan untuk PAS bekerjasama dengan UMNO di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dan Barisan Nasional ini pula adalah khususnya diakibatkan oleh sifat beliau sebagai seorang pejuang kebangsaan Melayu yang, meyakini--termasuklah kerana tindakan Abdul Razak Hussein menjemput beliau merundingkan "tentang hal negara dan zaman depannya", khususnya "(tentang) zaman depan bangsa Melayu",¹¹⁹ pada 20 Mei 1969¹²⁰--ketulusan Abdul Razak Hussein untuk menyatu dan memajukan orang-orang Melayu di negara ini,¹²¹ tidak mampu

dengan pihak yang berkenaan dengan syarat ia tidak akan mengorbankan prinsip-prinsip perjuangan PAS (Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 22 Julai 1972. Hlm. 5), juga di dalam keputusan Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 11 Disember 1972 untuk memanggil, pada 16 Disember 1972, semua perwakilan PAS Kelantan yang akan menghadiri Mesyuarat Agung Khas PAS Kali Ke-3 bagi memastikan mereka akan memenangkan usul pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS itu (Minit Mesyuarat Badan Perhubungan PAS Kelantan pada 11 Disember 1972. Hlm. 2).

¹¹⁹ Mohd Asri Muda (1993). Memoir Politik Asri: Meniti Arus. Bangi: Penerbit UKM. Hlm. 89-90. Lihat juga rakaman ucapan tidak berteks Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, di dalam majlis ceramah khas Yang Dipertua Agung PAS anjuran Dewan Muslimat PAS Kelantan di Kota Bharu, Kelantan, pada awal tahun 1974 (tidak bertajuk). Kejayaan perundingan yang dilangsungkan di antara Mohd Asri Muda dan Abdul Razak Hussein pada 20 Mei 1969 ini--yang di antara lainnya mendorong Kerajaan Persekutuan untuk "memberikan pinjaman (kewangan sebanyak) RM14 juta kepada Kerajaan (Kelantan) untuk menyelesaikan hutang-hutang bank dan sebagainya" (Minit Perjumpaan Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan Dengan Ahli-Ahli Dewan (Undangan) Negeri Dan Ahli-Ahli Parliment (PAS) Kelantan pada 8 September 1969. Hlm. 2; dan Mohd Asri Muda (1993). Memoir Politik Asri: Meniti Arus. Bangi: Penerbit UKM. Hlm. 88)--mungkin turut dipengaruhi oleh kejayaan perundingan yang dilangsungkan di antara mereka pada 5 November 1964 dahulu (Minit Perjumpaan Ahli-Ahli Badan Perhubungan PAS Kelantan Dengan Ahli-Ahli Dewan (Undangan) Negeri Dan (Ahli-Ahli) Parliment (PAS) Kelantan pada 13 November 1964. Hlm. 2-4).

¹²⁰ Rakaman ucapan tidak berteks Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, di dalam majlis ceramah khas Yang Dipertua Agung PAS anjuran Dewan Muslimat PAS Kelantan di Kota Bharu, Kelantan, pada awal tahun 1974 (tidak bertajuk). Penggunaan tarikh 20 Mei 1969 ini dibuat berdasarkan kepada kenyataan yang telah dibuat oleh Mohd Asri Muda di dalam ucapan beliau ini, iaitu bahawa "seperti (yang) pernah saya nyatakan kepada saudara-saudara pada masa-masa yang lalu, sesudah tujuh hari saja (Peristiwa) 13 Mei itu berlaku, saya telah dijemput ke Kuala Lumpur untuk ditinjau pendapat oleh pihak pemimpin Perikatan bagaimana pandangan bagi pihak PAS tentang zaman depan di dalam Malaysia dan zaman depan bangsa Melayu sesudah berlakunya Peristiwa 13 Mei" (*Ibid.*), yang dikira lebih berwibawa daripada kenyataan yang telah dibuat oleh beliau di dalam sebuah buku beliau, iaitu bahawa "saya datang ke Kuala Lumpur, dengan menaiki kapal terbang tentera, kira-kira tiga hari selepas berlakunya peristiwa hitam 13 Mei 1969" (Mohd Asri Muda (1993). Memoir Politik Asri: Meniti Arus. Bangi: Penerbit UKM. Hlm. 89).

membangkang dasar-dasar baru yang diperkenalkan oleh Abdul Razak Hussein untuk membela kedudukan orang-orang Melayu.¹²² Keyakinan beliau bahawa UMNO pimpinan Abdul Razak Hussein dan PAS pimpinan beliau mempunyai titik persamaan di dalam perjuangan kebangsaan Melayu mereka¹²³ ini diimbangi pula oleh keyakinan beliau bahawa, di sebalik menjelaskan identiti keislamannya, penyertaan PAS di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dan Barisan Nasional sebenarnya merupakan satu

¹²¹ Hasil daripada keyakinan Mohd Asri Muda terhadap ketulusan Abdul Razak Hussein untuk menyatu dan memajukan orang-orang Melayu di negara inilah maka beliau telah kemudiannya merangka satu strategi bagi melakukan "satu gertakan yang agak berkesan" terhadap kepimpinan Barisan Nasional di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-21 pada 29 dan 30 Julai 1975 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Julai 1975. Hlm. 3).

¹²² Selain daripada persetujuan sebulat suara Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 Julai 1969 untuk "menyokong langkah dan sikap yang diambil oleh Majlis Gerakan Negara dalam melancarkan Dasar Ekonomi Barunya dan berharap bahawa dasar itu akan benar-benar dapat mengubati kepincangan ekonomi yang sedang dihadapi oleh rakyat" dan "menyokong langkah-langkah yang dijalankan oleh kerajaan dalam melaksanakan kehendak dasar-dasar pelajaran kebangsaan yang dinamik dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang tunggal dan berharap dasar itu akan dijalankan secara yang betul-betul dinamik bagi mengejar ketinggalan perlaksanaan dasar itu selama beberapa tahun yang lalu" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 20 Julai 1969. Hlm. 2 dan 3), sokongan PAS terhadap dasar-dasar baru yang diperkenalkan oleh Abdul Razak Hussein untuk membela kedudukan orang-orang Melayu turut jelas tergambar di dalam pengakuan tersirat Mohd Asri Muda ini: "Diakui sendiri oleh pemimpin Perikatan bahawa keadaan perhubungan kaum yang sehingga tarikh ini dianggap sebagai harmonis sebenarnya jauh daripada kebenaran. Diakui lagi bahawa sisa-sisa dasar kolonial yang membiarkan bangsa Melayu jauh tertinggal di belakang masih diamalkan lagi dalam negara ini. Diakui seterusnya bahawa segala dasar dan usaha kerajaan sehingga tarikh ini tidak memadai dan tidak mencukupi untuk memuaskan kehendak dan idaman rakyat jelata, terutama golongan Melayu dan bumiputera lainnya... Setelah meneliti semuanya itu, kita dengan berani mengatakan bahawa hampir segenap perkara yang menjadi sungutan dan akuan pemimpin-pemimpin Perikatan telah pun pernah disuarakan oleh PAS semenjak sepuluh tahun dahulu lagi yang mencerminkan bahawa politik PAS sepuluh tahun lebih matang daripada politik mereka" (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 pada 18, 19 dan 20 Jun 1971 (tidak bertajuk). Hlm. 4).

¹²³ Titik persamaan di dalam perjuangan kebangsaan Melayu yang dipunyai oleh UMNO dan PAS ini telah kemudiannya menimbulkan sedikit masalah kepada PAS apabila akhbar-akhbar Utusan Melayu dan Utusan Malaysia keluaran 20 Ogos 1973 melaporkan satu berita yang memetik Abdul Razak Hussein sebagai menyatakan bahawa "beliau telah mencapai persefahaman dengan Dato' Asri bahawa tidak ada lagi perbezaan dalam perjuangan (di) antara UMNO dan PAS"--laporan yang menyebabkan Mohd Asri Muda terus sahaja mengeluarkan satu kenyataan akhbar bagi menjelaskan kepercayaan beliau bahawa maksud sebenar kenyataan Abdul Razak Hussein ini adalah bahawa "persefahaman yang telah dicapai (di) antara PAS dan UMNO akan menjadikan kedua parti ini satu gerak-tindak yang mempunyai hasrat yang sama dalam menghadapi persoalan negara sekarang (dan) dengan demikian tidak ada lagi perbezaan dalam usaha melaksanakan prinsip-prinsip yang telah dicapai dalam persefahaman tadi atau bahawa persefahaman yang telah dicapai itu akan menyebabkan kedua-dua pihak sama-sama memperjuangkan melalui kerajaan campuran prinsip-prinsip yang telah dipersetujui bersama" ("Berita-berita kepartian", dlm. Berita PAS, Bil. 8 Thn. 1, Ogos 1973. Hlm. 14-15).

taktik yang lebih efektif untuk mencapai matlamat keislaman yang diperjuangkan olehnya berbanding taktik yang digunakan olehnya selaku parti pembangkang dahulu.¹²⁴

Turut meyakinkan Mohd Asri Muda akan keperluan untuk PAS bekerjasama dengan UMNO adalah kesedaran beliau bahawa ia adalah pilihan yang terbaik untuk PAS pada waktu itu berbanding pilihan untuk menyaingi UMNO dengan menggunakan ideologi keislamannya semata-mata¹²⁵ yang, berdasarkan kepada hakikat sejarah dan realiti pada waktu itu, secara teorinya dilihat sukar membolehkan PAS memerintah negara ini,¹²⁶ apatah lagi beliau sendiri, yang lebih dikenali dengan imej kebangsaan

¹²⁴ Mohd Asri Muda sendiri telah pernah menyatakan di dalam satu majlis yang para pesertanya "dilarang (dari) membawa alat perakam kecuali dengan kebenaran khas daripada Saudara Dato' Yang Dipertua Agung" (Surat Setiausaha Agung PAS, Hassan Shukri, kepada calon-calon peserta Tamrin Mujahid PAS bertarikh 4 April 1977 bertajuk "Keperluan-Keperluan Yang (Perlu) Dibawa Sewaktu Menghadiri Tamrin". Hlm. 1): "(Penyertaan kita dalam Barisan Nasional) merupakan satu taktik untuk menghadapi masalah politik semasa, sedangkan sebelumnya kita berada di kem pembangkang. Sebelum kita memasuki kerajaan campuran, kita telah mempergunakan masalah politik, iaitu isu perpaduan rakyat dan mengurangkan *politicking*. Setelah kita berada dalam kerajaan campuran dan kemudiannya Barisan Nasional, maka masalah Barisan Nasional itu menjadi taktik kembali dan kita teruskan perjuangan untuk mencapai *ultimate strategy* kita yang tetap: Untuk menegakkan negara berundang-undang dan bermasyarakat Islam di Malaysia...Pemusatan dan pembinaan ke arah mencapai strategi agung itulah yang sedang dimarai oleh PAS sekarang. Kita lebih banyak memerlukan 'loncatan senyap' dari laungan berdegar. Kita perlu bergerak secara positif sambil kekuatan kita diorganisir, dipungut dan dihimpun dari potensi yang memang bukan kecil di Malaysia bagi mewujudkan kekuatan yang sebenar" (Kertas kerja Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 10 April 1977 bertajuk "Khittah Perjuangan Kita". Hlm. 23).

¹²⁵ Mohd Asri Muda sendiri telah pernah dilapor menyatakan bahawa "menurut kajian teliti yang dibuat, berpandukan sejarah perjuangan umat Islam dan pendapat-pendapat pemuka-pemuka Islam di dalam dan luar negara, dengan mengingatkan situasi politik yang ada di negara ini, adalah dirasakan ijihad kita menyertai kerajaan sekarang ini akan memberi keuntungan yang besar kepada PAS" ("Berita-berita kepartian", dlm. Berita PAS, Bil. 5 Thn. 1, Mei/Jun 1973. Hlm. 19), malah bahawa, selain "dibuat sesudah dikaji dengan mendalam akan buruk baiknya", penyertaan PAS di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS juga "(dibuat) setelah (ber)istikharah kepada Allah" ("Berita-berita kepartian", dlm. Berita PAS, Bil. 2/3 Thn. 2, Februari/Mac 1974. Hlm. 10).

¹²⁶ Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat, Nik Abdul Aziz Nik Mat, sendiri telah pernah mengakui bahawa "kalau kita hendak memerintah menguasai negara akan memakan masa yang lama" (Peringatan Muktamar Tahunan Dewan Ulama' PAS Pusat Kali Ke-11 pada 27 Julai 1972. Hlm. 6)--pengakuan yang turut dikongsi, malah dengan cara yang lebih terbuka lagi, oleh Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Amaluddin Darus, dan Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, yang telah sama ada menyatakan bahawa "PAS sebagai sebuah parti Islam...untuk menang melalui pilihan raya bagi memerintah negara ini sudah tentu tidak boleh" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 11 Ogos 1972. Hlm. 4) atau menanyakan bahawa "kita hendaklah menyedari hakikat yang nyata sekarang...(iaitu) bahawa kedudukan jumlah (penduduk) Melayu akan menurun lagi kepada 41% saja daripada keseluruhan jumlah penduduk Malaysia, maka apakah satu-satu ilmu hikmat yang akan digunakan oleh PAS untuk memenangi pilihan raya-pilihan raya (pada) masa depan?" (Kertas kerja

Melayu beliau, dilihat tidak terlalu berkeupayaan untuk mengartikulasikan ideologi keIslamannya ini.¹²⁷ Pilihan ini pula terpaksa diambil oleh beliau kerana PAS, setelah berlalunya Peristiwa 13 Mei, tidak lagi mampu menggunakan ideologi kebangsaan Melayunya seefektif sebelumnya ekoran kelulusan Akta (Pindaan) Perlembagaan, 1971, yang menyekatnya dari mempersoal peruntukan berhubung dengan kewarganegaraan, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan kedaulatan raja-raja¹²⁸ serta ekoran kejayaan UMNO merebut kembali sokongan orang-orang Melayu kepadanya melalui dasar-dasar baru yang diperkenalkan olehnya setelah berlalunya Peristiwa 13 Mei yang dilihat membuktikan ketulusannya membela kedudukan mereka.

Dari segi jangka pendeknya, Mohd Asri Muda juga kelihatan turut diyakinkan bahawa kerjasama di antara PAS dan UMNO ini adalah diperlukan untuk menjaga kelangsungan perjuangan PAS, khususnya untuk mengekalkan kekuasaannya di Kelantan dan untuk meluaskan kekuasaannya di luar Kelantan, apatah lagi kerana kekuatan PAS, sama ada dari segi kelancaran jenteranya mahupun dari segi pengekalan sokongan para pengundi kepadanya, agak terjejas oleh larangan berpolitik yang

Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 23 Ogos 1972 bertajuk "Minority Report Dan Memorandum". Fasal 8).

¹²⁷ Dakwa Abu Bakar Hamzah mengenai perkaitan di antara kekurangupayaan Mohd Asri Muda untuk mengartikulasikan ideologi keIslamahan PAS ini dan penyertaan PAS di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS: "Pada tahun 1972, semasa saya menjadi Setiausaha Agung PAS, saya memerhati dengan teliti perjuangan PAS dan saya dapati Dato' Asri tidak berdaya memimpin atas dasar Islam kerana beliau bukan lulusan agama, sekadar boleh memahami Usul-Feqah dan Usul-Din. Saya dapati Dato' Asri banyak meluncur ke dalam arus 'nasionalisme'. Oleh itu, saya cuba mengemukakan gagasan kerajaan campuran sebagai satu cara bagi melambatkan kehancuran PAS" (Alias Mohamed (2003). Abu Bakar Hamzah Dalam Kenangan. Petaling Jaya: Gateway Publishing House. Hlm. 108).

¹²⁸ Tulis Mohd Asri Muda mengenai kesan kelulusan Akta (Pindaan) Perlembagaan, 1971, ini ke atas hala tuju perjuangan PAS: "Langkah politik yang akan kita silatkan pada kali ini bukannya langkah sebarang langkah. Pantang larang telah bercerancangan dipancangkan orang di sekitar gelanggang perjuangan tempat kita bertarung. Pendekar yang tidak awas dan kurang bercermat akan mudah terkait kakinya dan tersembam mukanya. Dapatlah ditegaskan bahawa medan tempur tempat kita membuka silat jauh lebih sempit dan lebih sulit... (tetapi) itulah hanya ruang yang terbuka, itulah hanya lapangan yang kita masih boleh melangkah dan bergerak, maka kita terimalah ianya sebagai satu kenyataan walaupun pahit" (Cenderamata Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 Di Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, Pada 18, 19 Dan 20 Jun 1971. Hlm. 8).

dikenakan ke atas semua parti politik ekoran berlakunya Peristiwa 13 Mei¹²⁹ dan oleh tindakan UMNO memperkenalkan dasar-dasar baru yang dilihat membuktikan ketulusannya membela kedudukan orang-orang Melayu.¹³⁰ Kemerosotan kekuatan PAS ini, yang khususnya digambarkan oleh kemerosotan mendadak¹³¹ jumlah undi yang diperolehi oleh calon-calonnya di dalam pilihan raya-pilihan raya kecil yang dilangsungkan setelah berlalunya Pilihan Raya Umum 1969,¹³² paling dirasai olehnya di

¹²⁹ Di peringkat negeri, Mohd Noor Yusoff umpamanya telah menyatakan bahawa "selepas Pilihan Raya Umum 1969 yang lalu boleh dikatakan hampir seluruh jentera parti telah lumpuh dan hubungan antara sesama orang parti telah menjadi renggang, malah di sesetengah kawasan hubungan itu boleh dikatakan tiada langsung" (Kertas kerja Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Mohd Noor Yusoff, bertarikh 18 November 1970 bertajuk "Menghadapi Perkembangan Politik Sekarang". Hlm. 1) manakala di peringkat pusat pula, Mohd Asri Muda sendiri umpamanya telah menyatakan bahawa "akibat daripada pembekuan aktiviti politik dalam masa yang begitu panjang, jentera pergerakan parti kita sedikit sebanyak mengalami kelonggaran skru-skru di sana sini, bahkan ada bahagian-bahagiannya yang dimakan karat" (Cenderamata Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-17 Di Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, Pada 18, 19 Dan 20 Jun 1971. Hlm. 8).

¹³⁰ Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani umpamanya telah, setelah menyatakan bahawa "selepas pindaan Perlembagaan Malaysia dan kembali kepada pemerintahan berparlimen, kedudukan PAS telah menjadi malap, selain dari negeri Kelantan barangkali juga di Kedah dan Terengganu", menanyakan: "Kedudukan politik PAS terduga, ke mana PAS hendak menuju sekarang? Saya berasa bimbang sekiranya kita tidak mencari satu-satu jalan, ahli-ahli kita akan terpesona dengan nyanyian Kerajaan Perikatan dalam Rancangan Malaysia Kedua untuk kebahagiaan rakyat bagi mengatasi kemiskinan rakyat... Beberapa cawangan PAS dan ranting PAS telah lumpuh... Sekurang-kurangnya kalau tidak dapat memperkuatkan parti kita, kita mesti mahu mempertahankan diri, selamatkan ahli dan ranting-ranting kita" (Surat Ahli Jawatankuasa Kerja Agung PAS, Raja Mohd Hanifah Abdul Ghani, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 15 Oktober 1971 (tidak bertajuk). Hlm. 1).

¹³¹ Laporan Tahunan Badan Perhubungan PAS Terengganu 1971/1972 umpamanya menyatakan bahawa prestasi PAS di dalam Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri Batu Rakit, Terengganu, pada 21 Ogos 1971--dalam mana calonnya, iaitu Awang Abu Bakar, telah dikalahkan dengan majoriti sebanyak 2,753 undi oleh calon Perikatan, Nik Hassan Wan Abdul Rahman, (Warta Kerajaan Negeri Terengganu, 12 Ogos 1971, No. 276; dan Warta Kerajaan Negeri Terengganu, 2 September 1971, No. 289) berbanding kekalahan dengan majoriti sebanyak hanya 854 undi sahaja calonnya, iaitu Hashim Yusof, di tangan calon Perikatan, Mansor Mohd, di dalam Pilihan Raya Umum 1969 (Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969. Hlm. 79)--"adalah memerlukan segala kalangan dengan undi yang didapat oleh PAS jauh merosot dari(pada) undi yang didapat (di) dalam Pilihan Raya Umum 1969 walaupun jumlah pengundi yang keluar adalah lebih kurang sama dengan yang keluar (pada) tahun 1969" (Laporan Tahunan Badan Perhubungan PAS Terengganu 1971/1972. Hlm. 6), apatah lagi apabila calonnya itu secara peribadinya mempunyai rekod yang baik di dalam Pilihan Raya Umum 1969 di mana beliau, yang telah diletakkan oleh PAS untuk menandingi calon Perikatan, Ibrahim Fikri Mohamad, di kerusi Dewan Undangan Negeri Kuala Neris, Terengganu, dikalahkan dengan majoriti sebanyak hanya 324 undi sahaja (Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969. Hlm. 79).

¹³² Di sebalik kemerosotan mendadak jumlah undi yang diperolehi oleh calon-calonnya di dalam pilihan raya-pilihan raya kecil ini, PAS dilaporkan masih lagi mampu menarik orang-orang Melayu/Islam untuk menyertainya di mana seramai "hampir 5,000 orang" dikatakan telah mendaftar sebagai ahli-ahli baru PAS di antara tarikh-tarikh 13 Mei 1969 dan 15 Mei 1971 (Penyata Tahunan PAS 1968/1971. Hlm. 61) manakala seramai "3,250 orang" pula dikatakan telah mendaftar sebagai

Kelantan yang, berdasarkan kepada penurunan berterusan jumlah kerusi yang dimenangi oleh calon-calonnya di dalam Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum 1964 dan 1969,¹³³ diyakini agak sukar untuk dipertahankan olehnya di dalam Pilihan Raya Umum 1974.¹³⁴

Dari segi keterburuan kerjasama di antara PAS dan UMNO di dalam Barisan Nasional, kajian ini menunjukkan bahawa perbezaan pendapat di antara para pemimpin PAS dan UMNO di dalam isu pertikaian di antara PAS dan Mohamad Nasir merupakan salah satu faktor penting yang telah menyumbang kepadanya. Sementara tindakan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari UMNO menentang usul undi tidak percaya yang telah dikemukakan oleh Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS terhadap Mohamad Nasir telah mencetuskan kemarahan para pemimpin PAS yang segera membayangkan hasrat mereka untuk menujuhkan sebuah kerajaan baru secara bersendirian di Kelantan, tindakan para pemimpin UMNO hanya mengizinkan penuhuhan kerajaan baru itu sekiranya syarat-syarat mereka--yang dianggap tidak adil

ahli-ahli baru PAS di antara tarikh-tarikh 16 Mei 1971 dan 26 Julai 1972 (Penyata Tahunan PAS 1971/1972. Hlm. 2). Sementara ia menyatakan bahawa "kita tidak boleh menafikan adanya beberapa orang PAS itu sungguh-sungguh keluar dari PAS lalu memasuki (UMNO)", Penyata Tahunan PAS 1971/1972 juga turut menyatakan bahawa, "setelah dilakukan penyelidikan yang sungguh-sungguh oleh pihak Badan Penerangan PAS Pusat dan apa yang dilaporkan ke Pejabat Agung oleh Perhubungan PAS Negeri-Negeri atau cawangan-cawangannya", adalah didapati bahawa laporan-laporan akhbar-akhbar tempatan mengenai tindakan ahli-ahli PAS keluar dari parti itu untuk menyertai UMNO secara beramai-ramai "lebih banyak bersifat provokasi daripada pernyataan kebenaran" (Ibid. Hlm. 2).

¹³³ Sementara PAS hanya mengalami kekalahan di 1 kerusi Dewan Rakyat--iaitu di Ulu Kelantan--dan di 2 kerusi Dewan Undangan Negeri--iaitu di Ulu Kelantan Timor dan Bandar Hilir--di dalam Pilihan Raya Umum 1959 (Report on the Parliamentary and State Elections 1959. Hlm. 35-37 dan 52-53), ia telah mengalami kekalahan di 2 kerusi Dewan Rakyat--iaitu di Kota Bharu Hilir dan Ulu Kelantan--dan di 9 kerusi Dewan Undangan Negeri--iaitu di Tumpat Tengah, Tumpat Timor, Bandar Hilir, Bandar Hulu, Pasir Putih Tengah, Machang Utara, Machang Selatan, Ulu Kelantan Timor dan Ulu Kelantan Barat--di dalam Pilihan Raya Umum 1964 (Penyata Pilihan Raya-Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat) dan Dewan-Dewan Negeri, Tahun 1964, bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu. Hlm. 76-83 dan 148-151) di samping telah turut mengalami kekalahan di 4 kerusi Dewan Rakyat--iaitu di Tumpat, Kota Bharu Hilir, Tanah Merah dan Ulu Kelantan--dan di 11 kerusi Dewan Undangan Negeri--iaitu di Tumpat Tengah, Tumpat Timor, Bandar Hilir, Rantau Panjang, Pasir Putih Tengah, Pasir Putih Tenggara, Machang Utara, Tanah Merah Barat, Machang Selatan, Ulu Kelantan Timor dan Ulu Kelantan Barat--di dalam Pilihan Raya Umum 1969 (Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak Tahun 1969. Hlm. 53-55 dan 74-78).

oleh para pemimpin PAS--, khususnya bahawa Kelantan sendiri akan didaruratkan, dipenuhi telah segera menterburai kerjasama ini apabila kegagalan PAS mematuhi arahan Majlis Tertinggi Barisan Nasional supaya ia memecat Ahli-Ahli Parlimennya yang mengundi menentang Rang Undang-Undang Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan) 1977 telah dijadikan alasan oleh UMNO untuk menyingkirkan PAS dari Barisan Nasional.

Sementara para pemimpin UMNO dilihat lebih bertanggungjawab ke atas penterburai kerjasama di antara PAS dan UMNO ini,¹³⁵ para pemimpin PAS juga sebenarnya turut menyumbang kepadanya¹³⁶ kerana memberikan para pemimpin UMNO

¹³⁴ Wawancara dengan Wan Ismail Ibrahim di kediaman beliau pada 22 April 1999; dan Penyata Tahunan PAS 1968/1971. Hlm. 76.

¹³⁵ Kebanyakan pengkaji politik Malaysia kelihatan agak sekata di dalam menyatakan bahawa para pemimpin UMNO telah sekurang-kurangnya mengeksplotasikan pertikaian yang berlaku di antara PAS dan Mohamad Nasir untuk memenuhi kepentingan politik parti mereka. Lihat umpamanya tulisan-tulisan Chandra Muzaffar, Muhammad Kamlin, Harold Crouch dan Mohammad Agus Yusoff yang menyatakan bahawa "*that UMNO engineered the whole crisis is difficult to establish; what is more probable is that after the Assembly vote, the UMNO leadership, piqued by the PAS's unwillingness to heed its advice, decided to direct events to its own advantage*" (Chandra Muzaffar, *Malaysia: The National Front on Trial*, dlm. *Southeast Asian Affairs 1978*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies dan Heinemann Educational Books (Asia) Ltd. Hlm. 159), bahawa "*once (the vote of no-confidence) had been exercised, the initiative was gone completely from PAS (and), soon enough, the Federal Government seized the initiative that had so ignominiously been surrendered to it, in the assembly vote and, later, in the negotiations*" (Muhammad Kamlin, *The Storm Before the Deluge: The Kelantan Prelude to the 1978 Elections*, dlm. Harold Crouch, et. al. (eds.) (1980). Malaysian Politics and the 1978 Elections. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 60-61), bahawa "*in 1977, UMNO exploited rivalries within the Kelantan PAS which resulted in PAS's expulsion from the BN, the collapse of the state government and the imposition of emergency rule in the state*" (Harold Crouch (1996). Government and Society in Malaysia. Ithaca: Cornell University Press. Hlm. 65) dan bahawa "*UMNO skillfully exploited the leadership crisis in Kelantan to gain control of the state*" (Mohammad Agus Yusoff (1998). Federalism in Malaysia: A Study of the Politics of Centre-State Relations. University of Manchester. Hlm. 147). Sementara seorang pengkaji UMNO Pusat, iaitu Ahmad Fawzi Mohd Basri, pernah dengan secara ringkas menyatakan bahawa "*to demonstrate his leadership skills, Tengku Razaleigh (Hamzah) managed to force PAS out of the Barisan Nasional in 1977, that political coup being considered by Tengku Razaleigh (Hamzah) and his supporters as a 'great contribution to the party'*" (Ahmad Fawzi Mohd Basri (1992). The United Malays National Organization (UMNO) 1981-1991: A Study of the Mechanics of a Changing Political Culture. University of Hull. Hlm. 213), seorang pengkaji UMNO Kelantan, iaitu Mohd Ali Kamarudin, pula pernah dengan secara terperinci menghuraikan bagaimana Tengku Razaleigh Hamzah dan UMNO Kelantan telah sejak dari awal lagi mengeksplotasikan penyertaan PAS di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dan Barisan Nasional untuk "menghancurkan" PAS Kelantan (Mohd Ali Kamarudin (1998). Penaungan Dalam Kepemimpinan Politik Melayu: UMNO Kelantan 1946-1990. Universiti Malaya. Hlm. 340-351).

¹³⁶ Tulis Muhammad Kamlin: "*Assuming that the PAS-BN split was the work of a deliberate conspiracy, the tactics PAS adopted were so manifestly inept that they not only failed to counter and defeat the plot but obviously contributed to its success. Besides, some of the implications of Federal rule were so apparently inimical to PAS interests that it seems strange that the party leadership did not*

ini peluang--khususnya kerana ketergopoh-gapahan¹³⁷ mereka mengemukakan usul undi tidak percaya terhadap Mohamad Nasir¹³⁸--dan alasan--khususnya kerana kenekatan mereka mengundi menentang Rang Undang-Undang Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan) 1977,¹³⁹ tetapi juga kerana keterlanjuran mereka memprovokasi para pemimpin UMNO

anticipate them or change its tactics in order to avoid them" (Muhammad Kamlin, *The Storm Before the Deluge: The Kelantan Prelude to the 1978 Elections*, dlm. Harold Crouch, et. al. (eds.) (1980). Malaysian Politics and the 1978 Elections. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 44).

¹³⁷ Sementara kenyataan Mohd Asri Muda bahawa jika Mohamad Nasir tidak disingkirkan pada masa dan dengan cara itu maka perjuangan PAS dikatakan akan terus lumpuh (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 bertajuk "Cubaan Dan Cabaran". Hlm. 10-11) atau, lebih khusus lagi, bahawa "kalu duk 'lok lagu 'ni, pilihan raya akan datang PAS Kelantan tu teruk" (Rakaman laporan perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 26 September 1977 oleh Setiausaha Badan Perhubungan PAS Kelantan, Salahuddin Abdullah, pada 28 September 1977) agak sukar untuk diterima dengan sepenuhnya memandangkan tindak-tanduk Mohamad Nasir ini dirasakan tidak akan terlalu menjelaskan prestasi PAS di dalam pilihan raya umum itu kerana, sebagai komponen Barisan Nasional, PAS tentunya tidak akan ditandingi oleh UMNO di dalamnya, dakwaan "Rakyat Kelantan" bahawa sebab sebenar mengapa Mohamad Nasir digulingkan adalah kerana "Geng 20 dan Asri ingin mencairkan pembekuan yang dilakukan oleh (beliau) ke atas kawasan-kawasan hutan yang tertentu demi keselamatan negara (kerana) pilihan raya akan menjelma (dan) PAS perlu wang untuk menampung kos pilihan raya" (Surat "Rakyat Kelantan" kepada Ahmad Subky Abdul Latif bertarikh 1 November 1977 bertajuk "Fokus Subky Latif Keluaran 20 Oktober 1977 Bertajuk Krisis PAS: UMNO Ambil Kesempatan". Hlm. 2) juga agak sukar untuk diterima dengan sepenuhnya memandangkan PAS dirasakan tidak memerlukan sumber kewangan yang terlalu banyak untuk menghadapi pilihan raya umum itu kerana, selaras dengan pendedahan bahawa "seluruh perbelanjaan pihak PAS dan parti-parti ahli yang bertanding (di) dalam Pilihan Raya (Umum 1974) adalah ditanggung oleh Barisan Nasional" (Penyata Tahunan PAS 1974/1975. Hlm. 11), seluruh perbelanjaan pihak PAS di dalamnya dijangkakan akan ditanggung oleh Barisan Nasional. Satu lagi faktor yang didakwa oleh "Rakyat Kelantan" menjadi punca kepada penggulingan Mohamad Nasir, iaitu bahawa "Geng 20 dan Asri"--atau, lebih khusus lagi, Ishak Lotfi Omar (Risalah bertajuk "Tahukah Anda Kenapa Dato' Mohamad Nasir Nak Dipecat?" (tidak bertarikh). Hlm. 1)--"sudah ambil wang pendahuluan bagi membenarkan Cina-Cina membalaik di kawasan yang telah dibekukan itu" (Surat "Rakyat Kelantan" kepada Ahmad Subky Abdul Latif bertarikh 1 November 1977 bertajuk "Fokus Subky Latif Keluaran 20 Oktober 1977 Bertajuk Krisis PAS: UMNO Ambil Kesempatan". Hlm. 2), juga agak sukar untuk diterima dengan sepenuhnya memandangkan dakwaan ini tidak pernah dialaskan dengan sebarang bukti yang konkret.

¹³⁸ Satu cara yang mungkin agak lebih baik untuk membolehkan PAS Kelantan mengatasi masalah yang ditimbulkan oleh Mohamad Nasir ini ialah dengan tidak lagi meletakkan beliau sebagai calon untuk mewakili PAS di dalam pilihan raya umum yang seterusnya kerana kemungkinan untuk para pemimpin UMNO campur tangan di dalam urusan pemilihan calon-calon pilihan raya PAS adalah agak lebih kecil berbanding dengan di dalam pengemukaan usul undi tidak percaya terhadap beliau ini.

¹³⁹ Sementara satu cara yang mungkin agak lebih baik untuk PAS menghadapi Rang Undang-Undang Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan) 1977 ini ialah dengan mengarahkan Ahli-Ahli Parlimen PAS mengundi menyokongnya tetapi dengan turut menyuarakan ketidakpuasan hati PAS terhadapnya di dalam perbahasan-perbahasan mereka, kenyataan Mohd Asri Muda mengenai kehairanan beliau ke atas "penerimaan UMNO terhadap kalimah PAS tidak mahu memecat ahli-ahlinya sendiri (yang) dianggap sebagai satu perkara yang serius" ("Tiga lagi EXCO PAS letak jawatan", dlm. Utusan Melayu, 14 Disember 1977) pula menunjukkan bahawa beliau sendiri sebenarnya tidaklah menduga bahawa tindakan Ahli-Ahli Parlimen PAS mengundi menentangnya, dan kemudiannya kegagalan PAS untuk memecat mereka, ini akan dijadikan alasan utama penyingkiran PAS dari Barisan Nasional oleh Hussein Onn yang menyatakan: "Perbuatan pucuk pimpinan PAS menentang arahan *party whip* menjadi satu contoh yang merbahaya kepada parti anggota Barisan Nasional yang lain, sama ada di

dengan membayangkan hasrat mereka untuk menubuhkan sebuah kerajaan baru secara bersendirian di Kelantan,¹⁴⁰ dengan "mengemukakan (usul) undi tidak percaya kepada beberapa orang Menteri Besar yang terdiri daripada ahli-ahli UMNO",¹⁴¹ dengan "memberi amaran yang merupakan kata dua bahawa calon-calon PAS akan bertanding

dalam ataupun di luar dewan, di masa akan datang. Jika semangat kerjasama dan saling mengerti ini luntur dan disiplin parti diketepikan, akibatnya Barisan Nasional akan hancur" (Teks ucapan Presiden UMNO, Hussein Onn, di dalam Perjumpaan Ketua-Ketua Bahagian UMNO pada 9 Disember 1977 bertajuk "Mengapa PAS Disingkir", dlm. Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof (1997). Amanat Presiden: Landasan Bagi Pembinaan Bangsa Dan Negara (Jilid II). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. Hlm. 238).

¹⁴⁰ Selain dibayangkan oleh Mohd Asri Muda ("Asri minta mandat baru: PAS panggil muktamar khas bincang masalah kepimpinan PAS akibat krisis Kelantan", dlm. Utusan Melayu, 17 Oktober 1977) serta selain dinyatakan dengan secara terbuka oleh Ishak Lotfi Omar ("PAS Kelantan mungkin keluar Barisan (Lotfi: Jika putusan jawatankuasa perunding ditolak)", dlm. Utusan Melayu, 31 Oktober 1977), Wan Ismail Ibrahim ("Formula balas PAS: Dua daripada cadangan Mahathir diterima", dlm. Utusan Melayu, 1 November 1977) dan Jawatankuasa Perunding PAS ("Formula Dr Mahathir dan cadangan balas PAS", dlm. Utusan Melayu, 1 November 1977), hasrat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS untuk menubuhkan sebuah kerajaan baru secara bersendirian di Kelantan ini juga jelas tergambar di dalam tindakan mereka menghentikan pemberian derma bulanan mereka kepada Barisan Nasional Kelantan mulai dari bulan Oktober 1977 (Surat 21 Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan bertarikh 21 Oktober 1977 bertajuk "Menarik Balik Derma Bulanan Kepada Barisan Nasional Kelantan". Hlm. 1)--tindakan yang, mengikut Mohd Asri Muda kemudiannya, dibuat "atas arahan (beliau)" dan yang "bolehlah dianggap sebagai satu protes" ("Ahli Dewan henti derma", dlm. Watan, 6 November 1977).

¹⁴¹ Sementara PAS tidak memperolehi sebarang *political mileage* yang signifikan--melainkan untuk sekadar "(meng)gambar(kan) perpaduan anggota PAS yang sering sengaja dipertikaikan dan kegoyahan sikap sebahagian anggota pihak kerajaan yang benar memahami dan mahukan kebenaran" (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 bertajuk "Cubaan Dan Cabaran". Hlm. 36)--daripada tindakannya mengemukakan usul undi tidak percaya terhadap Menteri Besar Kedah di dalam sidang Dewan Undangan Negeri Kedah pada 21 Disember 1977, kenyataan Mohd Asri Muda bahawa "bagi orang-orang yang rasional, tidaklah timbul masalah yang menakutkan (kerana adalah) tidak munasabah bagi PAS untuk merampas kuasa (di Kedah)", juga kenyataan-kenyataan beliau bahawa "sebenarnya, masalah pokok yang timbul di Kedah itu berpunca daripada rasa tidak puas hati rakyat negeri tersebut, terutama dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Kupang yang berdekatan dengan Baling, di mana suatu demonstrasi rakyat pernah berlaku beberapa tahun lalu", bahawa "hanya sedikit silap faham timbul kerana kes ini lahir sewaktu krisis Kelantan sedang bergolak hingga mudahlah kepada tukang-tukang reka menokok-tambah dan mengaitkannya dengan kerajaan ala MAGERAN di Kelantan" dan bahawa "adalah menjadi kewajipan PAS untuk menyedarkan pihak-pihak yang memerintah bagi mengatasi masalah kepincangan yang berlaku dan kemunduran yang berpanjangan" (Ibid. Hlm. 35), walau bagaimanapun menunjukkan bahawa beliau sendiri sebenarnya tidaklah menduga bahawa cadangan untuk melakukan tindakan ini akan dijadikan salah satu alasan penyingkiran PAS dari Barisan Nasional oleh Hussein Onn yang menanyakan: "Di manakah letaknya semangat kerjasama pucuk pimpinan PAS dalam Barisan Nasional? Apakah salahnya jika perkara ini dirundingkan dengan kita terlebih dahulu? Jika kita sanggup merundingkan terlebih dahulu mengenai hal-hal negeri Kelantan dengan pucuk pimpinan PAS, mengapakah pucuk pimpinan PAS mahu membelakangkan kita mengenai hal di negeri-negeri yang lain?" (Teks ucapan Presiden UMNO, Hussein Onn, di dalam Perjumpaan Ketua-Ketua Bahagian UMNO pada 9 Disember 1977 bertajuk "Mengapa PAS Disingkir", dlm. Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof (1997). Amanat Presiden: Landasan Bagi Pembinaan Bangsa Dan Negara (Jilid II). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. Hlm. 239).

dalam semua kawasan pilihan raya menentang Barisan Nasional (di Johor)¹⁴² dan dengan "memberi amaran bahawa kononnya lima buah negeri di Semenanjung Malaysia akan menerima nasib seperti di Pulau Pinang...jika sekiranya PAS meninggalkan, atau dikeluarkan dari, Barisan Nasional"¹⁴³--untuk menyingkirkan PAS dari Barisan Nasional.

Walau bagaimanapun, penyingkiran PAS dari Barisan Nasional ini bukanlah diakibatkan oleh perbezaan pendapat di antara para pemimpin PAS dan UMNO di dalam isu pertikaian di antara PAS dan Mohamad Nasir semata-mata¹⁴⁴ kerana ia sebenarnya

¹⁴² Di sebalik hasrat para pemimpin PAS Johor untuk meletakkan calon-calon mereka bagi menandingi calon-calon Barisan Nasional di semua kerusi di dalam Pilihan Raya Umum 1978--hasrat yang telah dijadikan salah satu alasan penyingkiran PAS dari Barisan Nasional oleh Hussein Onn ini (*Ibid. Hlm. 239*)--mereka akhirnya hanya mampu untuk meletakkan calon di 12 daripada 16 kerusi Dewan Rakyat dan di 23 daripada 32 kerusi Dewan Undangan Negeri sahaja di dalam pilihan raya umum ini (Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri kecuali Dewan-Dewan Undangan Negeri Kelantan, Sabah dan Sarawak 1978. Hlm. 82-83 dan 122-125) dengan tiada seorang pun daripada calon-calon mereka itu mencapai kemenangan dan dengan 10 daripada 12 calon Dewan Rakyat dan 14 daripada 23 calon Dewan Undangan Negeri mereka turut kehilangan wang pertaruhan mereka (*Ibid. Hlm. 160-161 dan 186-187*).

¹⁴³ Di sebalik pemberian amaran--yang disifatkan oleh Hussein Onn sebagai "satu provokasi yang merbahaya" (Teks ucapan Presiden UMNO, Hussein Onn, di dalam Perjumpaan Ketua-Ketua Bahagian UMNO pada 9 Disember 1977 bertajuk "Mengapa PAS Disingkir", dlm. Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof (1997). Amanat Presiden: Landasan Bagi Pembinaan Bangsa Dan Negara (Jilid II). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. Hlm. 240)--ini, tiada sebuah negeri pun yang berjaya direbut oleh mana-mana parti pembangkang di dalam Pilihan Raya Umum 1978 (Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri kecuali Dewan-Dewan Undangan Negeri Kelantan, Sabah dan Sarawak 1978. Hlm. 126-127).

¹⁴⁴ Satu perkara yang agak *ironic* di dalam isu penyingkiran PAS dari Barisan Nasional ini adalah hakikat bahawa sementara usaha-usaha para pemimpin PAS Kelantan untuk menyingkirkan Mohamad Nasir dari jawatan beliau sebagai Menteri Besar Kelantan adalah dibuat di atas asas untuk menjaga keutuhan Barisan Nasional (Surat 20 Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 16 Mac 1975 bertajuk "Masalah Menteri Besar Kelantan". Hlm. 1; Memorandum Jawatankuasa Dewan Pemuda PAS Kelantan bertarikh 10 Mei 1975 bertajuk "Ulasan Kenyataan Akhbar YAB Dato' Haji Mohamad Nasir, Menteri Besar Negeri Kelantan, (Pada) 8 Mei 1975". Hlm. 2 dan 3; Surat Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 31 Mei 1975 bertajuk "Gema Wawancara YAB Dato' Haji Mohamad Nasir, Menteri Besar Kelantan, Dengan Wartawan BERNAMA Yang Disiarkan Oleh Akhbar-Akhbar Tempatan Pada 8 Mei 1975". Hlm. 2; Surat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan dari PAS kepada Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 8 September 1977 bertajuk "Kenyataan Bersama Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (PAS) Kelantan". Hlm. 1; Kertas kerja Pesuruhjaya Badan Perhubungan PAS Kelantan, Ishak Lotfi Omar, bertarikh 26 September 1977 bertajuk "Asas-Asas Tindakan PAS Kelantan Terhadap Dato' Haji Mohamad Nasir". Hlm. 17; dan Penyata Rasmi Persidangan Kali Yang Kedua Bagi Tempoh Penggal Yang Keempat Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Keempat Pada 15 Oktober 1977. Hlm. 4), Hussein Onn juga telah memutus untuk menyingkirkan PAS dari Barisan Nasional di atas asas untuk "melihat Barisan Nasional hidup berpanjangan", untuk mengelakkan Barisan Nasional dari "pecah dan musnah" dan untuk "memperkuatkan Barisan Nasional" (Teks ucapan Presiden UMNO,

hanyalah merupakan satu manifestasi daripada pertarungan mereka untuk melebarkan pengaruh politik parti-parti mereka di kalangan orang-orang Melayu-Islam di negara ini.¹⁴⁵ Tidaklah dinafikan bahawa keinginan para pemimpin UMNO untuk merampas kembali tumpuk pemerintahan Kelantan merupakan faktor yang penting di dalam menterburai kerjasama di antara PAS dan UMNO ini,¹⁴⁶ tetapi kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh para pemimpin UMNO sendiri¹⁴⁷ menunjukkan bahawa kebimbangan

Hussein Onn, di dalam Perjumpaan Ketua-Ketua Bahagian UMNO pada 9 Disember 1977 bertajuk "Mengapa PAS Disingkir", dlm. Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof (1997). Amanat Presiden: Landasan Bagi Pembinaan Bangsa Dan Negara (Jilid II). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. Hlm. 240-241).

¹⁴⁵ Mohd Asri Muda sendiri telah kemudiannya menyatakan: "Kelantan itu adalah bisul yang pecah daripada darah yang kotor di seluruh badan manusia itu, kebetulan tempat pecah bisul itu di Kelantan daripada hasil darah kotor politik yang beredar di seluruh Malaysia ini. Sebab itulah, dalam suluhan yang kita buat, kisah Kelantan ini timbul akibat daripada apa yang berlaku dalam peredaran dan percaturan politik di seluruh negara...Membaca perkembangan politik kena baca apa yang tidak ada pada yang tertulis dan cara membaca apa yang tidak ada pada yang tertulis ialah melihat dengan mata hati dari kejadian yang terdahulu, sedang dan kemungkinan yang akan datang. Hasil daripada cangkupan antara kejadian dengan kejadian dan antara masalah dengan masalah yang kemudian baru lahir jawapan-jawapan" (Rakaman ucapan penggulungan Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 (tidak bertajuk)).

¹⁴⁶ Chandra Muzaffar malahan telah menyifatkan keinginan para pemimpin UMNO untuk merampas kembali tumpuk pemerintahan Kelantan sebagai faktor yang terpenting di dalam menterburai kerjasama di antara PAS dan UMNO ini. Tulis beliau bagi menjawab pertanyaan "*why would UMNO want to destroy PAS since both parties are part of the NF?*": "First, UMNO, in spite of everything, has always wanted to gain control of Kelantan...Secondly, the UMNO leadership must have (been) annoyed (by) the PAS's failure to invite Hussein and, before him, Tun Razak, to declare open their annual assemblies and could well have interpreted it as an indication of an unwillingness to acknowledge UMNO's leadership of the NF...Thirdly, there is without any doubt a growing fear among UMNO circles of the PAS's relationship to Islamism, the strongest of the new trends in Malay politics, a trend from which the PAS, as the only political party that advocates an Islamic state and ideology, rather than UMNO, is bound to gain" (Chandra Muzaffar, *Malaysia: The National Front on Trial*, dlm. Southeast Asian Affairs 1978. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies dan Heinemann Educational Books (Asia) Ltd. Hlm. 159).

¹⁴⁷ Sementara Hussein Onn telah secara umumnya menyatakan bahawa "penubuhan ranting-ranting PAS dalam kawasan-kawasan UMNO juga menimbulkan kecurigaan dan boleh membangkitkan salah faham di kalangan rakyat" (Teks ucapan Presiden UMNO, Hussein Onn, di dalam Perjumpaan Ketua-Ketua Bahagian UMNO pada 9 Disember 1977 bertajuk "Mengapa PAS Disingkir", dlm. Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof (1997). Amanat Presiden: Landasan Bagi Pembinaan Bangsa Dan Negara (Jilid II). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. Hlm. 240), Tengku Razaleigh Hamzah pula telah secara khususnya dilapor menyatakan bahawa, "dalam konteks 'Asas 1974' (parti majoriti di sesebuah negeri akan menjadi tulang belakang Barisan Nasional dan memerintah negeri itu), tidaklah wajar bagi PAS menubuhkan rantingnya di Johor kerana asas itu hanya menetapkan tiga parti saja berada di sana, iaitu UMNO, MCA dan MIC" ("UMNO kecewa kerana PAS tak jujur kepada 'Asas 1974'", dlm. Utusan Melayu, 19 Disember 1977). Seorang lagi pemimpin tertinggi UMNO, Abdul Ghafar Baba, juga telah turut dilapor menyatakan bahawa penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional adalah lebih menguntungkan PAS yang "dapat mengembangkan partinya lagi" berbanding UMNO yang "tidak begitu bergerak cergas kerana opposisi yang lemah", khususnya kerana "PAS telah diberi kerusi di negeri-negeri (yang calon-calon parti itu tidak pernah menang dalam pilihan-pilihan raya,

mereka terhadap kemampuan PAS melebarkan sayap perjuangannya di luar Kelantan,¹⁴⁸ khususnya kemampuannya menubuhkan ranting-ranting parti itu di kubu-kubu kuat UMNO,¹⁴⁹ turut menyumbangkan saham kepada penyingiran ini¹⁵⁰--kebimbangan yang

terutamanya di Melaka, Selangor, Pahang dan Pulau Pinang) dan mendapat kemenangan dengan sokongan daripada UMNO" dan kerana "kedudukan (sesetengah ahli PAS sebagai Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen) telah memberi peluang kepada mereka bergerak bebas bercampur-gaul dengan rakyat dengan menggunakan pengaruh kedudukan (mereka) itu bagi menarik orang ramai (me)masuk(i) parti (mereka)" ("PAS lebih untung dalam Barisan-Ghafar (UMNO tidak bergerak cergas kerana opposisi lemah)", dlm. Utusan Melayu, 19 Disember 1977).

¹⁴⁸ Pelebaran sayap perjuangan PAS di luar Kelantan ini adalah sebenarnya bergerak selari dengan usaha parti itu untuk menyusun semula cawangan-cawangan lamanya di samping menubuhkan cawangan-cawangan barunya bagi memenuhi matlamat agar ia akan mempunyai satu cawangan di dalam setiap kawasan Parlimen. Mengikut Penyata Tahunan PAS 1974/1975: "Sesudah (Pilihan Raya Umum 1974) selesai, parti kita mula mengambil perhatian tentang bagaimana parti mesti diperkuatkan dan disusun semula. Kita telah mengambil keputusan bahawa dalam penyusunan yang kita rancangkan itu, kita mahu hanya satu cawangan saja mesti ada (di) dalam satu kawasan Parlimen...*Alhamdulillah*, dengan berkat kerjasama semua yang berkenaan (di) dalam parti, penyusunan semula yang kita maksudkan itu mendapat kejayaan yang baik dan memuaskan (di mana) sehingga ini kita telah berjaya menyusun semula dan menubuhkan cawangan parti kita di tempat-tempat yang mengikut nama kawasan Parlimen yang baru sekarang sebanyak 109 cawangan daripada 114 kawasan kesemuanya. Usaha-usaha bagi menubuhkan cawangan-cawangan PAS di tempat-tempat atau kawasan-kawasan yang baki lagi itu masih terus berjalan sekarang" (Penyata Tahunan PAS 1974/1975. Hlm. 2).

¹⁴⁹ Tindakan para pemimpin PAS menubuhkan ranting-ranting parti itu di kubu-kubu kuat UMNO--tindakan yang diasaskan kepada persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 28 November 1975 untuk "menerima kemasukan ahli UMNO dan komponen Barisan Nasional yang lain (ke dalam PAS) (dengan syarat bahawa mereka itu haruslah (beragama Islam)" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 28 November 1975. Hlm. 5)--khususnya di kawasan Parlimen Hussein Onn, iaitu Sri Gading, telah mendatangkan kemarahan kepada ahli-ahli UMNO dengan UMNO Cawangan Parit Kadir, Mukim 10, Senggarang, Batu Pahat, khususnya telah, di dalam mesyuarat agung tahunannya pada 7 Februari 1976, memutuskan untuk mendesak Mohd Asri Muda mengarahkan mereka supaya tidak menubuhkan ranting-rantingnya di "kawasan yang sudah ada cawangan UMNO"--desakan yang sebaliknya tidak dihiraukan oleh para pemimpin PAS ini yang dilapor menyifatkan "(ke)wujud(an) PAS di kawasan UMNO yang menjadi anggota Barisan Nasional ketika ini adalah wajar dan menguntungkan untuk memperkuatkan bangsa Melayu" ("Penubuhan PAS di kawasan UMNO persaingan sihat--Abu Bakar (Umar)", dlm. Utusan Melayu, 13 Februari 1976) dan yang dilapor terus juga menubuhkan ranting-ranting parti itu di kawasan Parlimen Hussein Onn ("Tiga lagi ranting PAS di Sri Gading", dlm. Utusan Melayu, 23 April 1976). Walau bagaimanapun, di sebalik gembar-gembur mengenai kejayaan para pemimpin PAS menubuhkan ranting-ranting parti itu di kawasan itu, calon yang diletakkan oleh PAS untuk menandingi kerusi itu di dalam Pilihan Raya Umum 1978, iaitu Hassan Hussein, telah kehilangan wang pertaruhan beliau apabila beliau hanya memperolehi sebanyak 2,427 undi sahaja berbanding 19,761 undi yang diperolehi oleh Hussein Onn (Penyata Pilihan Raya Umum Dewan Rakyat dan Dewan-Dewan Undangan Negeri kecuali Dewan-Dewan Undangan Negeri Kelantan, Sabah dan Sarawak 1978. Hlm. 83 dan 160-161). Malah, walaupun setelah perletakan jawatan Hussein Onn, jumlah undi yang diperolehi oleh calon PAS di kerusi ini, iaitu Md Sulaiman @ Mohamed Anuar, teruserosot kepada hanya sebanyak 1,974 sahaja berbanding 21,037 undi yang diperolehi oleh calon UMNO, iaitu Mustaffa Mohammad, di dalam pilihan raya kecil yang dilangsungkan di sana pada 26 September 1981 (Warta Kerajaan Persekutuan, 24 September 1981, P.U. (B) 553; dan Warta Kerajaan Persekutuan, 15 Oktober 1981, P.U. (B) 630). Walaupun begitu, para pemimpin UMNO juga terbukti telah turut mengeksplotasikan penyertaan PAS di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dan Barisan Nasional untuk menubuhkan ranting-ranting parti itu di kubu-kubu kuat PAS, khususnya di Kelantan--perbuatan yang dimanifestasikan oleh laporan Setiausaha PAS Tanah Merah, Husain Yaakub, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, mengenai tindakan para pemimpin UMNO Tanah Merah "mencuri ahli-

diburukkan oleh keagresifan para pemimpin PAS menuntut agar peruntukan jawatan kerajaan¹⁵¹ dan peruntukan kerusi pilihan raya¹⁵² untuk PAS dipertingkatkan dan oleh keagresifan mereka menuntut agar sistem pemerintahan negara ini diIslamisasikan.¹⁵³

ahli PAS" di Panglima Bayu, Kampung Rambai, Kampung Panjang, Kampung Chawas, Becah Pelenting, Kampung Batu Garam dan Kampung Sat (Surat Setiausaha PAS Tanah Merah, Husain Yaakub, kepada Yang Dipertua Agung PAS, Mohd Asri Muda, bertarikh 15 April 1976 bertajuk "Laporan Kedudukan Ahli-Ahli PAS Cawangan Tanah Merah, Kelantan". Hlm. 1-3) dan perbuatan yang malahan diakui sendiri oleh Tengku Razaleigh Hamzah dan para pemimpin UMNO Kelantan lain kemudiannya (Mohd Ali Kamarudin (1998). Penaungan Dalam Kepemimpinan Politik Melayu: UMNO Kelantan 1946-1990. Universiti Malaya. Hlm. 341-343)–, tetapi bahawa perbuatan mereka ini tidak pernah dide dahkan oleh media massa berbanding dengan perbuatan para pemimpin PAS.

¹⁵⁰ Ketua Dewan Ulama' PAS Pusat di antara tahun-tahun 1968 dan 1993, iaitu Nik Abdul Aziz Nik Mat, malahan telah menyifatkan kebimbangan para pemimpin UMNO terhadap kemampuan PAS melebarkan sayap perjuangannya di luar Kelantan, khususnya kemampuannya menubuhkan ranting-ranting parti itu di kubu-kubu kuat UMNO, sebagai faktor yang terpenting di dalam menterburuakan kerjasama di antara PAS dan UMNO ini. Tegas beliau di dalam satu majlis ceramah politik beliau: "Kami telah coba masuk Barisan Nasional satu masa dulu tapi kami dihalau. Kesalahan kami tidak banyak waktu kami dihalau dari Barisan (Nasional), kesalahan kami, kalu nak sebut salah, kerana ketika 'tu orang PAS 'gi buka cawangan, Dato' Bakar Umar, masih hidup lagi di Kedah, 'gi buka cawangan PAS di Johor, ketika 'tu PAS dalam Barisan Nasional, ditimbul benda ni dalam Mesyuarat Agung UMNO, akhirnya kami dihalau keluar, begitu sekali mudah" (Rakaman ucapan tidak berteks Mursyidul Am PAS, Nik Abdul Aziz Nik Mat, di dalam majlis ceramah politik di Kota Bharu, Kelantan, pada 4 Oktober 1996 (tidak bertajuk)). Berdasarkan kepada kepercayaan beliau inilah beliau telah kemudiannya menolak saranan seorang wakil JAKIM supaya PAS kembali menyertai Barisan Nasional "demikian kebaikan Melayu sebagai suatu bangsa" dengan menegaskan: "Ustaz ingat PAS ni dah masuk dah Barisan Nasional, tahun (Tun Razak dan) Dato' Hussein Onn jadi Perdana Menteri. Itu kesungguhan PAS nak bersatu...Itu sejarah. Tapi kami ditendang keluar--bukan kami keluar, kami ditendang keluar--hasil daripada sebuah cawangan UMNO di Johor, kawasan Hussein Onn jugak rasanya, nak masuk, apa nama ni, Parti Rakyat. Ada satu cawangan UMNO nak masuk Parti Rakyat, maka Dato' Bakar Umar dari Kedah ni pergi berjumpa orang 'ni, "Pada 'mung duk masuk Parti Rakyat, baik masuk PAS". Orang 'ni pun tertarik, masuk PAS. Bila masuk PAS, Sidang Agung UMNO di Kuala Lumpur sebut benda ni, bahawa PAS ni kacau, ambik orang UMNO jadi anggota dia. Pah akhir sekali dikeluarkan PAS. 'Tu bendanya. Jadi padahalnya kami ketika kami masuk ni PAS berpecah, kami tahu, saya sendiri tahu, PAS ni akan berpecah. Pecah sungguh...Tapi kami berusaha nak menyatu-padu, rela kami masuk Barisan Nasional. Tapi apa jadi? Kami ditendang keluar. Itu rekod ada. Itu dia duduk. Jadi nak masuk pulak, 'dok la, la idahul mukminin marratain. Tak boleh, sengat dua kali selubang tak boleh dah" (Rakaman kenyataan Mursyidul Am PAS, Nik Abdul Aziz Nik Mat, di dalam majlis soal jawab di antara beliau dan wakil-wakil JAKIM di Kota Bharu, Kelantan, pada 10 Mei 2002 (tidak bertajuk)).

¹⁵¹ Dari segi peruntukan jawatan kerajaan di peringkat pusat, PAS, yang sebelum daripada kematian mengejut Abdul Razak Hussein pada 14 Januari 1976 hanya diperuntukkan dengan satu jawatan Menteri, dua jawatan Timbalan Menteri dan satu jawatan Setiausaha Parliment, telah, pada 14 April 1977, berjaya mempertingkatkan kedudukannya melalui peruntukan dua jawatan Menteri, dua jawatan Timbalan Menteri dan dua jawatan Setiausaha Parliment--kejayaan yang meninggalkan hanya satu daripada permintaan-permintaan yang dikemukakan oleh Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 15 Januari 1976 kepada UMNO, iaitu permintaannya agar diwujudkan satu jawatan Timbalan Perdana Menteri Kedua yang akan diisi oleh wakil PAS (Minit Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 15 Januari 1976. Hlm. 2), yang belum dipenuhi oleh parti itu pada 14 April 1977. Dari segi peruntukan jawatan kerajaan di peringkat negeri pula, PAS, yang sebelum daripada kematian mengejut Abdul Razak Hussein pada 14 Januari 1976 hanya diperuntukkan dengan dua jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Kedah dan Terengganu serta satu jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Perak, telah, pada 19 April 1977, berjaya mempertingkatkan kedudukannya melalui peruntukan dua jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan

Secara lebih mendalamnya, keterburuan kerjasama di antara PAS dan UMNO ini adalah berpunca daripada hakikat bahawa kewujudan kerjasama itu pada asalnya adalah lebih digantungkan kepada keperibadian Abdul Razak Hussein sebagai Presiden UMNO daripada kepada para pemimpin UMNO yang lain, lebih-lebih lagi kepada ahli-ahli UMNO itu sendiri,¹⁵⁴ di mana penghormatan yang tinggi kepada beliau, juga ketulusan

Negeri di Kedah dan Terengganu serta satu jawatan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Perak, Perlis dan Pulau Pinang.

¹⁵² Walaupun para pemimpin PAS belum mengemukakan sebarang tuntutan rasmi agar peruntukan kerusi pilihan raya untuk PAS dipertingkatkan tatkala berlakunya pertikaian di antara PAS dan Mohamad Nasir, kandungan ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-23 pada 23, 24 dan 25 Julai 1977 yang mengingatkan para pemimpin UMNO supaya tidak menganggap PAS lemah, seterusnya tidak menekan dan menindasnya, semata-mata kerana ia bersikap toleran di dalam soal pembahagian kerusi atau jawatan (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Tahunan PAS Kali Ke-23 pada 23, 24 dan 25 Julai 1977 (tidak bertajuk). Hlm. 8) dan yang memberikan amaran bahawa PAS tidak akan teragak-agak untuk bertindak balas, "sekalipun hingga terpaksa mengambil jalan sendiri", sekiranya UMNO terlebih dahulu berlaku serong dengan bertindak mencabuli kerjasama di dalam Barisan Nasional (*Ibid.* Hlm. 9) jelas membayangkan bahawa tuntutan ini, juga tuntutan agar peruntukan jawatan kerajaan untuk PAS dipertingkatkan, kemungkinan besarnya akan turut dikemukakan dengan secara rasminya oleh mereka nantinya.

¹⁵³ Ketua Dewan Pemuda PAS Pusat di antara tahun-tahun 1975 dan 1987, iaitu Mustafa Ali, malahan telah dilapor menyifatkan keimbangan para pemimpin UMNO terhadap keagresifan para pemimpin PAS menuntut agar sistem pemerintahan negara ini diislamisasikan--tuntutan yang dimanifestasikan oleh kandungan ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-22 pada 5 dan 6 Ogos 1976 yang mengisyiharkan bahawa "sudah tiba waktunya suatu perubahan radikal dalam sistem politik dan perundangan yang mengarahkan kepada seruan para pemimpin kita (untuk) memberikan tempat yang asal kepada undang-undang Islam" (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Ke-22 pada 5 dan 6 Ogos 1976 bertajuk "Sikap Kita Sekarang". Hlm. 15)--sebagai faktor yang terpenting di dalam menterburaiakan kerjasama di antara PAS dan UMNO ini. Tegas beliau di dalam satu majlis ceramah politik beliau: "PAS sudah banyak berkorban ketika menyahut seruan Allahyarham Perdana Menteri, Tun Abdul Razak, untuk menyertai kerajaan campuran (dan seterusnya Barisan Nasional) dari tahun 1973 hingga (tahun) 1977 dulu. Malangnya, setelah pemimpin-pemimpin UMNO berasa terhimpit dengan desakan-desakan agar kerajaan melaksanakan undang-undang dan peraturan memerintah menurut cara Islam, PAS akhirnya disingkir dari (Barisan Nasional) dengan alasan-alasan yang sengaja dibuat-buat" ("PAS tidak mungkin bekerjasama lagi dengan UMNO", dlm. Berita Harian, 14 Januari 1987). Seorang lagi pemimpin tertinggi PAS, iaitu Abdul Hadi Awang, yang walaupun tidak terlibat dengan penyertaan PAS di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dan Barisan Nasional, juga turut mengongsi pandangan Mustafa Ali ini kerana beliau juga telah menyatakan: "Riwayat PAS bersama Barisan Nasional berakhir apabila PAS ditendang dari Barisan Nasional, bukannya PAS yang menjadi punca perpecahan. PAS dikeluarkan dari Barisan Nasional kerana (ia) mempunyai beberapa pandangan dan rancangan (yang) berbeza dengan Barisan Nasional, terutamanya dalam soal menegakkan Islam. Dasar PAS mengenai Islam inilah yang tidak digemari oleh Barisan Nasional. Apabila PAS mendesak agar dilaksanakan Islam dengan lebih meluas, Barisan Nasional mempersoalkannya... Pertentangan inilah yang mengakibatkan PAS ditendang keluar dari Barisan Nasional" (Abdul Hadi Awang (2001). 50 Tahun PAS Dan Perjuangan: Ucapan Yang Amat Berhormat Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, Timbalan Presiden PAS. Kuala Terengganu: Dewan Ulama' PAS Negeri Terengganu. Hlm. 14-15).

¹⁵⁴ Tulis Neil John Funston mengenai keterlibatan ahli-ahli UMNO di dalam memutuskan soal kerjasama di antara PAS dan UMNO ini: "*At the national level, (UMNO) remained elitist...General Assemblies...were in essence 'briefing sessions'. When the important issue of entering into a coalition*

beliau untuk mengekalkan kewujudan kerjasama itu, menyebabkan para pemimpin PAS, khususnya Mohd Asri Muda, mampu menyampaikan secara sedikit demi sedikit masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka sehubungan dengan perjalanan kerjasama itu terus kepada beliau, selain menyampaikannya secara terbuka, tanpa perlu merasa bimbang mengenai implikasinya.¹⁵⁵ Kematian Abdul Razak Hussein, yang diikuti oleh kenaikan tokoh-tokoh yang tidaklah terlalu mementingkan kewujudan kerjasama itu dan oleh pemunggiran tokoh-tokoh yang mementingkannya,¹⁵⁶ menyebabkan para pemimpin PAS kehilangan saluran penyampaian masalah mereka ini, malah kehilangan jaminan

with PAS arose, party members were summoned to be informed of the agreement, not to be consulted on it" (Neil John Funston (1980). Malay Politics in Malaysia: A Study of The United Malays National Organisation and Party Islam. Petaling Jaya: Heinemann Educational Books (Asia). Hlm. 239). Tulis Syed Ahmad Hussein pula: "(Because of) the changes in personnel, the manipulative approach and the authoritarian tendencies (of Razak), UMNO General Assembly meetings became timid 'briefing sessions'. Major issues, such as the 1972 coalition agreement with PAS, were presented to the Assembly as fait accompli" (Syed Ahmad Hussein (1988). Islam and Politics in Malaysia, 1969-1982: The Dynamics of Competing Traditions. Yale University. Hlm. 147 dan 148).

¹⁵⁵ Keyakinan para pemimpin PAS, khususnya Mohd Asri Muda, terhadap ketulusan Abdul Razak Hussein untuk mengekalkan kewujudan kerjasama di antara PAS dan UMNO ini jelas tergambar di dalam pendedahan Mohd Asri Muda di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Julai 1975 bahawa Abdul Razak Hussein "tidak suka kita berpisah" (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 14 Julai 1975. Hlm. 3).

¹⁵⁶ Walaupun setelah kematian Abdul Razak Hussein, kelangsungan kerjasama di antara PAS dan UMNO di dalam Barisan Nasional mungkin akan tetap terjamin sekiranya tokoh yang disokong oleh PAS untuk menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri Malaysia bagi mengantikan tempat Hussein Onn, iaitu Mohd Ghazali Shafie--yang telah turut memainkan peranan yang agak penting di dalam mewujudkan kerjasama di antara UMNO dan PAS di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dan Barisan Nasional (Teks Ucapan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Mohd Ghazali Shafie, di dalam Forum Kesedaran di Pusat Latihan Angkatan Belia Perdana Negara, Kuantan, Pahang, pada 4 Mei 1978, dlm. Mohd Ghazali Shafie (1978). Malaysia: Nilai Politik Dan Budaya. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif. Hlm. 77) dan yang pernah menyatakan kesedihan beliau "apabila PAS meninggalkan Barisan Nasional" (Ibid. Hlm. 77)--, dipilih untuk menjawat jawatan itu. Tindakan Hussein Onn memilih Dr Mahathir Mohamad ternyata telah menjelaskan perhubungan di antara PAS dan UMNO memandangkan Dr Mahathir Mohamad, yang, seperti mana Hussein Onn, tidaklah terlalu terlibat di dalam usaha mewujudkan kerjasama di antara UMNO dan PAS di dalam Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dan Barisan Nasional, tentulah akan dipengaruhi oleh ingatan beliau mengenai kegagalan para pemimpin PAS untuk memberikan sokongan kepada beliau di dalam pemilihan penjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri Malaysia ini di dalam interaksi beliau dengan mereka pada masa-masa yang seterusnya. Selain memperkatakan tentang kematian "pengasas (Kerajaan Campuran Perikatan-PAS dan) Barisan Nasional dari pihak UMNO", iaitu Abdul Razak Hussein dan Dr Ismail Abdul Rahman, juga tentang pemunggiran "pemimpin-pemimpin UMNO yang cintakan perpaduan", Siaran Penerangan PAS Negeri Kelantan telah pernah menyebutkan tentang kematian Syed Jaafar Albar dan penahanan Harun Idris sebagai salah satu faktor yang turut menyumbang kepada kejayaan usaha penyingkirkan PAS dari Barisan Nasional--usaha yang dikatakan merupakan "suatu perlaksanaan perancangan dari golongan The Gang of Four yang tidak selesa dengan wujudnya PAS dalam Barisan Nasional itu" ("Muktamar khas meriah: Asri mendapat kepercayaan sebulat suara", dlm. Siaran Penerangan PAS Negeri Kelantan, Bil. 3/78, 22 Februari 1978. Hlm. 2).

kelangsungan kerjasama itu sendiri, yang sekaligus mendorong mereka bertindak lebih agresif untuk memastikan keteguhan kedudukan parti mereka di dalam kerjasama itu.

Di dalam kerangka yang lebih luas,¹⁵⁷ kedua-dua para pemimpin UMNO dan PAS telah masing-masingnya melakukan beberapa kesilapan¹⁵⁸ yang menyumbang kepada penterburaihan kerjasama di antara PAS dan UMNO ini di mana para pemimpin UMNO didapati mencampuri urusan pemilihan Menteri Besar Kelantan,¹⁵⁹ tidak memperuntukkan jawatan kerajaan dan kerusi pilihan raya yang secukupnya kepada PAS¹⁶⁰ dan tidak mengakomodasikan tuntutan untuk mengIslamisasikan sistem

¹⁵⁷ Mohd Asri Muda walau bagaimanapun telah kemudiannya meletakkan satu perkara yang amat tidak signifikan sekali, iaitu "salah anggapan yang didorong oleh laporan yang salah tentang sesuatu kejadian yang akhirnya menjadi begitu sensitif sekali", sebagai salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kejayaan usaha penyingkiran PAS dari Barisan Nasional ini (Mohd Asri Muda (1993). Memoir Politik Asri: Meniti Arus. Bangi: Penerbit UKM. Hlm. 109). Cerita beliau: "Telah berlaku satu kejadian di suatu tempat (di mana) PAS telah mengadakan majlis pertemuan dengan anggotanya (dan) kebetulan pada waktu yang sama Pemuda UMNO juga mengadakan perjumpaan (yang) (di)hadir(i) (oleh) Perdana Menteri. Waktu rombongan Perdana Menteri melalui tempat perhimpunan PAS itu, anggota PAS telah berkumpul dan bersorak melambai-lambaikan tangan kepada rombongan Perdana Menteri. Peristiwa ini rupa-rupanya telah menimbulkan salah faham yang menimbulkan tuduhan bahawa PAS telah mengejek Perdana Menteri" (Ibid. Hlm. 109-110).

¹⁵⁸ Kesilapan-kesilapan ini walau bagaimanapun perlulah dilihat di dalam konteks pertarungan para pemimpin UMNO dan PAS untuk melebarkan pengaruh politik parti-parti mereka di kalangan orang-orang Melayu/Islam di negara ini—pertarungan yang jelas dimanifestasikan oleh tindakan mereka memperbesar-besarkan kekuatan ideologi perjuangan parti-parti mereka, malah ada ketikanya oleh tindakan mereka memperkecil-kecilkan kekuatan ideologi perjuangan parti rakan mereka. Tulis Kamarudin Jaffar mengenainya: "*Politicking* di kalangan parti-parti Melayu dalam Barisan Nasional nampaknya tidaklah terkawal. Satu sebab yang penting mengapa pertentangan di antara UMNO dan PAS di dalam Barisan Nasional menjadi begitu sengit ialah kerana kedua-dua parti ini mengaitkan perjuangan mereka kepada soal *survival*; UMNO memperjuangkan *survival* satu sistem politik yang berteraskan kepada nasionalisme Melayu dan dipimpin oleh UMNO manakala PAS pula memperjuangkan *survival* ummah dan sistem hidup Islam. Kejayaan kedua-dua parti ini adalah terletak kepada sokongan masyarakat Melayu" (Kamarudin Jaffar (2000). Pilihan Raya 1999 Dan Masa Depan Politik Malaysia. Kuala Lumpur: Ikdas Sdn Bhd. Hlm. 47-48).

¹⁵⁹ Muhammad Kamlin walau bagaimanapun menyatakan: "(PAS's) objection in 1974 to the appointment of Dato' Mohamad Nasir as Menteri Besar was proof that it had not fully assimilated the implications of (its initial decision to join the BN) and not quite absorbed the concept and modus operandi of the BN" (Muhammad Kamlin, The Storm Before the Deluge: The Kelantan Prelude to the 1978 Elections, dlm. Harold Crouch, et. al. (eds.) (1980). Malaysian Politics and the 1978 Elections. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 59).

¹⁶⁰ Patrick Martin Mayerchak umpamanya telah pernah menyentuh tentang ketidakcukupan peruntukan jawatan kerajaan di peringkat pusat kepada PAS dengan menyatakan: "UMNO leaders in their capacity as leaders of the (National Front) did not sufficiently enlarge the cabinet to adequately reward the new coalition members... The remaining members in the National Front (the SUPP, the Sabah Alliance, the Sarawak Alliance and PAS) have all been consistently under-rewarded" (Patrick Martin Mayerchak

pemerintahan negara ini¹⁶¹ manakala para pemimpin PAS pula didapati mencampuri urusan pemilihan Timbalan Perdana Menteri Malaysia¹⁶² dan menubuhkan ranting-ranting parti itu di kubu-kubu kuat UMNO¹⁶³--kesilapan-kesilapan yang kebanyakannya hanyalah diakibatkan oleh ketiadaan garis-garis panduan yang jelas ke atas perjalanan Barisan Nasional, khususnya mengenai peruntukan jawatan kerajaan dan peruntukan kerusi pilihan raya,¹⁶⁴ kuasa memilih penjawat jawatan-jawatan kerajaan dan calon-calon pilihan raya,¹⁶⁵ kuasa memecat ahli-ahli parti¹⁶⁶ dan mobilisasi di antara ahli-ahli parti,¹⁶⁷

(1975). An Analysis of the Distribution of Rewards in the Malaysian Alliance Coalition (1959-1973). The American University. Hlm. 145 dan 159).

¹⁶¹ Para pemimpin UMNO sekurang-kurangnya perlulah mengotakan janji yang dibuat oleh Abdul Razak Hussein di dalam perundingan pertama pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS yang dilangsungkan di antara wakil-wakil UMNO dan PAS pada 16 Ogos 1972, iaitu bahawa PAS akan dibenarkan menggubal undang-undang yang mengandungi nilai-nilai Islam bagi mengawal akhlak rakyat (Kertas kerja Timbalan Yang Dipertua Agung PAS, Hasan Adli Arshad, bertarikh 23 Ogos 1972 bertajuk "Minority Report Dan Memorandum". Fasal 3(IX); dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 24 November 1972. Hlm. 3)--janji yang telah kemudiannya turut dibuat oleh Abdul Kadir Yusoff di dalam pertemuan beliau dengan rombongan Dewan Pemuda PAS Pusat pada 20 November 1975 (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 28 November 1975. Hlm. 5; dan "Kerajaan nak gubal undang-undang moral: Meliputi semua bangsa dan agama", dlm. Utusan Melayu, 21 November 1975).

¹⁶² Para pemimpin PAS walau bagaimanapun mungkin boleh menjustifikasi tindakan mereka mencampuri urusan pemilihan Timbalan Perdana Menteri Malaysia ini--tindakan yang diasaskan kepada hasrat mereka untuk memelihara kedudukan PAS di dalam Barisan Nasional--kepada tindakan para pemimpin UMNO mencampuri urusan pemilihan Menteri Besar Kelantan sebelumnya.

¹⁶³ Para pemimpin PAS walau bagaimanapun mungkin boleh menjustifikasi tindakan mereka menubuhkan ranting-ranting parti itu di kubu-kubu kuat UMNO kepada kegagalan para pemimpin UMNO di tempat-tempat itu untuk mewujudkan kerjasama yang baik dengan PAS, di mana tindakan mereka menubuhkan ranting-ranting parti itu di Johor khususnya mungkin boleh turut dijustifikasi oleh kegagalan para pemimpin UMNO Johor untuk memperuntukkan satu kerusi Dewan Undangan Negeri Johor kepada PAS sedangkan Wan Ismail Ibrahim umpamanya telah membayangkan bahawa penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional akan membolehkan ia "mempunyai wakilnya di tiap-tiap negeri (di Semenanjung)" (Kertas kerja Bendahari Agung PAS, Wan Ismail Ibrahim, bertarikh 7 April 1974 bertajuk "Kerajaan Campuran Dan Kemajuan-Kemajuannya". Hlm. 7).

¹⁶⁴ Sufian Mohamad umpamanya telah menyatakan bahawa peruntukan kerusi kepada PAS di dalam Pilihan Raya Umum 1974 sepatutnya telah diputuskan tatkala PAS mula-mula menyertai Barisan Nasional lagi (Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Agung PAS pada 21 Oktober 1974. Hlm. 2).

¹⁶⁵ Mohd Asri Muda umpamanya telah menyatakan bahawa kuasa memilih penjawat jawatan Menteri Besar Kelantan sepatutnya dimiliki oleh PAS yang merupakan "pemegang saham terbesar dalam Barisan Nasional di Kelantan...sesuai dengan ketentuan dalam Perlembagaan PAS sendiri dan selaras dengan semangat Barisan Nasional" (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 bertajuk "Cubaan Dan Cabaran". Hlm. 7-8) manakala Dr Mahathir Mohamad pula telah menyatakan bahawa ia adalah dimiliki oleh pihak tertinggi dalam Barisan Nasional ("Perlantikan MB baru di Kelantan: Asri beri pendapatnya", dlm. Berita Harian, 29 Oktober 1977).

dan yang sebenarnya boleh dielakkan sekiranya para pemimpin PAS terlebih dahulu memastikan implikasi-implikasi daripada penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional.¹⁶⁸

¹⁶⁶ Mohd Asri Muda umpamanya telah menyifatkan tindakan Majlis Tertinggi Barisan Nasional mengarahkan PAS untuk memecat keahlian Ahli-Ahli Parlimennya yang mengundi menentang Rang Undang-Undang Kuasa-Kuasa Darurat (Kelantan) 1977 sebagai satu "campur tangan" yang "tidak munasabah" dan "melampaui batas" kerana "dalam gabungan yang longgar seperti Barisan Nasional, mana-mana pihak pun tidak seharusnya melanjutkan tangan begitu jauh hingga ke dalam diri mana-mana parti komponen" (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 bertajuk "Cubaan Dan Cabaran". Hlm. 31), juga kerana "perjanjian kerajaan campuran dahulu pun yang masih dianggap terus terpakai membolehkan sebarang bangkangan (ke atas cadangan atau undang-undang yang berlawanan dengan kehendak Islam) dilakukan dengan sebaik mungkin" (Mohd Asri Muda (1993). Memoir Politik Asri: Meniti Arus. Bangi: Penerbit UKM. Hlm. 110) manakala Hussein Onn pula telah menyatakan bahawa ia adalah diperlukan untuk "memelihara perpaduan" dan "memperkuatkan Barisan Nasional" (Teks ucapan Presiden UMNO, Hussein Onn, di dalam Perjumpaan Ketua-Ketua Bahagian UMNO pada 9 Disember 1977 bertajuk "Mengapa PAS Disingkir", dlm. Wan Mohd Mahyiddin dan Nik Mustaffa Yusof (1997). Amanat Presiden: Landasan Bagi Pembinaan Bangsa Dan Negara (Jilid II). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. Hlm. 240-241). Sebelumnya pula, Mohd Asri Muda telah dilapor menyatakan bahawa Majlis Tertinggi Barisan Nasional tidak berhak campur tangan dalam soal pemecatan Mohamad Nasir dari PAS kerana ia dikatakan masalah rumah tangga PAS, apatah lagi kerana soal pemecatan Harun Idris dari UMNO juga dikatakan tidak pernah dibincangkan di dalamnya, manakala Dr Mahathir Mohamad pula telah dilapor menyatakan bahawa ia tetap akan dibincangkan di dalam Majlis Tertinggi Barisan Nasional kerana "kesan tindakan memecat (Mohamad Nasir) dari PAS tetap melibatkan Barisan Nasional" ("BN akan bincang masalah MB Kelantan", dlm. Berita Harian, 2 Oktober 1977).

¹⁶⁷ Hamzah Abu Samah umpamanya telah, sewaktu "menyeru pucuk pimpinan Barisan Nasional, khususnya UMNO, mengkaji secara mendalam kedudukan PAS dalam Barisan Nasional", dilapor menyatakan bahawa "pada peringkat penubuhan Barisan Nasional, PAS berjanji tidak akan menubuhkan ranting barunya di mana terdapat cawangan UMNO terlebih dulu di satu-satu tempat itu, tapi apa yang berlaku sekarang tidak sebagaimana yang diperkatakan" ("Hamzah seru kaji kedudukan PAS dalam Barisan Nasional", dlm. Utusan Melayu, 13 November 1977) manakala Mohd Asri Muda pula telah dilapor menyatakan bahawa "there is no gentleman's agreement (*agreement that cannot be enforced by law but depends on the mutual trust and good faith of those involved*) dibuat seperti dakwaan (Abdul) Ghafar Baba...dalam menetapkan kawasan mana yang boleh atau tidak boleh cawangan PAS ditubuhkan (sewaktu kami dalam Barisan Nasional)" ("Bagaimana masa depan PAS?" dlm. Dewan Masyarakat, 15 Januari 1978. Hlm. 4).

¹⁶⁸ Selain menyatakan bahawa kegagalan para pemimpin PAS memahami implikasi-implikasi daripada penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional, khususnya kegagalan mereka memahami hakikat bahawa "*(the Prime Minister's) position is virtually one of peerless supremacy and all-embracing authority*", telah menyumbang kepada penyingkiran PAS dari Barisan Nasional, Muhammad Kamlin juga turut memberikan satu pilihan lain ke atasnya, iaitu bahawa para pemimpin PAS sememangnya memahami implikasi-implikasi berkenaan, tetapi bahawa mereka merasakan mereka mempunyai kekuatan yang mencukupi untuk mengelakkannya (Muhammad Kamlin, The Storm Before the Deluge: The Kelantan Prelude to the 1978 Elections, dlm. Harold Crouch, et. al. (eds.) (1980). Malaysian Politics and the 1978 Elections. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Hlm. 58-59). Bukti-bukti yang dipaparkan di dalam kajian ini--termasuklah kenyataan-kenyataan Mohd Asri Muda yang membayangkan kepercayaan beliau bahawa kuasa memilih Menteri Besar Kelantan dan kuasa memecat ahli-ahli PAS adalah termasuk di dalam soal "identiti PAS" dan, disebabkan "identiti PAS" ini dikatakan terpelihara walaupun setelah PAS menyertai Barisan Nasional, akan kekal berada di tangan para pemimpin PAS walaupun setelah PAS menyertai Barisan Nasional (Teks ucapan dasar Mohd Asri Muda di dalam Muktamar Khas PAS Kali Ke-4 pada 25 Disember 1977 bertajuk "Cubaan Dan Cabaran". Hlm. 8 dan 31), juga kenyataan beliau yang membayangkan kepercayaan beliau bahawa asas-asas pembentukan Kerajaan Campuran Perikatan-PAS masih terus terpakai walaupun setelah PAS menyertai Barisan Nasional (Mohd Asri Muda (1993). Memoir Politik Asri: Meniti Arus. Bangi: Penerbit UKM. Hlm. 110)--walau bagaimanapun menunjukkan bahawa penyingkiran PAS dari Barisan Nasional ini, setakat

mana ianya melibatkan para pemimpin PAS, adalah lebih disumbangkan oleh kegagalan mereka memahami implikasi-implikasi daripada penyertaan PAS di dalam Barisan Nasional berbanding oleh perasaan mereka bahawa mereka mempunyai kekuatan yang mencukupi untuk mengelakkannya.